

**PIAWAIAN PERAKAUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM –  
ENTITI YANG TIDAK MEMPUNYAI  
KEPENTINGAN AWAM**

---

Berkuatkuasa untuk penyata kewangan  
Entiti yang Berkelayakan meliputi tempoh bermula  
pada atau selepas 1 Januari 2018

## SENARAI KANDUNGAN

<b>RANGKA KERJA PIAWAIAN PERAKAUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM .....</b>	<b>1</b>
Skop .....	1
Pengguna .....	1
Objektif .....	1
Rangka Kerja Umum .....	1
Elemen .....	1
Pengiktirafan .....	2
Pengukuran .....	2
Entiti Yang Berkelayakan .....	2
Akauntabiliti Awam .....	2
Peruntukan Peralihan .....	2
Tarikh Berkuatkuasa .....	3
<b>PIAWAIAN PERAKAUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM .....</b>	<b>4</b>
Definisi .....	4
BDAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan .....	11
BDAS 2 – Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan .....	17
BDAS 3 – Hartanah, Loji dan Peralatan .....	19
BDAS 4 – Aset Tak Ketara .....	22
BDAS 5 – Pajak .....	25
BDAS 6 – Pelaburan .....	27
BDAS 7 – Inventori .....	29
BDAS 8 – Kontrak Pembinaan .....	30
BDAS 9 – Rosot Nilai Aset .....	32
BDAS 10 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka .....	34
BDAS 11 – Hasil .....	36
BDAS 12 – Geran Kerajaan Dan Bantuan Kerajaan Lain .....	38
BDAS 13 – Kos Peminjaman .....	40
BDAS 14 – Cukai Pendapatan .....	42
BDAS 15 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing .....	43
BDAS 16 – Pendedahan Pihak Yang Berkaitan .....	45
BDAS 17 – Peristiwa Selepas Tarikh Kunci Kira-Kira .....	47
BDAS 18 – Penyata Aliran Tunai .....	49
BDAS 19 – Perakaunan Untuk Akuakultur .....	56
BDAS 20 – Aktiviti-Aktiviti Pemajuan Hartanah .....	60
Tarikh Berkuatkuasa .....	66
<b>BAHAGIAN 1 – CONTOH-CONTOH PENGGUNAAN .....</b>	<b>67</b>
<b>BAHAGIAN 2 – ILUSTRASI .....</b>	<b>73</b>

# **RANGKA KERJA PIAWAIAN PERAKAUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

## **Skop**

Piawaian Perakaunan Negara Brunei Darussalam bagi Entiti Yang Tidak Mempunyai Kepentingan Awam (BDAS NON-PIE) adalah berdasarkan pada rangka kerja umum yang dibina oleh Majlis Piawaian Perakaunan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan penyata kewangan entiti, iaitu Entiti Yang Tidak Mempunyai Kepentingan Awam (NON-PIE) di Negara Brunei Darussalam.

## **Pengguna**

Secara umumnya, pengguna penyata kewangan termasuklah mereka yang berkemungkinan akan menjadi pelabur, pekerja, pemberi pinjaman, pembekal dan pemiutang perdagangan yang lain, pelanggan, Kerajaan dan agensinya, dan dalam sesetengah kes, orang awam. Pengguna paling ketara adalah terdiri dari kalangan pemilik, Kerajaan dan pemiutang, yang mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat tambahan selain yang terdapat dalam penyata kewangan. Pihak pengurusan juga berminat dengan maklumat dalam penyata kewangan, walaupun mereka dapat mengetahui maklumat tambahan mengenai pengurusan dan kewangan.

## **Objektif**

Objektif penyata kewangan adalah untuk memberikan maklumat yang berguna kepada pengguna mengenai kedudukan kewangan dan prestasi sesebuah entiti. Penyata kewangan menunjukkan hasil pengawasan dan akauntabiliti pihak pengurusan terhadap sumber yang diamanahkan kepada mereka.

## **Rangka Kerja Umum**

Usaha berterusan, konsisten dan akruan merupakan andaian asas dalam perakaunan yang perlu dipatuhi dalam penyata kewangan, namun demikian, pendedahan andaian tersebut adalah tidak diperlukan. Jika andaian asas dalam perakaunan ini tidak dipatuhi, fakta tersebut perlu didedahkan bersama-sama dengan alasannya.

- (i) Usaha berterusan – Entiti kebiasaannya dilihat sebagai suatu usaha berterusan, iaitu, yang akan terus beroperasi pada masa hadapan yang dapat diramalkan. Entiti tersebut diandaikan tidak mempunyai niat atau keperluan untuk pembubaran atau pengurangan skala operasinya secara signifikan;
- (ii) Konsisten – Dasar perakaunan diandaikan konsisten dari satu tempoh kewangan ke satu tempoh kewangan yang berikutnya;
- (iii) Akruan – Asas perakaunan akruan bagi hasil dalam setiap tempoh kewangan bermaksud hasil diiktiraf pada masa hasil tersebut perlu bayar, bukan ketika diterima. Akruan perbelanjaan dalam setiap tempoh kewangan bermaksud kos diiktiraf apabila obligasi timbul atau liabiliti ditanggung, dan bukannya apabila pembayaran dibuat. Prinsip ini juga digunapakai kepada konsep pepadanan yang terdapat di bawah asas perakaunan akruan.
- (iv) Berhemat, mementingkan inti pati daripada bentuk, dan materialiti, seperti yang dihuraikan di bawah ini, diperlukan untuk mengawal pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan:
  - a) Berhemat – Ketidakpastian tidak dapat dielakkan dalam banyak transaksi. Perkara ini hendaklah diiktiraf dengan cara berhemat semasa menyediakan penyata kewangan. Walaubagaimanapun, ini tidak mewajarkan pewujudan rizab rahsia atau yang tersembunyi;
  - b) Mementingkan inti pati daripada bentuk – Transaksi dan peristiwa lain hendaklah diambilkira dan dilaporkan mengikut inti pati dan realiti kewangannya, dan bukannya mengikut bentuknya dari segi undang-undang sahaja; dan
  - c) Materialiti – Penyata kewangan hendaklah mendedahkan semua item yang dianggap cukup signifikan dalam mempengaruhi penilaian atau keputusan, dan semua maklumat signifikan yang diperlukan untuk menjadikan penyata tersebut jelas dan boleh difahami.

## **Elemen**

“Aset” ialah sumber yang dikawal oleh entiti yang terhasil daripada peristiwa yang lalu, dan daripadanya manfaat ekonomi masa hadapan dijangka mengalir ke entiti berkenaan.

“Liabiliti” ialah obligasi kini entiti, yang timbul daripada peristiwa yang lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan mengakibatkan sumber yang merangkumi manfaat ekonomi mengalir keluar daripada entiti.

“Ekuiti” ialah kepentingan baki dalam aset entiti selepas semua liabiliti ditolak.

“Pendapatan” merangkumi hasil dan laba. Ini termasuklah peningkatan dalam manfaat ekonomi semasa tempoh perakaunan, dalam bentuk aliran masuk atau penambahbaikan aset serta pengurangan liabiliti yang mengakibatkan peningkatan dalam ekuiti, selain daripada yang berkaitan dengan sumbangan daripada peserta ekuiti.

“Perbelanjaan” merangkumi kerugian dan juga perbelanjaan yang timbul dalam menjalankan aktiviti lazim entiti. Perbelanjaan adalah pengurangan dalam manfaat ekonomi.

### **Pengiktirafan**

Item yang memenuhi definisi elemen hendaklah diiktiraf jika (a) terdapat kemungkinan bahawa sebarang manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir ke atau daripada entiti; dan (b) item tersebut mempunyai kos atau nilai yang boleh diukur dengan pasti. Saling berkaitan antara elemen bermaksud item yang memenuhi definisi dan kriteria pengiktirafan bagi elemen tertentu, contohnya, aset, dengan sendirinya memerlukan pengiktirafan elemen lain, contohnya, pendapatan atau liabiliti.

### **Pengukuran**

Asas pengukuran yang biasanya diterima pakai oleh entiti dalam menyediakan penyata kewangan ialah kos sejarah. Ia boleh digabungkan dengan asas pengukuran yang lain bagi item tertentu yang dinyatakan di bawah BDAS NON-PIE ini.

Menurut konvensyen kos sejarah:

- (a) Aset direkodkan mengikut amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dibayar atau nilai saksama mengikut pertimbangan yang diberikan untuk memperolehnya pada masa perolehan; dan
- (b) Liabiliti direkodkan mengikut amaun hasil yang diterima sebagai pertukaran kepada obligasi, atau dalam sesetengah keadaan (contohnya, cukai pendapatan), mengikut amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dijangka akan dibayar untuk melunaskan liabiliti tersebut dalam urusan biasa perniagaan.

Aset seterusnya diukur mengikut kos dan hanya akan dinilai semula atau diukur semula di bawah asas lain selain daripada kos sejarah jika dibenarkan oleh piawaian tertentu di bawah rangka kerja ini.

### **Entiti Yang Berkelayakan**

Dikenakan kepada semua NON-PIE di Negara Brunei Darussalam. Entiti mempunyai akauntabiliti awam bagi tujuan BDAS NON-PIE seperti yang dijelaskan di bawah ini:

#### **Akauntabiliti Awam**

Definisi akauntabiliti awam seperti yang dijelaskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB) ialah akauntabiliti terhadap pembekal sumber, yang sedia ada dan yang baharu, serta pihak lain yang di luar daripada entiti, yang membuat keputusan ekonomi tetapi tidak boleh meminta laporan yang dibuat khusus mengikut keperluan maklumat tertentu mereka. Entiti mempunyai akauntabiliti awam jika:

- (a) Instrumen hutang atau ekuitinya didagangkan di pasaran awam atau dalam proses untuk mengeluarkan instrumen tersebut untuk didagangkan di pasaran awam (bursa saham domestik atau asing atau pasaran atas kaunter, termasuklah pasaran tempatan dan serantau), atau
- (b) Ia memegang aset bagi sekumpulan orang luar selaku pemegang amanah sebagai salah satu perniagaan utamanya. Kes ini lazim bagi bank, kesatuan kredit, syarikat insurans, broker/wakil penjual sekuriti, dana bersama dan bank pelaburan.

### **Peruntukan Peralihan**

Peralihan kepada rangka kerja dan BDAS NON-PIE ini diambilkira seperti berikut:

- (a) Semua item yang diiktiraf sebelumnya di bawah Prinsip Perakaunan Yang Diterima Umum (GAAP) di Negara Brunei Darussalam, yang tidak memenuhi kriteria pengiktirafan di bawah BDAS NON-PIE hendaklah dinyahiktirafkan, dan ditangani sebagai perubahan dasar perakaunan di bawah BDAS NON-PIE.
- (b) Semua item yang tidak diiktiraf sebelumnya di bawah GAAP di Negara Brunei Darussalam, yang memenuhi kriteria pengiktirafan di bawah BDAS NON-PIE hendaklah diiktiraf mengikut Piawaian Perakaunan Negara Brunei Darussalam (BDAS) yang berkaitan di bawah BDAS NON-PIE, dan ditangani sebagai perubahan dasar perakaunan di bawah BDAS NON-PIE.

- (c) Semua item yang diiktiraf sebelumnya di bawah GAAP di Negara Brunei Darussalam, yang memenuhi kriteria pengiktirafan di bawah BDAS NON-PIE tetapi diukur sebelumnya mengikut asas yang tidak selaras dengan BDAS NON-PIE, hendaklah diukur semula menurut BDAS yang berkaitan, dan ditangani sebagai perubahan dasar perakaunan di bawah BDAS NON-PIE.

**Tarikh Berkuatkuasa**

BDAS NON-PIE berkuatkuasa untuk penyata kewangan Entiti Yang Berkelayakan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan.

## PIAWAIAN PERAKAUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### Definisi

Istilah yang berikut digunakan dalam BDAS NON-PIE dengan makna yang dinyatakan:

**Ahli keluarga terdekat individu** ialah ahli keluarga yang dijangka mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu tersebut dalam urusannya dengan entiti. Mereka termasuklah:

- (a) pasangan dan anak-anak individu tersebut;
- (b) anak-anak kepada pasangan individu tersebut; dan
- (c) tanggungan individu tersebut atau pasangannya.

**Aktiviti operasi** ialah aktiviti utama entiti yang mendatangkan hasil, dan aktiviti lain yang bukan aktiviti pelaburan atau pembiayaan.

**Aktiviti pemajuan hartanah** didefinisikan sebagai aktiviti yang melibatkan langkah-langkah yang diperlukan untuk merancang dan membina serta mematuhi syarat-syarat berkanun dan kontraktual dalam pemajuan tanah menjadi lot-lot kosong, perumahan, bangunan-bangunan komersial dan/atau perindustrian.

**Akuakultur** ialah pengkulturan dan penternakan haiwan akuatik (seperti ikan dan udang) dan tumbuh-tumbuhan akuatik (seperti alga dan plankton) yang dihasratkan di bawah keadaan yang terkawal.

**Aliran tunai** ialah aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai.

**Amaun boleh pulih** ialah amaun yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih aset dengan aliran tunai bersih yang dijangkakan akan dijana melalui penggunaan berterusan aset tersebut.

**Amaun boleh susut nilai** ialah kos bagi suatu aset tolak nilai bakinya.

**Amaun bawaan** ialah amaun aset atau liabiliti yang diiktiraf dalam kunci kira-kira selepas ditolak (jika berkenaan) sebarang susut nilai (pelunasan) terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, atau sebarang penurunan nilai kepada nilai boleh realis bersih.

**Asas pusat kos** ialah kaedah penentuan pendapatan yang diukur dengan memadankan kos dengan hasil satu unit kolam, kandang atau kurungan.

**Asas projek** ialah kaedah bagi menentukan pendapatan yang diukur dengan memadankan kos dengan hasil setiap projek atau kitaran produksi berkumpulan.

**Aset** ialah sumber:

- (a) yang dikawal oleh entiti akibat peristiwa yang lalu; dan
- (b) yang dijangka mengalirkan manfaat ekonomi masa hadapan kepada entiti.

**Aset layak** ialah aset yang memerlukan tempoh yang lama untuk sedia digunakan seperti yang dimaksudkan, atau untuk dijual.

**Aset luar jangka** ialah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa yang lalu, dan kewujudannya hanya akan dapat disahkan apabila berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan entiti sepenuhnya.

**Aset tak ketara** ialah aset bukan monetari yang boleh dikenalpasti tanpa inti pati fizikal.

**Bantuan Kerajaan** ialah tindakan yang diambil oleh Kerajaan yang dirancang untuk memberikan manfaat ekonomi tertentu kepada entiti atau pelbagai entiti yang layak menurut kriteria tertentu. Bantuan Kerajaan tidak termasuk manfaat yang hanya diberikan secara tidak langsung melalui tindakan yang mempengaruhi keadaan perdagangan umum, seperti peruntukan infrastruktur di kawasan pemajuan atau pengenaan kekangan perdagangan kepada pesaing.

**Bayaran pajakan minimum** ialah bayaran sepanjang tempoh pajakan yang penerima pajak dikehendaki atau boleh dikehendaki untuk membayar, tidak termasuk sewa luar jangka, kos untuk perkhidmatan dan cukai yang perlu dibayar oleh dan dibayar balik kepada pemberi pajak, bersama dengan, dalam kes penerima pajak, sebarang amaun yang dijamin oleh penerima pajak atau pihak yang berkaitan dengan penerima pajak. Walaubagaimanapun, jika penerima pajak mempunyai opsyen untuk membeli aset tersebut pada harga yang dijangka cukup rendah daripada nilai saksama pada tarikh opsyen tersebut boleh dilaksanakan, dan jika, pada permulaan pajak, adalah munasabah bagi opsyen tersebut dilaksanakan, maka bayaran minimum

pajakan tersebut merangkumi bayaran minimum yang perlu dibayar sepanjang tempoh pajakan dan bayaran yang dikehendaki untuk melaksanakan opsyen pembelian tersebut.

**Cukai semasa** ialah amaun cukai pendapatan yang perlu bayar (boleh pulih) yang berkaitan dengan keuntungan boleh cukai (kerugian cukai) bagi suatu tempoh.

**Dasar perakaunan** ialah prinsip-prinsip, asas-asas, konvensyen-konvensyen, peraturan-peraturan dan amalan-amalan khusus yang digunapakai oleh entiti dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan.

**Geran berkaitan dengan aset** ialah geran Kerajaan dengan syarat utamanya bahawa entiti yang layak hendaklah membeli, membina, ataupun memperoleh aset jangka panjang. Syarat-syarat tambahan juga boleh dikenakan, yang menghadkan jenis atau lokasi aset atau tempoh aset tersebut diperolehi atau dipegang.

**Geran berkaitan dengan pendapatan** ialah geran Kerajaan selain daripada yang berkaitan dengan aset.

**Geran Kerajaan** ialah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan dalam bentuk pemindahan sumber kepada entiti sebagai ganjaran bagi pematuhan masa lampau atau masa hadapan dengan syarat-syarat tertentu yang berkaitan dengan aktiviti operasi entiti tersebut. Ini tidak termasuk segala bentuk bantuan Kerajaan yang tidak boleh diberikan nilai, dan transaksi dengan Kerajaan yang tidak dapat dibezakan dengan transaksi perdagangan biasa entiti tersebut.

**Hartanah, loji dan peralatan** ialah aset ketara yang:

- (a) dipegang oleh entiti untuk digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, untuk disewakan kepada orang lain, untuk potensi pelaburan, atau untuk tujuan pentadbiran; dan
- (b) dijangka akan digunakan lebih daripada satu tempoh masa.

**Hasil** ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi semasa tempoh perjalanan aktiviti biasa entiti tersebut apabila aliran tersebut menghasilkan peningkatan dalam ekuiti, selain daripada peningkatan yang berkaitan dengan sumbangan daripada peserta ekuiti.

**Hayat berguna** ialah:

- (a) tempoh masa aset dijangka dapat digunakan oleh entiti; atau
- (b) jumlah produksi atau unit yang sama yang dijangka akan diperolehi oleh entiti daripada aset tersebut.

**Hayat ekonomi** ialah sama ada:

- (a) tempoh aset dijangka boleh digunakan dari segi ekonomi oleh seorang pengguna atau lebih; atau
- (b) jumlah produksi atau unit yang sama yang dijangka akan diperolehi oleh seorang pengguna atau lebih daripada aset tersebut .

**Inventori** ialah aset:-

- (a) yang dipegang untuk dijual dalam perjalanan biasa perniagaan;
- (b) yang dalam proses produksi untuk dijual; atau
- (c) yang dalam bentuk bahan atau bekalan untuk digunakan dalam proses produksi atau pemberian perkhidmatan.

**Item monetari** ialah wang yang dipegang, dan aset dan liabiliti yang akan diterima atau dibayar dengan amaun wang yang tetap atau boleh ditentukan.

**Kadar faedah pinjaman tambahan penerima pajak** ialah kadar faedah yang perlu dibayar oleh penerima pajak bagi pajakan yang sama atau, jika tidak ditentukan, mengikut kadar pada masa permulaan pajakan, yang ditanggung oleh penerima pajak untuk meminjam dana yang diperlukan bagi membeli aset, dalam tempoh yang sama, dan dengan sekuriti yang sama.

**Kadar faedah tersirat dalam pajakan** ialah kadar diskaun yang pada permulaan pajakan, menyebabkan nilai kini agregat bagi:

- (a) bayaran pajakan minimum; dan

(b) nilai baki yang tidak terjamin

menjadi sama dengan nilai saksama bagi aset pajakan tersebut.

**Kadar penutup** ialah kadar pertukaran serta-merta pada tarikh kunci kira-kira.

**Kadar pertukaran** ialah nisbah pertukaran bagi dua mata wang.

**Kakitangan penting bahagian pengurusan** ialah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti, sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuklah mana-mana pengarah (sama ada eksekutif atau sebaliknya) entiti tersebut.

**Keupayaan muatan** ialah kapasiti normal yang menentukan ketumpatan stok sistem produksi akuakultur.

**Kawalan (ke atas aset)** ialah kuasa untuk mendapatkan manfaat ekonomi pada masa hadapan yang mengalir daripada aset tersebut.

**Kawalan (ke atas entiti)** ialah kuasa untuk mentadbir urus dasar kewangan dan dasar operasi entiti bagi mendapatkan manfaat daripada akitivitinya.

**Kawalan bersama** ialah perkongsian kawalan bagi aktiviti ekonomi yang dipersetujui melalui kontrak dan hanya wujud apabila keputusan strategik kewangan dan operasi berkaitan dengan aktiviti tersebut memerlukan persetujuan kesemua pihak yang berkongsi kawalan (usaha niaga).

**Kerajaan** merujuk kepada pihak Kerajaan, agensi Kerajaan dan badan-badan yang serupa, sama ada tempatan, kebangsaan atau antarabangsa.

**Kerugian rosot nilai** ialah amaun bawaan aset melebihi amaun boleh pulih aset.

**Kesetaraan tunai** ialah pelaburan jangka pendek yang mudah ditukarkan kepada sejumlah tunai, dan tertakluk pada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

**Kesilapan tempoh sebelumnya** ialah pengabaian daripada, dan salah penyataan dalam, penyata kewangan entiti bagi satu tempoh sebelumnya atau lebih, akibat kegagalan untuk menggunakan atau penyalahgunaan maklumat yang boleh dipercayai yang:

- (a) tersedia semasa penyata kewangan bagi tempoh berkenaan dibenarkan untuk dikeluarkan; dan
- (b) munasabah dijangka boleh didapatkan dan diambilkira semasa penyediaan dan pembentangan penyata kewangan tersebut.

Kesilapan tersebut termasuklah kesan daripada kesalahan matematik, kesalahan dalam menggunakan atau dasar perakaunan, terlepas pandang atau tersalah tafsir fakta, dan penipuan.

**Keuntungan boleh cukai (kerugian cukai)** ialah keuntungan (kerugian) bagi suatu tempoh yang ditentukan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa percukaian yang perlu dibayar (boleh didapatkan balik).

**Kontrak harga tetap** ialah kontrak pembinaan yang mana kontraktor bersetuju dengan kontrak harga tetap, atau kadar tetap bagi setiap unit output, di mana bagi sesetengah kes adalah tertakluk kepada klausa penambahan kos.

**Kontrak kos tokok** ialah kontrak pembinaan di mana, kontraktor dibayar balik bagi kos yang dibenarkan atau yang ditentukan, ditambah dengan sejumlah peratusan daripada kos tersebut atau yuran tetap.

**Kontrak membebankan** ialah kontrak di mana, kos yang tidak dapat dielakkan bagi memenuhi obligasi di bawah kontrak tersebut melebihi manfaat ekonomi yang dijangka akan diperolehi.

**Kontrak pembinaan** ialah kontrak yang dirundingkan khas untuk pembinaan aset atau gabungan aset yang berkait rapat atau yang saling bergantung dari segi reka bentuk, teknologi dan fungsinya, atau tujuan utama atau kegunaannya. Kontrak pembinaan termasuklah: kontrak pemberian perkhidmatan yang secara langsung berkaitan dengan pembinaan aset, contohnya, untuk perkhidmatan pengurus projek dan arkitek; dan kontrak untuk pemusnahan atau restorasi aset; dan restorasi persekitaran selepas penghapusan aset.

**Kos** ialah amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dibayar atau nilai saksama pertimbangan lain yang diberikan untuk memperoleh aset pada masa perolehan, produksi atau pembinaannya.

**Kos peminjaman** ialah faedah dan kos lain yang berkaitan dengan peminjaman dana, yang ditanggung oleh entiti.



**Kos sejarah** ialah:

- (a) dalam kes aset, amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dibayar atau nilai saksama pertimbangan yang diberikan untuk memperoleh aset pada masa perolehannya; dan
- (b) dalam kes liabiliti, amaun hasil yang diterima sebagai pertukaran untuk obligasi, atau dalam sesetengah keadaan (contohnya, cukai pendapatan), mengikut amaun tunai dan kesetaraan tunai yang dijangka akan dibayar untuk melunaskan liabiliti tersebut dalam urusan biasa perniagaan.

**Konvensyen kos sejarah** ialah asas pengukuran dengan cara:

- (a) aset direkodkan mengikut amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dibayar atau nilai saksama pertimbangan yang diberikan untuk memperoleh aset pada masa perolehannya; dan
- (b) liabiliti direkodkan mengikut amaun hasil yang diterima sebagai pertukaran untuk obligasi, atau dalam sesetengah keadaan (contohnya, cukai pendapatan) mengikut amaun tunai dan kesetaraan tunai yang dijangka akan dibayar untuk melunaskan liabiliti tersebut dalam urusan biasa perniagaan; dan aset tidak boleh dinilai semula atau aliran tunai masa depan tidak boleh dikurangkan dalam pengukuran aset atau liabiliti, kecuali apabila dikehendaki atau dibenarkan oleh BDAS NON-PIE.

**Liabiliti** ialah obligasi kini entiti yang timbul daripada peristiwa yang lalu, yang penyelesaiannya dijangka mengakibatkan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi, daripada entiti tersebut.

**Liabiliti luar jangka** ialah:

- (a) obligasi yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa yang lalu, dan kewujudannya hanya akan dapat disahkan apabila berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan entiti sepenuhnya; atau
- (b) obligasi kini yang timbul daripada peristiwa yang lalu tetapi tidak diiktiraf disebabkan oleh:
  - (i) ketidakmungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut; dan
  - (ii) amaun obligasi tidak dapat diukur dengan pasti.

**Mata wang asing** ialah mata wang selain daripada mata wang yang digunakan dalam laporan kewangan entiti.

**Nilai boleh realis bersih** ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan ditolak dengan anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang diperlukan untuk membuat jualan.

**Nilai jual relatif** ialah nisbah anggaran harga jualan semasa bagi setiap unit pemajuan pada peringkat akhir semasa penilaian dijalankan, yang dihasratkan untuk dijual kepada orang lain untuk dimajukan dalam projek pemajuan.

**Nilai saksama** ialah amaun yang boleh diperoleh jika aset ditukar ganti, atau liabiliti diselesaikan, antara pembeli yang berpengetahuan dan berkesanggupan dengan penjual yang berpengetahuan dan berkesanggupan, dalam transaksi yang tulus.

**Nilai baki** ialah anggaran amaun yang boleh diperoleh ketika itu oleh entiti daripada pelupusan aset selepas ditolak anggaran kos pelupusan, jika aset tersebut sudah lama dan dalam keadaan yang dijangkakan di penghujung hayat bergunanya.

**Nilai baki terjamin** ialah:

- (a) dalam kes penerima pajak, sebahagian daripada nilai baki yang dijamin oleh penerima pajak atau oleh pihak yang berkaitan dengan penerima pajak (amaun jaminan adalah amaun maksimum yang boleh, dalam sebarang peristiwa, menjadi perlu bayar); dan
- (b) Dalam kes pemberi pajak, sebahagian daripada nilai baki yang dijamin oleh penerima pajak atau oleh pihak ketiga yang tidak berkaitan dengan pemberi pajak yang mampu dari segi kewangan melaksanakan obligasi yang di bawah jaminan.

**Obligasi konstruktif** ialah obligasi yang berasal daripada tindakan entiti:

- (a) melalui pola amalan tetap masa lampau, dasar yang diterbitkan, atau pernyataan semasa yang khusus dan mencukupi, yang menunjukkan kepada pihak lain bahawa entiti tersebut akan menerima tanggungjawab tertentu, dan

- (b) kerana entiti tersebut memberikan harapan kepada pihak lain bahawa mereka akan melaksanakan tanggungjawab tersebut.

**Obligasi undang-undang** ialah obligasi yang berasal daripada:

- (a) kontrak (melalui terma-terma yang tersurat atau yang tersirat);
- (b) perundangan; atau
- (c) pengendalian undang-undang yang lain.

**Pajakan** ialah perjanjian yang menetapkan pemberi pajak memberikan hak kepada penerima pajak untuk menggunakan aset untuk suatu tempoh masa yang dipersetujui sebagai balasan kepada suatu bayaran atau bayaran yang berturutan.

**Pajakan kewangan** ialah pajakan yang memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset. Hak milik mungkin akan atau tidak akan dipindahkan akhirnya.

**Pajakan operasi** ialah pajakan selain daripada pajakan kewangan.

**Pajakan tidak boleh batal** ialah pajakan yang hanya boleh dibatalkan:

- (a) apabila berlaku beberapa situasi luar jangka yang terpencil;
- (b) dengan kebenaran pemberi pajak;
- (c) jika penerima pajak menandatangani pajakan yang baharu bagi aset yang sama atau yang setara, dengan pemberi pajak yang sama; atau
- (d) setelah penerima pajak membayar amaun tambahan, yang semasa permulaan pajakan, penyambungan pajak tersebut boleh ditentukan dengan munasabah.

**Pasaran aktif** ialah pasaran yang memenuhi semua syarat yang berikut:

- (a) barangan yang didagangkan dalam pasaran adalah homogen;
- (b) pembeli dan penjual yang berkesanggupan, biasanya boleh didapati pada bila-bila masa; dan
- (c) harga tersedia untuk orang awam.

**Pelaburan (dalam sekuriti)** ialah aset kewangan (seperti bon atau saham atau instrumen boleh niaga yang lain yang membuktikan hutang atau hak milik) yang dipegang oleh entiti untuk perdagangan, penambahan harta kekayaan melalui pembahagian (seperti faedah dan dividen) kepada entiti yang melabur untuk peningkatan nilai modal atau manfaat yang lain, seperti yang didapatkan melalui hubungan perdagangan. Pelaburan semasa ialah pelaburan yang memenuhi kriteria untuk diklasifikasikan sebagai pelaburan semasa mengikut perenggan 1.16 dalam BDAS NON-PIE ini.

**Pelunasan** ialah peruntukan bersistematik bagi amaun boleh susut nilai aset tak ketara sepanjang hayat bergunanya.

**Pengembangan** ialah penggunaan dapatan penyelidikan atau pengetahuan lain ke atas suatu pelan atau reka bentuk produksi bahan, peranti, produk, proses, sistem atau perkhidmatan yang baharu, atau sebahagian besarnya telah diberi penambahbaikan, sebelum memulakan produksi atau penggunaan secara komersial.

**Pengaruh ketara** ialah kuasa untuk ikut seta dalam membuat keputusan dasar kewangan dan operasi entiti, tetapi tidak mempunyai kuasa untuk mengawal atau mengawal bersama ke atas dasar tersebut.

**Penyelidikan** ialah penyiasatan asal dan terancang yang dijalankan untuk mendapatkan pengetahuan dan pemahaman saintifik atau teknikal yang baharu.

**Perbelanjaan cukai (cukai pendapatan)** ialah amaun agregat yang termasuk dalam penentuan keuntungan atau kerugian bagi tempoh yang berkaitan dengan cukai semasa.

**Perbezaan pertukaran** ialah perbezaan yang terhasil daripada penukaran beberapa unit satu mata wang kepada mata wang yang lain pada kadar pertukaran yang berbeza.

**Peristiwa berobligasi** ialah peristiwa yang mewujudkan obligasi undang-undang atau konstruktif yang menyebabkan entiti tidak mempunyai alternatif yang realistik untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

**Peristiwa selepas tarikh kunci kira-kira** ialah peristiwa, sama ada menguntungkan atau tidak, yang berlaku di antara tarikh kunci kira-kira dengan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan. Dua jenis peristiwa yang boleh dikenalpasti ialah:

- (a) peristiwa yang membuktikan keadaan yang wujud pada tarikh kunci kira-kira (peristiwa perlu pelarasan) selepas tarikh kunci kira-kira); dan
- (b) peristiwa yang menunjukkan keadaan yang timbul selepas tarikh kunci kira-kira (peristiwa tak perlu pelarasan) selepas tarikh kira-kira).

**Permulaan pajakan** ialah tarikh sebelum tarikh perjanjian pajakan atau tarikh pihak yang terlibat memberikan komitmen kepada peruntukan utama pajakan.

**Peruntukan** ialah liabiliti yang tidak dapat dipastikan masa atau amaunnya.

**Pihak yang berkaitan:** Pihak adalah berkaitan dengan entiti jika :

- (a) secara langsung atau tidak langsung melalui satu perantaraan atau lebih, pihak tersebut:
  - (i) mengawal, dikawal oleh, atau di bawah kawalan yang sama, dengan entiti tersebut (ini termasuklah syarikat induk, syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat subsidiari bersama);
  - (ii) mempunyai kepentingan dalam entiti tersebut yang memberikan pihak tersebut pengaruh yang ketara ke atas entiti tersebut; atau
  - (iii) mempunyai kawalan bersama ke atas entiti tersebut;
- (b) pihak tersebut adalah sekutu kepada entiti tersebut;
- (c) pihak tersebut adalah usaha sama yang entiti tersebut adalah pengusaha;
- (d) pihak tersebut adalah salah seorang daripada kakitangan penting bahagian pengurusan entiti tersebut atau syarikat induknya;
- (e) pihak tersebut ialah ahli keluarga terdekat mana-mana individu yang dirujuk dalam (a) atau (d); atau
- (f) pihak tersebut adalah entiti yang dikawal, dikawal bersama atau dipengaruhi secara ketara oleh, atau kuasa mengundi yang ketara dalam entiti tersebut dipunyai oleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana individu yang dirujuk dalam (d) atau (e).

**Projek** ialah kelompok unit pemajuan yang didirikan dalam kawasan geografi yang ditentukan, yang membentuk pusat pengumpulan kos.

**Sekutu** ialah entiti yang pelaburnya mempunyai pengaruh penting, dan yang bukan syarikat subsidiari ataupun kepentingan dalam sebuah usaha sama.

**Sewa bersyarat** ialah sebahagian daripada bayaran pajakan yang tidak ditetapkan amaunnya tetapi berdasarkan pada faktor selain daripada perjalanan masa (seperti peratusan jualan, amaun pemakaian, indeks harga dan kadar faedah pasaran).

**Syarikat subsidiari** ialah entiti yang dikawal oleh entiti yang lain.

**Susut nilai** ialah peruntukan bersistematik bagi amaun boleh susut nilai aset sepanjang hayat bergunanya.

**Tempoh pajakan** ialah tempoh tidak boleh batal yang penerima pajak tandatangani dalam kontrak untuk memajak aset berserta sebarang terma tambahan yang lain yang memberikan penerima pajak opsyen untuk meneruskan pajakan aset, dengan atau tanpa bayaran tambahan, apabila pada permulaan pajakan, adalah munasabah penerima pajak pasti akan melaksanakan opsyen tersebut.

**Transaksi pihak yang berkaitan** ialah pemindahan sumber, perkhidmatan atau obligasi antara pihak yang berkaitan, tidak kira sama ada bayaran dikenakan atau tidak.

**Tunai** termasuklah tunai dalam tangan dan deposit permintaan.

**Unit kos yang boleh dikenalpasti** ialah unit atau pusat kos produk terkumpul.

**Unit Pemajuan** ialah unit kediaman, komersial atau bangunan perindustrian dan lot kosong yang dimajukan untuk dijual.

**Usahasama** ialah perjanjian berkontrak antara dua pihak atau lebih untuk menjalankan aktiviti ekonomi yang tertakluk pada kawalan bersama.

## **BDAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan**

### **Komponen Penyata Kewangan**

- 1.1 Bagi entiti yang memenuhi syarat di bawah rangka kerja NON-PIE untuk menyediakan dan membentangkan penyata kewangannya mengikut BDAS NON-PIE, di mana satu set lengkap penyata kewangan yang berasingan bagi entiti tersebut hendaklah mengandungi komponen berikut:
- (a) kunci kira-kira;
  - (b) penyata pendapatan;
  - (c) dasar perakaunan dan nota penjelasan; dan
  - (d) penyata aliran tunai.

BDAS NON-PIE tidak boleh digunakan bagi penyediaan dan pembentangan penyata kewangan gabungan.

### **Pertimbangan Keseluruhan**

- 1.2 Penyata kewangan hendaklah membentangkan kedudukan kewangan dan prestasi kewangan entiti dengan betul. Bagi entiti yang layak membuat laporan di bawah rangka kerja NON-PIE, penggunaan BDAS NON-PIE yang bersesuaian, dengan pendedahan tambahan, jika perlu, akan menghasilkan penyata kewangan yang mencapai pembentangan yang bersesuaian bagi NON-PIE. Jika BDAS NON-PIE tidak mencakupi peristiwa atau transaksi yang dilaksanakan oleh entiti, pihak pengurusan boleh mempertimbangkan rangka kerja NON-PIE tersebut sebagai panduan bagi membina dasar perakaunan yang bersesuaian untuk peristiwa atau transaksi tertentu itu selaras dengan konvensyen kos sejarah.
- 1.3 Penyata kewangan entiti yang mematuhi BDAS NON-PIE hendaklah mendedahkan fakta tersebut. Penyata kewangan sedemikian tidak boleh digambarkan sebagai mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Negara Brunei Darussalam.
- 1.4 Pengolahan perakaunan yang tidak bersesuaian tidak akan diperbetulkan sama ada dengan pendedahan dasar perakaunan yang digunakan atau dengan nota atau dengan bahan penjelasan.
- 1.5 Dalam keadaan yang amat jarang sekali berlaku, apabila pihak pengurusan menyimpulkan bahawa pematuhan terhadap keperluan dalam BDAS NON-PIE akan mengelirukan, dan dengan itu, penyimpangan daripada keperluan tersebut adalah perlu untuk mencapai pembentangan yang betul, maka mengikut BDAS NON-PIE, entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) bahawa pihak pengurusan telah menyimpulkan bahawa penyata kewangan tersebut telah membentangkan kedudukan kewangan dan prestasi kewangan entiti dengan betul;
  - (b) bahawa entiti tersebut telah mematuhi semua aspek yang signifikan dengan BDAS yang berkenaan di bawah BDAS NON-PIE, kecuali penyimpangan daripada piawaian tersebut untuk mencapai pembentangan yang betul; dan
  - (c) jenis dan kesan kewangan (jika boleh diukur) daripada penyimpangan tersebut, termasuk pengolahan yang BDAS NON-PIE perlukan, alasan bagi kenapa pengolahan tersebut boleh mengelirukan dalam keadaan, dan pengolahan yang diterima pakai.

Jika berlaku penyimpangan, pihak pengurusan hendaklah menerima pakai dasar perakaunan yang selaras dengan konvensyen kos sejarah.

- 1.6 Semasa menyediakan penyata kewangan, pihak pengurusan hendaklah membuat penilaian terhadap kemampuan entiti untuk berlanjutan sebagai usaha berterusan. Penyata kewangan hendaklah disediakan atas dasar usaha berterusan kecuali pihak pengurusan berniat samada untuk membubarkan entiti tersebut atau menghentikan perdagangan, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada itu. Dalam membuat penilaian tersebut, apabila pihak pengurusan menyedari akan ketidakpastian yang signifikan yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menyebabkan keraguan yang ketara tentang kemampuan entiti untuk berlanjutan sebagai usaha berterusan, maka ketidakpastian tersebut hendaklah didedahkan. Apabila penyata kewangan tidak disediakan atas dasar usaha berterusan, fakta tersebut hendaklah didedahkan bersama-sama dengan asas bagi penyediaan penyata kewangan tersebut, dan alasan mengapa entiti tersebut tidak dianggap sebagai usaha berterusan.

- 1.7 Entiti hendaklah menyediakan penyata kewangan dengan menggunakan asas akrual perakaunan.
- 1.8 Pembentangan dan pengklasifikasian item dalam penyata kewangan hendaklah dikekalkan dari satu tempoh ke tempoh yang berikutnya kecuali:
- (a) perubahan yang ketara dalam jenis operasi entiti atau kajian semula pembentangan penyata kewangan entiti tersebut menunjukkan bahawa perubahan tersebut akan menghasilkan pembentangan peristiwa atau transaksi yang lebih bersesuaian; atau
  - (b) perubahan dalam pembentangan diperlukan oleh BDAS NON-PIE.
- 1.9 Setiap item yang signifikan hendaklah dilaporkan secara berasingan dalam penyata kewangan. Amaun yang tidak signifikan boleh diagregatkan dengan amaun yang sama jenis atau fungsi, dan tidak perlu dilaporkan secara berasingan. Maklumat dianggap penting jika pengabaianya atau penyataannya yang salah boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna, yang dibuat berdasarkan penyata kewangan tersebut. Materialiti bergantung pada saiz dan jenis item yang dinilai dalam keadaan tertentu, jika pembentangannya menjadi persoalan.
- 1.10 Aset dan liabiliti biasanya tidak boleh diseimbangkan dalam penyata kewangan. Walaubagaimanapun, sesetengah pengimbangan adalah diperlukan atau dibenarkan dalam keadaan yang luar biasa, seperti yang dimandatkan oleh BDAS NON-PIE. Pengimbangan juga boleh berlaku jika laba, kerugian dan perbelanjaan berkaitan yang timbul daripada transaksi yang sama atau serupa dianggap tidak signifikan.
- 1.11 Kecuali undang-undang menghendaki atau BDAS NON-PIE membenarkan atau menghendaki sebaliknya, maklumat perbandingan berkaitan dengan tempoh sebelumnya hendaklah didedahkan dalam penyata kewangan bagi semua maklumat berangka. Maklumat perbandingan hendaklah dimasukkan dalam maklumat naratif dan deskriptif apabila relevan untuk memahami penyata kewangan tempoh semasa.

### **Struktur Dan Kandungan**

- 1.12 Setiap komponen penyata kewangan hendaklah dikenalpasti dengan jelas. Di samping itu, maklumat yang berikut hendaklah dipaparkan dengan jelas, dan diulang jika perlu untuk pemahaman yang betul tentang maklumat yang dilaporkan:
- (a) nama entiti yang melaporkan atau cara pengenalan yang lain;
  - (b) tarikh kunci kira-kira atau tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan, yang mana lebih bersesuaian dengan komponen penyata kewangan yang berkaitan; dan
  - (c) mata wang pelapor.
- 1.13 Penyata kewangan hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya setahun sekali. Sekiranya, dalam keadaan luar biasa, tarikh kunci kira-kira entiti berubah, dan penyata kewangan tahunan dibentangkan bagi tempoh lebih atau kurang daripada satu tahun, entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut, di samping tempoh yang dirangkumi oleh penyata kewangan tersebut:
- (a) alasan bagi penggunaan tempoh selain daripada satu tahun itu; dan
  - (b) fakta bahawa amaun perbandingan bagi penyata pendapatan dan nota berkaitan adalah tidak dapat dibandingkan.

### **Kunci Kira-Kira**

- 1.14 Entiti hendaklah menentukan, berdasarkan pada jenis operasinya, sama ada untuk melaporkan atau tidak, aset semasa dan aset bukan semasa, dan liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa, sebagai pengklasifikasian yang berasingan dalam muka kunci kira-kira. Perenggan 1.16 hingga 1.20 daripada BDAS ini digunapakai apabila perbezaan ini dibuat.
- 1.15 Apabila entiti memilih untuk tidak membuat pengklasifikasian dalam perenggan 1.14, aset dan liabiliti hendaklah dilaporkan secara meluas mengikut faktor kecairan mereka, dan bagi setiap item aset dan liabiliti yang menggabungkan amaun yang dijangka akan boleh pulih atau diselesaikan sebelum dan selepas 12 bulan dari tarikh kunci kira-kira, entiti hendaklah mendedahkan amaun yang dijangka akan boleh pulih atau diselesaikan selepas lebih daripada 12 bulan.

- 1.16 Aset hendaklah diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia memenuhi salah satu daripada kriteria yang berikut:
- (a) ia dijangka boleh direalisasikan, atau dihasratkan untuk dijual atau digunakan, dalam kitaran operasi biasa entiti;
  - (b) ia dipegang terutamanya untuk tujuan didagangkan;
  - (c) ia dijangka dapat direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira; atau
  - (d) ia adalah tunai atau kesetaraan tunai, kecuali dihadkan untuk ditukarkan atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira.
- Semua aset yang lain hendaklah diklasifikasikan sebagai bukan semasa.
- 1.17 Liabiliti hendaklah diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia memenuhi salah satu daripada kriteria berikut:
- (a) ia dijangka dapat diselesaikan dalam kitaran operasi biasa entiti;
  - (b) ia dipegang terutamanya untuk tujuan didagangkan;
  - (c) ia perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira; atau
  - (d) entiti tidak mempunyai hak tanpa syarat untuk menunda penyelesaian liabiliti tersebut sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira<sup>1</sup>.
- Semua liabiliti yang lain hendaklah diklasifikasikan sebagai bukan semasa.
- 1.18 Entiti mengklasifikasikan liabiliti kewangannya sebagai semasa apabila liabiliti tersebut perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira, walaupun sekiranya:
- (a) terma asal adalah untuk tempoh lebih daripada 12 bulan; dan
  - (b) perjanjian untuk pembiayaan semula, atau penjadualan semula pembayaran, untuk tempoh jangka panjang diselesaikan selepas tarikh kunci kira-kira dan sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan.
- 1.19 Muka kunci kira-kira hendaklah mengandungi item barisan yang melaporkan amaun berikut, jika berkenaan:
- (a) hartanah, loji dan peralatan;
  - (b) aset tak ketara;
  - (c) aset kewangan (termasuk pelaburan tetapi tidak termasuk amaun yang ditunjukkan di bawah (e) dan (g));
  - (d) inventori;
  - (e) perdagangan dan lain-lain belum terima;
  - (f) aset cukai;
  - (g) tunai dan kesetaraan tunai;
  - (h) perdagangan dan lain-lain perlu bayar;
  - (i) liabiliti cukai;

---

<sup>1</sup> Pengklasifikasian pinjaman bertempoh sebagai liabiliti semasa atau liabiliti bukan semasa mengikut perenggan 1.17(d) hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada hak dan obligasi pemberi pinjaman dan peminjam sebagaimana dipersetujui secara kontrak antara kedua-dua pihak, dan berkuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira. Sehubungan dengan itu, kebarangkalian pemberi pinjaman memilih untuk menggunakan haknya dalam tempoh 12 bulan berikutnya selepas tarikh kunci kira-kira adalah tidak relevan.

Pengklasifikasian pinjaman bertempoh mengikut perenggan 1.17(d) harus bergantung pada sama ada peminjam mempunyai hak tanpa syarat atau tidak untuk menanggungkan pembayaran sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira. Oleh itu, amaun yang perlu bayar balik di bawah perjanjian pinjaman, termasuk klausa yang memberi pemberi pinjaman hak tanpa syarat untuk meminta pembayaran balik pada bila-bila masa, hendaklah diklasifikasikan oleh peminjam sebagai semasa dalam kunci kira-kira. Ini adalah kerana peminjam di bawah perjanjian sedemikian tidak mempunyai hak tanpa syarat untuk menanggungkan penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh kunci kira-kira.

Perbincangan yang lebih terperinci boleh didapati dalam penggunaan BDAS NON-PIE – “Pembentangan Penyata Kewangan” – Pengklasifikasian Peminjam bagi Pinjaman Bertempoh yang mengandungi klausa Pembayaran Balik Atas permintaan”.

- (j) peruntukan;
  - (k) liabiliti bukan semasa;
  - (l) modal dikeluarkan; dan
  - (m) rizab.
- 1.20 Item barisan tambahan, tajuk, dan jumlah kecil hendaklah dilaporkan pada muka kunci kira-kira apabila pembentangan tersebut perlu melaporkan secara jelas kedudukan kewangan entiti.
- 1.21 Entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut, sama ada pada muka kunci kira-kira atau dalam nota:
- (a) bagi setiap kelas modal saham:
    - (i) jumlah saham yang dibenarkan;
    - (ii) jumlah saham yang dikeluarkan dan dibayar sepenuhnya, dan yang dikeluarkan, tetapi tidak dibayar sepenuhnya;
    - (iii) nilai tara per saham; atau saham yang tidak mempunyai nilai tara;
    - (iv) penyesuaian jumlah saham tertunggak pada permulaan dan pada penghujung tempoh;
    - (v) hak, keutamaan dan pengehadan yang dikenakan ke atas kelas berkenaan, termasuklah pengehadan ke atas pembahagian dividen dan pembayaran balik modal;
    - (vi) saham dalam entiti yang dipegang oleh entiti itu sendiri; dan
    - (vii) saham yang dirizab untuk pengeluaran mengikut opsiyen dan kontrak jualan, termasuk terma dan amaun;
  - (b) keterangan jenis dan tujuan bagi setiap komponen yang terkandung dalam ekuiti, jika tidak terbukti dengan jelas;
  - (c) amaun dividen yang dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh kunci kira-kira tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan; dan
  - (d) amaun sebarang dividen keutamaan terkumpul yang tidak diiktiraf.
- Entiti tanpa modal saham, seperti perkongsian, hendaklah mendedahkan maklumat yang setara dengan perkara yang diperlukan di atas, dengan menunjukkan pergerakan sepanjang tempoh bagi setiap kategori kepentingan ekuiti dan hak, keutamaan, dan pengehadan yang dikenakan ke atas setiap kategori kepentingan ekuiti.

### **Penyata Pendapatan**

- 1.22 Muka penyata pendapatan hendaklah mengandungi item barisan yang melaporkan amaun berikut, jika berkenaan:
- (a) hasil;
  - (b) kos pembiayaan;
  - (c) perbelanjaan cukai; dan
  - (d) keuntungan dan kerugian suatu tempoh.
- Item barisan tambahan, tajuk dan jumlah kecil hendaklah dilaporkan pada muka penyata pendapatan apabila pembentangan tersebut perlu untuk melaporkan prestasi kewangan entiti dengan betul.
- 1.23 Semua item pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf dalam suatu tempoh hendaklah dimasukkan bagi menentukan keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali jika BDAS NON-PIE menghendaki atau membenarkan sebaliknya.
- 1.24 Apabila item pendapatan dan perbelanjaan dalam lingkungan keuntungan atau kerugian adalah daripada nilai, jenis atau kejadian yang pendedahannya adalah relevan untuk menjelaskan prestasi entiti bagi tempoh tersebut, maka jenis dan amaun item tersebut hendaklah didedahkan secara berasingan.



- 1.25 Keadaan yang boleh menyebabkan item pendapatan dan perbelanjaan didedahkan secara berasingan mengikut perenggan 1.24 termasuklah perkara berikut:
- (a) penurunan nilai inventori kepada nilai boleh direalisasikan bersih atau hartanah, loji dan peralatan kepada amaun boleh pulih, dan juga pindaan balik penurunan nilai tersebut;
  - (b) penurunan nilai aset tak ketara kepada amaun boleh pulih, dan juga pindaan balik penurunan nilai tersebut;
  - (c) penstrukturan semula aktiviti entiti dan pindaan balik sebarang peruntukan bagi kos penstrukturan semula tersebut;
  - (d) pelupusan item hartanah, loji dan peralatan;
  - (e) pelupusan aset tak ketara;
  - (f) pelupusan pelaburan jangka panjang;
  - (g) penyelesaian litigasi; dan
  - (h) pindaan balik peruntukan yang lain.
- 1.26 Entiti hendaklah melaporkan sama ada pada muka penyata pendapatan atau dalam nota, analisis perbelanjaan dengan menggunakan pengklasifikasian berdasarkan sama ada jenis perbelanjaan ataupun fungsi perbelanjaan tersebut dalam entiti.
- 1.27 Entiti yang mengklasifikasikan perbelanjaan mengikut fungsi hendaklah mendedahkan maklumat tambahan mengenai jenis perbelanjaan, termasuklah perbelanjaan susut nilai dan pelunasan, dan kos kakitangan.
- 1.28 Entiti hendaklah mendedahkan, sama ada pada muka penyata pendapatan atau dalam nota, amaun dividen per saham, yang diisytiharkan atau dicadangkan, bagi tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan.

### **Perubahan Dalam Ekuiti**

- 1.29 Entiti hendaklah melaporkan perubahan dalam ekuiti sama ada dalam nota penyata kewangan, atau sebagai komponen penyata kewangan yang berasingan. Perubahan dalam entiti hendaklah termasuk perkara berikut:
- (a) keuntungan dan kerugian bagi tempoh tersebut;
  - (b) setiap item pendapatan dan perbelanjaan, laba atau kerugian yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, seperti yang dikehendaki oleh BDAS NON-PIE, dan jumlah item tersebut;
  - (c) kesan kumulatif perubahan dalam dasar perakaunan dan pembetulan kesilapan tempoh sebelumnya;
  - (d) transaksi modal dengan pemilik, dan pembahagian kepada para pemilik;
  - (e) baki rizab terkumpul pada permulaan tempoh dan pada tarikh kunci kira-kira, dan pergerakan bagi tempoh tersebut; dan
  - (f) penyesuaian antara amaun bawaan bagi setiap kelas modal ekuiti, premium saham dan setiap rizab pada permulaan dan pengakhiran tempoh tersebut, dengan mendedahkan setiap pergerakan secara berasingan. Maklumat bandingan tidak diperlukan untuk penyesuaian ini.

### **Dasar Perakaunan Dan Nota Penjelasan**

- 1.30 Nota penyata kewangan hendaklah:
- (a) melaporkan maklumat tentang asas penyediaan penyata kewangan dan dasar perakaunan tertentu yang dipilih dan digunapakai untuk transaksi dan peristiwa penting;
  - (b) mendedahkan maklumat yang diperlukan oleh BDAS NON-PIE yang tidak dilaporkan di bahagian lain dalam penyata kewangan; dan
  - (c) memberikan maklumat tambahan yang diperlukan bagi pembentangan yang betul.
- 1.31 Nota penyata kewangan hendaklah dilaporkan secara sistematik. Setiap item yang ditunjukkan pada muka kunci kira-kira dan penyata pendapatan hendaklah dirujuk silang dengan sebarang maklumat yang berkaitan dalam nota.

- 1.32 Nota pendedahan dasar perakaunan pada penyata kewangan hendaklah menjelaskan:
- (a) sama ada penyata kewangan tersebut disediakan mengikut BDAS NON-PIE, dan kriteria yang melayakkan entiti untuk menggunakan BDAS NON-PIE;
  - (b) asas pengukuran yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan tersebut; dan
  - (c) setiap dasar perakaunan tertentu yang diperlukan untuk memberi pemahaman yang betul mengenai penyata kewangan tersebut.
- 1.33 Entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut, jika tidak didedahkan dalam sebarang maklumat yang dikeluarkan bersama penyata kewangan:
- (a) domisil dan bentuk perundangan entiti, tempat diperbadankan, dan alamat pejabat berdaftar (atau tempat utama perniagaan, jika berbeza daripada pejabat berdaftar); dan
  - (b) keterangan jenis operasi entiti dan aktiviti utamanya.

## **BDAS 2 – Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan**

### **Umum**

- 2.1 Pihak pengurusan hendaklah menggunakannya dalam membina dasar perakaunan untuk memberikan maklumat yang relevan dengan keperluan pengguna penyata kewangan dan boleh dipercayai. Pihak pengurusan hendaklah memilih dan menggunakan dasar perakaunan entiti agar penyata kewangan tersebut mematuhi semua keperluan BDAS NON-PIE, dan selaras dengan konvensyen kos sejarah.
- 2.2 Entiti hendaklah memilih dan menggunakan dasar perakaunannya secara konsisten untuk suatu tempoh masa bagi transaksi yang serupa, dan peristiwa dan situasi yang lain, melainkan BDAS NON-PIE menghendaki atau membenarkan pengkategorian item secara khusus, yang mungkin memerlukan dasar berbeza yang lebih bersesuaian.

### **Perubahan Dalam Dasar Perakaunan**

- 2.3 Perubahan dalam dasar perakaunan hendaklah dibuat hanya jika dikehendaki oleh BDAS NON-PIE atau jika perubahan tersebut menghasilkan pembentangan yang lebih relevan dan boleh dipercayai mengenai kesan transaksi atau peristiwa lain terhadap kedudukan atau prestasi kewangan entiti dalam penyata kewangan.
- 2.4 Perkara yang berikut tidak dikira sebagai perubahan dalam dasar perakaunan:
  - (a) Penggunaan dasar perakaunan bagi transaksi atau peristiwa lain yang berbeza dari segi inti pati daripada yang berlaku sebelumnya; atau
  - (b) Penggunaan dasar perakaunan yang baharu bagi transaksi atau peristiwa lain yang tidak berlaku sebelum ini atau yang dahulunya tidak signifikan.
- 2.5 Perubahan dalam dasar perakaunan yang dibuat berikutan pindaan kepada BDAS NON-PIE ini hendaklah diambil kira mengikut peruntukan peralihan, yang dikeluarkan bersama pindaan kepada BDAS NON-PIE ini, jika ada.
- 2.6 Jika penggunaan perubahan dalam BDAS NON-PIE mempunyai kesan yang signifikan pada tempoh semasa atau sebarang tempoh sebelumnya yang dilaporkan, entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut:
  - (a) fakta bahawa perubahan dalam dasar perakaunan tersebut dibuat selaras perubahan dalam BDAS NON-PIE, bersama dengan keterangan mengenai peruntukan tersebut;
  - (b) amaun pelarasan bagi tempoh semasa dan setiap tempoh sebelumnya yang dilaporkan;
  - (c) amaun pelarasan yang berkaitan dengan tempoh sebelumnya yang termasuk dalam maklumat perbandingan; dan
  - (d) fakta bahawa maklumat perbandingan telahpun dinyatakan semula atau pernyataan semula bagi tempoh tertentu sebelumnya tidak dibuat kerana ia memerlukan kos atau usaha tidak wajar atau kerana ini mengikut peruntukan peralihan yang dikeluarkan bersama pindaan kepada BDAS NON-PIE.
- 2.7 Perubahan dalam dasar perakaunan selain daripada apa yang dimandatkan di bawah perenggan 2.5 hendaklah digunapakai secara retrospektif. Baki permulaan rizab bagi tempoh paling awal sebelumnya yang dilaporkan, dan amaun perbandingan lain yang didedahkan bagi setiap tempoh sebelumnya yang dilaporkan hendaklah diselaraskan, jika berkenaan, seolah-olah dasar perakaunan yang baharu ini telah digunakan.
- 2.8 Maklumat perbandingan yang dilaporkan bagi suatu tempoh tertentu sebelumnya tidak perlu dinyatakan semula, jika pernyataan semula maklumat tersebut memerlukan kos atau usaha tidak wajar. Apabila maklumat perbandingan bagi suatu tempoh tertentu sebelumnya tidak dinyatakan semula, maka dasar perakaunan yang baharu hendaklah digunapakai pada baki aset dan liabiliti sepertimana pada permulaan tempoh yang berikutnya, dan pelarasan yang berkaitan hendaklah dibuat ke atas baki permulaan rizab bagi tempoh yang seterusnya.
- 2.9 Apabila perubahan dalam dasar perakaunan memberi kesan pada tempoh semasa atau sebarang tempoh sebelumnya yang dilaporkan, atau boleh memberi kesan pada tempoh yang berikutnya, entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut:

- (a) alasan bagi perubahan tersebut;
- (b) amaun pelarasan bagi tempoh semasa dan bagi setiap tempoh sebelumnya yang dilaporkan;
- (c) amaun pelarasan yang berkaitan dengan tempoh sebelumnya yang dilaporkan; dan
- (d) maklumat perbandingan telah dinyatakan semula atau pernyataan semula bagi tempoh tertentu sebelumnya yang belum pernah dibuat kerana ia memerlukan kos atau usaha tidak wajar.

### **Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan**

- 2.10 Kesan perubahan dalam anggaran perakaunan hendaklah diiktiraf secara prospektif dengan memasukkannya ke dalam keuntungan atau kerugian dalam:
- (a) tempoh perubahan tersebut, jika perubahan itu melibatkan tempoh tersebut sahaja; atau
  - (b) tempoh perubahan tersebut dan tempoh akan datang, jika perubahan itu menjejaskan kedua-dua tempoh tersebut.
- 2.11 Jenis dan amaun perubahan dalam anggaran perakaunan, yang memberi kesan pada tempoh semasa atau dijangka akan memberi kesan dalam tempoh yang berikutnya, hendaklah didedahkan. Jika ia memerlukan kos atau usaha tidak wajar untuk menentukan amaun tersebut, fakta ini hendaklah didedahkan.

### **Kesilapan**

- 2.12 Amaun pembetulan bagi kesilapan yang signifikan pada tempoh sebelumnya hendaklah diambil kira secara retrospektif. Kesilapan tempoh sebelumnya hendaklah dibetulkan dengan:
- (a) sama ada menyatakan semula amaun perbandingan bagi tempoh sebelumnya semasa kesilapan tersebut berlaku; atau
  - (b) menyatakan semula baki permulaan rizab bagi tempoh tersebut, apabila kesilapan berlaku sebelum tempoh terawal ianya dilaporkan, supaya penyata kewangan tersebut dibentangkan seolah-olah kesilapan tidak pernah berlaku.
- Semua kesilapan selain daripada kesilapan tempoh sebelumnya hendaklah dibetulkan dalam tempoh semasa.
- 2.13 Maklumat perbandingan yang dilaporkan bagi tempoh sebelumnya tidak perlu dinyatakan semula, jika pernyataan semua maklumat tersebut memerlukan kos atau usaha tidak wajar. Apabila pernyataan semula angka perbandingan tidak berlaku, maka baki permulaan rizab bagi tempoh yang berikutnya hendaklah dinyatakan semula untuk kesan kumulatif kesilapan sebelum permulaan tempoh tersebut.
- 2.14 Entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) jenis kesilapan tempoh sebelumnya; dan
  - (b) amaun pembetulan bagi setiap tempoh sebelumnya yang dilaporkan.

## **BDAS 3 – Hartanah, Loji dan Peralatan**

### **Umum**

- 3.1 Item hartanah, loji dan peralatan (termasuklah hartanah yang dipegang untuk sewaan dan/atau untuk pelaburan yang berpotensi) hendaklah diiktiraf sebagai aset jika:
  - (a) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk ke entiti; dan
  - (b) kos aset tersebut boleh diukur dengan pasti.
- 3.2 Item hartanah, loji dan peralatan yang layak untuk diiktiraf sebagai aset hendaklah pada mulanya diukur pada nilai kos.
- 3.3 Kos item hartanah, loji dan peralatan terdiri daripada harga belian termasuklah duti import dan cukai pembelian yang tidak boleh dibayar balik, dan sebarang kos atribut yang secara langsung membolehkan aset tersebut berfungsi untuk tujuan penggunaannya; sebarang diskaun perdagangan dan rebat ditolak daripada kos belian. Contoh kos atribut adalah seperti berikut:
  - (a) kos penyediaan tapak;
  - (b) kos penghantaran dan pengendalian awal;
  - (c) kos pemasangan;
  - (d) yuran profesional, seperti arkitek, jurutera dan peguam; dan
  - (e) kos anggaran untuk merombak dan memindah aset, dan membaikpulih tapak, ke takat yang diiktiraf seperti peruntukan di bawah BDAS 10.
- 3.4 Kos pentadbiran dan overhed umum yang lain adalah tidak termasuk komponen kos hartanah, loji dan peralatan kecuali kos tersebut secara langsung boleh diatribut kepada perolehan aset atau membolehkan aset tersebut berfungsi. Begitu juga dengan kos permulaan dan kos praproduksi, tidak diambilkira sebagai sebahagian daripada kos aset kecuali kos tersebut diperlukan untuk membolehkan aset tersebut berfungsi. Kerugian operasi awal yang ditanggung sebelum aset mencapai prestasi yang dirancang akan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 3.5 Kos bagi aset yang dibina sendiri ditentukan dengan menggunakan prinsip yang sama seperti aset yang diperoleh.
- 3.6 Item hartanah, loji dan peralatan boleh diperolehi sebagai pertukaran atau sebahagian pertukaran untuk item hartanah, loji dan peralatan yang berbeza atau aset yang lain. Kos bagi item sedemikian diukur pada nilai saksama aset yang diterima, yang bersamaan dengan nilai saksama aset yang diserahkan, adalah diselaraskan dengan amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dipindahkan.
- 3.7 Perbelanjaan berikutan yang berkaitan dengan item hartanah, loji dan peralatan yang telah diiktiraf hendaklah ditambah ke amaun bawaan aset tersebut apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan, yang melebihi piawaian penilaian awal prestasi aset yang sedia ada, akan mengalir masuk ke entiti. Semua perbelanjaan berikutan yang lain hendaklah diiktirafkan sebagai perbelanjaan dalam tempoh waktu ketika perbelanjaan tersebut ditanggung.
- 3.8 Perbelanjaan pembaikan atau penyelenggaraan hartanah, loji dan peralatan dibuat untuk memulihkan atau mengekalkan manfaat ekonomi masa hadapan yang boleh dijangka oleh entiti daripada penilaian awal piawaian prestasi aset tersebut. Oleh itu, ia biasanya diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Contohnya, kos menservis atau membaikpulih loji dan peralatan biasanya dikira sebagai perbelanjaan kerana ia memulihkan, dan bukannya meningkatkan penilaian awal prestasi loji dan peralatan tersebut.
- 3.9 Komponen utama sesetengah item hartanah, loji dan peralatan mungkin perlu diganti secara berkala. Contohnya, relau mungkin memerlukan pelapisan semula selepas beberapa jam tertentu penggunaannya. Komponen tersebut diambilkira sebagai aset yang berasingan kerana ia mempunyai tempoh hayat berguna yang berbeza daripada item hartanah, loji dan peralatan yang berkaitan dengannya. Oleh yang demikian, jika ia memenuhi kriteria pengiktirafan dalam perenggan 3.1, maka perbelanjaan yang ditanggung bagi menggantikan dan membaharui komponen tersebut diambilkira sebagai perolehan aset yang berasingan, dan aset yang diganti tersebut adalah dihapus kira.

## **Pengukuran Selepas Pengiktirafan Awal**

3.10 Selepas pengiktirafan awal sebagai aset, item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dibawa pada kosnya, ditolak dengan susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

### **Susut Nilai Dan Rosot Nilai**

- 3.11 Amaun susut nilai bagi item hartanah, loji dan peralatan hendaklah diperuntukkan secara sistematik sepanjang hayat bergunanya. Kaedah susut nilai yang digunakan hendaklah menggambarkan pola manfaat ekonomi aset yang digunakan oleh entiti. Caj susut nilai bagi setiap tempoh hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan, melainkan ia dimasukkan dalam amaun bawaan bagi aset yang lain.
- 3.12 Manfaat ekonomi yang wujud dalam item hartanah, loji dan peralatan digunakan oleh entiti, terutamanya melalui penggunaan aset tersebut. Walaubagaimanapun, faktor lain, seperti keusangan teknikal, haus dan lusuh semasa aset tidak digunakan, sering kali menyebabkan pengurangan manfaat ekonomi yang dijangka dapat diperolehi daripada aset tersebut. Oleh yang demikian, semua faktor berikut perlu dipertimbangkan bagi menentukan usia berguna aset:
- (a) penggunaan aset yang dijangkakan oleh entiti (penggunaan dinilai dengan merujuk kepada kapasiti atau output fizikal);
  - (b) haus dan lusuh fizikal yang dijangkakan, bergantung pada faktor operasi, seperti jumlah giliran aset itu digunakan, program pembaikan dan penyelenggaraan entiti, penjagaan dan penyelenggaraan aset tersebut semasa tidak digunakan;
  - (c) keusangan teknikal disebabkan oleh perubahan atau peningkatan dalam produksi, atau perubahan dalam permintaan pasaran bagi produk atau output perkhidmatan aset tersebut; dan
  - (d) undang-undang atau pengehadan yang seumpamanya, ke atas penggunaan aset, seperti tarikh luput pajakan yang berkaitan.
- 3.13 Tanah dan bangunan adalah merupakan aset boleh pisah, dan diuruskan secara berasingan bagi tujuan perakaunan, walaupun ianya diperolehi secara bersama. Pegangan kekal tanah biasanya mempunyai hayat tanpa had dan, oleh itu, tidak disusut nilai. Kepentingan pegangan pajak tanah daripada Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau tanah di tempat lain yang mempunyai ciri yang sama adalah diambilkira sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut BDAS ini. Tanah pegangan pajak hendaklah disusut nilai sepanjang tempoh pajakan. Manakala bangunan pula, mempunyai usia berguna yang terhad dan, oleh itu, dianggap sebagai aset boleh susut nilai. Peningkatan dalam nilai tanah tempat bangunan dibangunkan tidak akan mempengaruhi penentuan usia berguna bangunan tersebut.
- 3.14 Pelbagai kaedah susut nilai boleh digunakan untuk memperuntukkan amaun susut nilai aset secara sistematik sepanjang usia bergunanya. Kaedah tersebut termasuklah kaedah garis lurus, kaedah baki berkurangan, dan kaedah unit produksi. Kaedah yang digunakan untuk aset dipilih berdasarkan jangkaan pola manfaat ekonomi daripada aset tersebut dan kaedah ini digunakan secara konsisten dari satu tempoh ke satu tempoh kecuali terdapat perubahan dalam jangkaan pola manfaat ekonomi daripada aset tersebut.
- 3.15 Usia berguna item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dikaji semula pada setiap tahun, dan jika jangkaan ketara berbeza daripada anggaran sebelumnya, maka caj susut nilai bagi tempoh semasa dan masa akan datang hendaklah diselaraskan.
- 3.16 Kaedah susut nilai yang digunakan untuk hartanah, loji dan peralatan hendaklah dikaji semula setiap tahun, dan sekiranya terdapat perubahan yang ketara dalam jangkaan pola manfaat ekonomi daripada aset tersebut, maka kaedah tersebut hendaklah ditukar untuk menggambarkan pola perubahan tersebut. Apabila perubahan kaedah susut nilai sedemikian diperlukan, perubahan itu hendaklah diambilkira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan, dan caj susut nilai tempoh semasa dan tempoh yang akan datang hendaklah diselaraskan.
- 3.17 Untuk menentukan sama ada item hartanah, loji dan peralatan rosot nilai, entiti menggunakan BDAS 9 – Rosot Nilai Aset. Piawaian ini menerangkan bila dan bagaimana entiti mengkaji semula amaun bawaan asetnya, bagaimana ia menentukan amaun boleh pulih aset, dan bila ia mengiktiraf atau meminda balik kerugian rosot nilai.

## **Penghapusan Dan Pelupusan**

- 3.18 Item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dihapuskan daripada kunci kira-kira apabila aset tersebut dilupuskan atau tidak lagi digunakan, dan tiada lagi terdapat manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan akibat pelupusannya.
- 3.19 Laba atau kerugian yang terbit daripada penghapusan atau pelupusan item hartanah, loji dan peralatan hendaklah ditentukan sebagai perbezaan antara anggaran hasil pelupusan bersih dengan amaun bawaan asetnya, dan hendaklah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

## **Pendedahan**

- 3.20 Entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut, bagi setiap kelas hartanah, loji dan peralatan:
- (a) asas pengukuran yang digunakan untuk menentukan amaun bawaan kasar;
  - (b) kaedah susut nilai yang digunakan;
  - (c) tempoh usia berguna atau kadar susut nilai yang digunakan;
  - (d) amaun bawaan kasar dan susut nilai terkumpul (diagregatkan dengan kerugian rosot nilai terkumpul) pada permulaan dan pengakhiran tempoh; dan
  - (e) penyesuaian amaun bawaan pada permulaan dan pengakhiran tempoh yang menunjukkan:
    - (i) tambahan;
    - (ii) pelupusan;
    - (iii) kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam penyata pendapatan tempoh tersebut (jika ada);
    - (iv) kerugian rosot nilai yang dipinda balik dalam penyata pendapatan tempoh tersebut (jika ada);
    - (v) susut nilai; dan
    - (vi) pergerakan yang lain.

Maklumat perbandingan adalah tidak diperlukan.

- 3.21 Entiti hendaklah juga mendedahkan kewujudan dan amaun pengehadan hak milik, dan juga hartanah, loji dan peralatan yang dicagarkan sebagai sekuriti secara berasingan untuk:
- (a) liabiliti entiti tersebut; dan
  - (b) liabiliti entiti yang lain.

## **BDAS 4 – Aset Tak Ketara**

### **Kawalan Aset**

- 4.1 Entiti mengawal aset, jika entiti tersebut mempunyai kuasa untuk mendapatkan manfaat ekonomi masa hadapan melalui sumber asas, dan juga boleh menghadkan akses yang lain kepada manfaat tersebut. Keupayaan entiti untuk mengawal manfaat ekonomi masa hadapan daripada aset tak ketara biasanya berpunca daripada hak undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di mahkamah undang-undang. Pengawalan aset akan lebih sukar tanpa adanya hak undang-undang tersebut. Walaubagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang terhadap suatu hak tidak semestinya menjadi syarat yang diperlukan untuk pengawalan kerana entiti boleh mengawal manfaat ekonomi masa hadapan dengan cara yang lain.

### **Pengiktirafan Dan Pengukuran Awal**

- 4.2 Aset tak ketara hendaklah diiktiraf hanya jika:
- (a) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk ke entiti; dan
  - (b) kos aset tersebut boleh diukur dengan pasti.
- 4.3 Entiti hendaklah menilai kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan dengan menggunakan andaian yang munasabah dan berasas yang menunjukkan anggaran terbaik pihak pengurusan mengenai keadaan ekonomi yang akan wujud sepanjang jangka hayat berguna aset tersebut.
- 4.4 Aset tak ketara hendaklah pada mulanya diukur pada kosnya.
- 4.5 Muhibah yang dijana secara dalaman tidak boleh diiktiraf sebagai aset.
- 4.6 Fasa Penyelidikan
- Aset tak ketara yang terbit daripada penyelidikan (atau daripada fasa penyelidikan projek dalaman) tidak boleh diiktiraf. Perbelanjaan penyelidikan (atau semasa fasa penyelidikan projek dalaman) hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia ditanggung.
- 4.7 Fasa pembangunan
- Aset tak ketara yang terbit daripada pembangunan (atau daripada fasa pembangunan projek dalaman) hendaklah diiktiraf, jika entiti boleh menunjukkan semua perkara berikut:
- (a) kebolehlaksanaan teknikal dalam melengkapkan aset tak ketara tersebut agar ianya sedia untuk digunakan atau dijual;
  - (b) tujuan entiti untuk melengkapkan aset tak ketara tersebut, dan menggunakannya atau menjualnya;
  - (c) kemampuan entiti untuk menggunakan atau menjual aset tak ketara tersebut;
  - (d) bagaimana aset tak ketara tersebut menjana manfaat ekonomi masa hadapan (antara lain, entiti hendaklah menunjukkan adanya pasaran untuk output aset tak ketara atau aset tak ketara itu sendiri atau, jika digunakan secara dalaman, kebergunaan aset tak ketara tersebut);
  - (e) adanya sumber teknikal, kewangan dan sumber yang lain, yang mencukupi untuk melengkapkan pembangunan tersebut, dan untuk menggunakan atau menjual aset tak ketara tersebut; dan
  - (f) kemampuan entiti untuk mengukur dengan pasti perbelanjaan yang berpunca daripada aset tak ketara tersebut semasa pambanunannya.
- 4.8 Jenama yang dijana secara dalaman, *masthead*, tajuk penerbitan, senarai pelanggan dan item yang serupa dari segi inti pati, tidak boleh diiktiraf sebagai aset tak ketara.

### **Pengiktirafan Perbelanjaan**

- 4.9 Perbelanjaan item tak ketara hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia ditanggung, melainkan ia adalah sebahagian daripada kos aset tak ketara yang memenuhi kriteria pengiktirafan (lihat perenggan 4.2 hingga 4.8).
- 4.10 Dalam sesetengah kes, perbelanjaan ditanggung untuk memberikan manfaat ekonomi masa hadapan kepada entiti, tetapi tiada aset tak ketara atau aset lain yang diperolehi atau dicipta yang boleh diiktiraf. Dalam kes seperti ini, perbelanjaan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia



ditanggung. Contohnya, perbelanjaan penyelidikan selalunya diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia ditanggung (lihat perenggan 4.6). Contoh perbelanjaan lain yang diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia ditanggung termasuklah:

- (a) perbelanjaan aktiviti permulaan (kos permulaan) kecuali jika perbelanjaan ini termasuk dalam kos item hartanah, loji dan peralatan, yang di bawah BDAS 3. Kos permulaan boleh mengandungi kos penubuhan, seperti kos undang-undang dan kesetiausahaan yang ditanggung semasa menubuhkan entiti yang sah, perbelanjaan untuk membuka fasiliti atau perniagaan yang baharu (kos pra-pembukaan) atau perbelanjaan untuk memulakan operasi baharu atau melancarkan produk atau proses yang baharu (kos pra-operasi);
- (b) perbelanjaan untuk aktiviti latihan;
- (c) perbelanjaan untuk aktiviti pengiklanan dan promosi; dan
- (d) perbelanjaan untuk menempatkan atau menyusun semula sebahagian atau keseluruhan entiti.

4.11 Perbelanjaan item tak ketara yang pada mulanya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan yang sebelumnya, tidak boleh diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos aset tak ketara pada tarikh selepas itu.

4.12 Perbelanjaan berikutan aset tak ketara selepas pembelian atau setelah aset tersebut lengkap hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia ditanggung kecuali:

- (a) terdapat kemungkinan bahawa perbelanjaan ini akan membolehkan aset tersebut menjana manfaat ekonomi masa hadapan yang melebihi piawaian prestasi yang dinilai pada awalnya; dan
- (b) perbelanjaan ini boleh diukur dengan pasti, dan berpunca daripada aset tersebut.

Jika syarat di atas dipenuhi, perbelanjaan seterusnya hendaklah dimasukkan ke dalam kos aset tak ketara tersebut.

4.13 Selepas pengiktirafan awal, aset tak ketara hendaklah dibawa pada kosnya ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

## **Pelunasan**

4.14 Tempoh pelunasan

Amaun susut nilai aset tak ketara hendaklah diperuntukkan secara sistematik sepanjang anggaran terbaik jangka hayat bergunanya. Terdapat andaian yang boleh dibantah yang mengatakan bahawa hayat berguna aset tak ketara tidak melebihi 20 tahun dari tarikh aset tersebut sedia untuk digunakan. Pelunasan hendaklah bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan.

4.15 Jika kawalan ke atas manfaat ekonomi masa hadapan daripada aset tak ketara boleh diperolehi melalui hak undang-undang yang diberikan untuk tempoh yang terhad, maka hayat berguna aset tak ketara tersebut tidak boleh melebihi tempoh hak undang-undang tersebut kecuali:

- (a) hak undang-undang tersebut boleh diperbaharui; dan
- (b) pembaharuan tersebut boleh ditentukan dengan pasti.

4.16 Kaedah pelunasan

Kaedah pelunasan yang digunakan hendaklah menggambarkan pola manfaat ekonomi aset tersebut yang digunakan oleh entiti. Jika pola tersebut tidak dapat ditentukan dengan pasti, maka kaedah garis lurus hendaklah digunakan. Caj pelunasan bagi setiap tempoh hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan kecuali terdapat BDAS yang lain dalam BDAS NON-PIE yang membenarkan atau menghendakinya untuk dimasukkan ke dalam amaun bawaan aset yang lain.

4.17 Nilai baki

Nilai baki aset tak ketara hendaklah dianggap sebagai sifar kecuali:

- (a) ada komitmen daripada pihak ketiga untuk membeli aset tersebut pada akhir hayat bergunanya; dan
- (b) terdapat pasaran aktif bagi aset tersebut dan:
  - (i) nilai bakinya boleh ditentukan dengan merujuk kepada pasaran itu; dan

(ii) kemungkinan pasaran seperti itu akan wujud pada akhir hayat berguna aset tersebut.

#### 4.18 Reviu tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan

Tempoh dan kaedah pelunasan hendaklah dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap akhir tahun kewangan. Jika jangka hayat berguna aset tersebut berbeza dengan ketara daripada anggaran sebelumnya, maka tempoh pelunasan tersebut hendaklah diubah dengan sewajarnya. Sekiranya terdapat perubahan yang ketara dalam anggaran pola manfaat ekonomi daripada aset tersebut, maka kaedah pelunasan tersebut hendaklah diubah untuk menggambarkan pola perubahan tersebut. Perubahan tersebut hendaklah diambil kira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan dengan menyelaraskan caj pelunasan bagi tempoh semasa dan masa hadapan.

4.19 Untuk menentukan sama ada aset tak ketara telah merosot nilainya, entiti menggunakan BDAS 9 – Rosot nilai Aset. BDAS ini menerangkan bila dan bagaimana entiti mengkaji semula amaun bawaan asetnya, bagaimana menentukan amaun boleh pulih aset, dan bila mengiktiraf atau meminda balik kerugian rosot nilai.

4.20 Aset tak ketara hendaklah dinyahiktirafkan (dihapuskan daripada kunci kira-kira) semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya mahupun daripada pelupusannya.

4.21 Laba atau kerugian daripada penghapusan atau pelupusan aset tak ketara hendaklah ditentukan sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan amaun dibawa aset, dan hendaklah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

### **Pendedahan**

4.22 Entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut bagi setiap kelas aset tak ketara, dan membezakan antara aset tak ketara yang dijana secara dalaman dengan aset tak ketara yang lain:

- (a) hayat berguna atau kadar pelunasan yang digunakan;
- (b) kaedah pelunasan yang digunakan;
- (c) amaun bawaan kasar dan pelunasan terkumpul (diagregatkan dengan kerugian rosot nilai terkumpul) pada permulaan dan pengakhiran tempoh;
- (d) item barisan dalam penyata pendapatan yang mengandungi pelunasan aset tak ketara; dan
- (e) penyesuaian amaun bawaan pada permulaan dan pengakhiran tempoh yang menunjukkan:
  - (i) penambahan;
  - (ii) penghapusan dan pelupusan;
  - (iii) kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh tersebut (jika ada);
  - (iv) kerugian rosot nilai yang dipinda balik dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh tersebut (jika ada);
  - (v) pelunasan yang diiktiraf sepanjang tempoh tersebut; dan
  - (vi) perubahan lain dalam amaun bawaan sepanjang tempoh tersebut.

Maklumat perbandingan adalah tidak diperlukan.

4.23 Entiti hendaklah juga mendedahkan:

- (a) jika aset tak ketara tersebut dilunaskan lebih daripada 20 tahun, alasan kenapa anggapan bahawa hayat berguna aset tak ketara tidak melebihi 20 tahun dari tarikh aset tersebut tersedia untuk digunakan itu dibantah,;
- (b) keterangan, amaun bawaan dan baki tempoh pelunasan sebarang aset tak ketara yang signifikan kepada penyata kewangan entiti seluruhnya;
- (c) kewujudan dan amaun bawaan aset tak ketara yang dihadkan pemilikannya, dan amaun bawaan aset tak ketara tersebut dicagarkan sebagai sekuriti secara berasingan untuk:
  - (i) liabiliti entiti tersebut; dan
  - (ii) liabiliti entiti yang lain.

## **BDAS 5 – Pajak**

### **Pengklasifikasian Pajak**

- 5.1 Pengklasifikasian pajak adalah berdasarkan pada setakat mana risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset yang dipajakkan ditanggung oleh pemberi pajak atau penerima pajak. Risiko termasuklah kemungkinan menanggung kerugian daripada keupayaan terbiar atau keusangan teknologi, dan kemungkinan perubahan pulangan disebabkan oleh keadaan ekonomi yang sentiasa berubah. Ganjaran boleh ditunjukkan oleh jangkaan operasi yang menguntungkan sepanjang hayat ekonomi aset tersebut, dan jangkaan laba daripada kenaikan nilai atau realisasi nilai baki.
- 5.2 Ketentuan sama ada pajak adalah pajak kewangan atau pajak operasi, adalah bergantung kepada inti pati transaksi, bukannya pada bentuk kontrak. Yang berikut adalah contoh situasi yang biasanya menyebabkan pajak diklasifikasikan sebagai pajak kewangan:
- (a) pemindahan hak milik aset pajak kepada penerima pajak pada penghujung tempoh pajak;
  - (b) penerima pajak mempunyai opsi untuk membeli aset tersebut pada harga yang dijangka cukup rendah daripada nilai saksama pada tarikh opsi tersebut dilaksanakan, di mana, pada permulaan pajak tersebut, ianya sudah dapat dipastikan bahawa pemajak akan melaksanakan opsi tersebut;
  - (c) tempoh pajak tersebut merupakan sebahagian besar daripada tempoh hayat ekonomi aset, walaupun hak milik tidak dipindahkan;
  - (d) pada permulaan pajak, nilai kini bayaran minimum pajak berjumlah sekurang-kurangnya sebahagian besar keseluruhan nilai saksama aset yang dipajak; dan
  - (e) aset yang dipajak adalah jenis yang khusus, iaitu hanya penerima pajak yang boleh menggunakannya tanpa pengubahsuaian yang besar.
- 5.3 Berikut adalah petunjuk kepada beberapa situasi, sama ada secara berasingan atau gabungan, yang boleh menyebabkan pajak diklasifikasikan sebagai pajak kewangan:
- (a) jika penerima pajak boleh membatalkan pajak, kerugian pemberi pajak berhubung dengan pembatalan tersebut akan ditanggung oleh penerima pajak;
  - (b) laba atau kerugian daripada turun naik nilai saksama baki yang diakrukan kepada penerima pajak (contohnya, dalam bentuk rebat sewa menyamai kebanyakan hasil jualan pada penghujung pajak); dan
  - (c) penerima pajak mampu meneruskan pajak untuk tempoh berikutnya dengan kadar sewa yang secara keseluruhannya lebih rendah daripada sewa pasaran.

### **Pajak Kewangan**

- 5.4 Penerima pajak hendaklah mengiktiraf pajak kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam kunci kira-kira mereka pada permulaan pajak, pada amaun yang sama dengan nilai saksama hartanah yang dipajak atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bayaran minimum pajak. Dalam membuat kiraan nilai kini bayaran minimum pajak, faktor diskaun adalah kadar faedah yang tersirat dalam pajak, jika ia praktikal untuk ditentukan. Jika tidak, kadar kenaikan faedah pinjaman pemajak itu hendaklah digunakan.
- 5.5 Bayaran pajak hendaklah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti yang belum dijelaskan. Caj kewangan hendaklah diperuntukkan secara sistematik mengikut tempoh pajak tersebut sama ada dengan menggunakan kaedah garis lurus, kaedah jumlah angka atau kaedah yang menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap bagi baki liabiliti untuk setiap tempoh.
- 5.6 Pajak kewangan menimbulkan perbelanjaan susut nilai bagi aset serta perbelanjaan kewangan bagi setiap tempoh perakaunan. Dasar susut nilai bagi aset pajak hendaklah selaras dengan susut nilai aset yang dimiliki.
- 5.7 Jika tidak ada kepastian yang munasabah bahawa penerima pajak akan mendapat pemilikan sebelum tempoh pajak berakhir, aset tersebut hendaklah disusut nilai sepenuhnya sepanjang tempoh pajak atau hayat bergunanya, yang mana lebih pendek.

## 5.8 Pendedahan

Pemajak hendaklah mendedahkan amaun bawaan aset bagi pajakan kewangan pada tarikh kunci kira-kira, dan liabiliti belum lunas yang perlu dalam setiap tempoh berikut:

- (a) tidak lebih daripada satu tahun; dan
- (b) lebih daripada satu tahun.

## Pajakan Operasi

5.9 Bayaran pajakan di bawah pajakan operasi hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan mengikut dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan, kecuali terdapat dasar sistematik yang lain yang boleh menggambarkan pola masa manfaat pengguna.

5.10 Semua insentif perjanjian pajakan operasi yang baharu atau diperbaharui hendaklah diiktiraf sebagai bahagian integral pertimbangan bersih yang dipersetujui bagi penggunaan aset pajakan. Pemajak hendaklah mengiktiraf manfaat agregat insentif sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan.

## 5.11 Pendedahan

Pemajak hendaklah mendedahkan jumlah bayaran minimum pajakan masa hadapan di bawah pajakan operasi tidak boleh batal bagi setiap tempoh berikut:

- (a) tidak lebih daripada satu tahun; dan
- (b) lebih daripada satu tahun.

## Jualan Dan Pajakan Balik

5.12 Transaksi jualan dan pajakan balik melibatkan jualan aset oleh vendor, dan pajakan balik aset yang sama kepada vendor. Bayaran pajakan dan harga jualan biasanya saling bergantung kerana kedua-duanya dirundingkan sebagai satu pakej. Pengolahan perakaunan transaksi jualan dan pajakan balik tertakluk pada jenis pajakan yang terlibat.

5.13 Jika transaksi jualan dan pajakan balik menyebabkan pajakan kewangan, maka sebarang hasil jualan melebihi amaun bawaan tidak boleh diiktiraf dengan serta-merta sebagai pendapatan dalam penyata kewangan penjual-penerima pajak. Sebaliknya, ia hendaklah ditunda dan dilunaskan di sepanjang tempoh pajakan.

5.14 Jika transaksi jualan dan pajakan balik menyebabkan pajakan operasi, dan jelas bahawa transaksi tersebut ditetapkan pada nilai saksama, maka sebarang keuntungan atau kerugian boleh diiktiraf dengan serta-merta. Jika harga jualan jatuh di bawah nilai saksama, sebarang keuntungan atau kerugian boleh diiktiraf dengan serta-merta kecuali, jika kerugian tersebut dipampas dengan pembayaran pajakan masa hadapan di bawah harga pasaran, kerugian tersebut hendaklah ditunda dan dilunaskan mengikut kadar bayaran pajakan sepanjang tempoh aset tersebut dijangka boleh digunakan. Jika harga jualan melebihi nilai saksama, lebihan tersebut hendaklah ditunda dan dilunaskan sepanjang tempoh aset tersebut dijangka boleh digunakan.

5.15 Bagi pajakan operasi, jika nilai saksama pada masa transaksi jualan dan pajakan balik adalah kurang daripada amaun bawaan aset, kerugian yang bersamaan dengan perbezaan antara amaun bawaan dengan nilai saksama hendaklah diiktiraf dengan serta-merta.

## **BDAS 6 – Pelaburan**

- 6.1 BDAS ini hendaklah digunapakai dalam perakaunan bagi pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, usaha sama dan pelaburan dalam sekuriti yang lain. BDAS ini tidak boleh digunapakai dalam perakaunan bagi hartanah yang dipegang untuk sewaan dan/atau untuk pelaburan yang berpotensi kerana perakaunan tersebut ada ditangani di dalam BDAS 3 - Hartanah, Loji dan Peralatan.
- 6.2 Pelaburan hendaklah diiktiraf sebagai aset apabila:
- (a) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset akan mengalir ke entiti; dan
  - (b) kos aset boleh diukur dengan pasti.
- 6.3 Pelaburan yang layak diiktiraf sebagai aset hendaklah pada mulanya diukur pada kosnya.
- 6.4 Kos pelaburan termasuklah caj perolehan, seperti brokeraj, yuran, duti dan cukai.
- 6.5 Sekiranya pelaburan diperoleh atau sebahagiannya diperoleh daripada pengeluaran saham atau sekuriti yang lain, kos perolehan ialah nilai saksama sekuriti yang dikeluarkan dan bukannya nilai nominal atau nilai par. Jika pelaburan diperoleh sebagai pertukaran atau sebahagian pertukaran, untuk aset yang lain, kos perolehan pelaburan ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama aset yang diberikan tersebut. Dalam kes nilai saksama sekuriti yang dikeluarkan atau nilai aset yang diberikan tidak dapat ditentukan dengan pasti, maka kos perolehan hendaklah menggunakan nilai saksama pelaburan yang diperoleh tersebut.
- 6.6 Faedah dan dividen belum terima yang berkaitan dengan pelaburan, secara umumnya dianggap sebagai pendapatan, iaitu sebagai pulangan pelaburan. Walaubagaimanapun, dalam keadaan tertentu, aliran masuk sedemikian menunjukkan pemulihan kos, dan tidak menjadi sebahagian daripada pendapatan. Contohnya, apabila faedah perlu bayar telah terakru sebelum perolehan pelaburan berfaedah, dan dimasukkan dalam harga yang dibayar untuk pelaburan tersebut, maka penerimaan faedah berikutnya diperuntukkan di antara tempoh pra perolehan dan pos perolehan; bahagian pra perolehan ditolak daripada kos. Apabila dividen sekuriti ekuiti diisytiharkan daripada keuntungan sebelum perolehan, pengolahan yang sama hendaklah digunapakai. Sekiranya sulit untuk membuat peruntukan sedemikian, kecuali mengikut dasar arbitrari, kos pelaburan biasanya dikurangkan mengikut dividen belum terima hanya jika ia jelas menunjukkan pemulihan sebahagian daripada kos.

### **Pengukuran Selepas Pengiktirafan Awal**

- 6.7 Kecuali seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 6.8 untuk sekuriti dipegang hingga matang, selepas pengiktirafan awal sebagai aset, pelaburan hendaklah dibawa pada jumlah:
- (a) yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasikan bersih bagi pelaburan semasa; dan
  - (b) kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul bagi pelaburan jangka panjang.
- Perubahan dalam amaun bawaan pelaburan dari satu tarikh kunci kira-kira kepada tarikh kunci kira-kira yang lain hendaklah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam penyata pendapatan.
- 6.8 Perbezaan antara kos perolehan dan nilai penebusan pelaburan dalam sekuriti hutang dipegang hingga matang (diskaun atau premium perolehan) hendaklah dilunaskan oleh entiti secara sistematik sepanjang tempoh tersebut, dari perolehan hingga matang, sama ada dengan menggunakan kaedah garis lurus, atau kaedah yang membolehkan hasil yang tetap diperoleh daripada pelaburan. Diskaun atau premium yang dilunaskan tersebut dikreditkan atau dicaj ke pendapatan seolah-olah ia adalah faedah, dan ditambah ke atau ditolak daripada amaun bawaan sekuriti. Amaun bawaan yang terhasil itu kemudiannya dianggap sebagai kos.

### **Pelupusan Pelaburan**

- 6.9 Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelupusan pelaburan hendaklah ditentukan sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan amaun bawaan aset, dan hendaklah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam penyata pendapatan.
- 6.10 Apabila melupuskan sebahagian daripada pemegangan pelaburan tertentu entiti, amaun bawaan mestilah diperuntukkan untuk bahagian yang dijual. Amaun bawaan ini, biasanya ditentukan daripada purata amaun bawaan jumlah keseluruhan pelaburan tersebut.

## Pendedahan

6.11 Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) asas pengukuran yang digunakan untuk menentukan amaun bawaan pelaburan;
- (b) jumlah ketara yang terkandung dalam pendapatan untuk:
  - (i) faedah dan dividen;
  - (ii) keuntungan dan kerugian daripada pelupusan pelaburan;
  - (iii) kerugian rosot nilai; dan
  - (iv) pindaan balik kerugian rosot nilai;
- (c) nilai pasaran pelaburan yang tersenarai, jika maklumat tersebut tersedia;
- (d) penghadan yang ketara dan terma lain yang mempengaruhi kebolehrealisasian pelaburan atau pengiriman wang, dan hasil pelupusan;
- (e) berkenaan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha samasa:
  - (i) nama penerima pelaburan;
  - (ii) kadar kepentingan pemilikan dalam penerima pelaburan;
  - (iii) tempat utama operasi dan tempat penerima pelaburan ditubuhkan; dan
  - (iv) petunjuk tentang jenis perniagaan penerima pelaburan; dan
- (f) penurunan nilai amaun bawaan bersih terkumpul (jika ada).

6.12 Pelaburan dalam sekuriti hendaklah dibezakan antara sekuriti ekuiti dengan sekuriti hutang. Ianya hendaklah dianalisa di antara yang tersenarai dan yang tidak tersenarai. Analisis ini hendaklah disediakan secara berasingan untuk pelaburan semasa dan pelaburan jangka panjang.

6.13 Entiti hendaklah mendedahkan kewujudan dan amaun penghadan hak milik, serta pelaburan yang dicagarkan sebagai jaminan secara berasingan untuk:

- (a) liabiliti entiti; dan
- (b) liabiliti entiti yang lain.

## **BDAS 7 – Inventori**

- 7.1 Inventori hendaklah diukur pada kos yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Biasanya, inventori diturun nilai kepada nilai boleh direalisasikan bersih berasaskan butiran demi butiran. Walaubagaimanapun, dalam sesetengah keadaan, ianya berkemungkinan wajar untuk mengumpulkan item yang sama atau berkaitan.
- 7.2 Kos inventori hendaklah merangkumi semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan kini.
- 7.3 Kos inventori bagi item yang biasanya tidak boleh ditukar ganti dan barangan atau perkhidmatan yang dihasilkan dan diasingkan untuk projek tertentu hendaklah ditentukan dengan menggunakan kaedah pengenalan khusus bagi setiap kosnya.
- 7.4 Kos inventori, selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 7.3 hendaklah ditentukan dengan menggunakan kaedah masuk dulu, keluar dulu atau formula kos purata wajar.

### **Pengiktirafan Sebagai Perbelanjaan**

- 7.5 Apabila inventori dijual, amaun bawaan bagi inventori tersebut hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh bila mana hasil berkaitan dengannya diiktiraf. Amaun bagi sebarang turun nilai inventori kepada nilai boleh realis bersih dan semua kerugian inventori hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh turun nilai atau kerugian tersebut berlaku. Amaun bagi sebarang pindaan balik turun nilai inventori yang disebabkan oleh peningkatan nilai boleh realis bersih hendaklah diiktiraf sebagai pengurangan amaun inventori yang diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh pindaan balik tersebut.

### **Pendedahan**

- 7.6 Entiti hendaklah mendedahkan:
  - (a) dasar perakaunan yang diterima pakai dalam mengukur inventori termasuk formula kos yang digunakan;
  - (b) jumlah amaun bawaan inventori yang dianalisa dalam klasifikasi yang sesuai dengan entiti;
  - (c) amaun bawaan inventori yang dicagarkan sebagai sekuriti bagi liabiliti entiti; dan
  - (d) amaun bawaan inventori yang dicagarkan sebagai sekuriti bagi liabiliti entiti lain.

## **BDAS 8 – Kontrak Pembinaan**

- 8.1 BDAS ini hendaklah digunapakai dalam perakaunan bagi kontrak pembinaan dalam penyata kewangan kontraktor.
- 8.2 Hasil kontrak merangkumi:
- (a) amaun hasil permulaan yang dipersetujui dalam kontrak;
  - (b) perubahan dalam kerja, tuntutan dan bayaran insentif kontrak:
    - (i) setakat ia mungkin mendatangkan hasil; dan
    - (ii) ia dapat diukur dengan pasti.
- 8.3 Kos kontrak meliputi:
- (a) kos yang berkaitan secara langsung dengan kontrak tertentu;
  - (b) kos yang berkaitan dengan aktiviti kontrak secara umum dan boleh diperuntukkan kepada kontrak; dan
  - (c) sebarang kos sedemikian yang boleh dicaj secara khusus kepada pelanggan di bawah terma kontrak.

### **Pengiktirafan**

- 8.4 Jika hasil kontrak pembinaan dapat dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak yang berkaitan dengan kontrak pembinaan hendaklah diiktiraf masing-masing sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada tahap penyediaan aktiviti kontrak pada tarikh kunci kira-kira. Kerugian yang dijangka dalam kontrak pembinaan hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan segera mengikut perenggan 8.10.
- 8.5 Dalam kes kontrak harga tetap, hasil kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti jika semua syarat berikut dipenuhi:
- (a) jumlah hasil kontrak boleh diukur dengan pasti;
  - (b) kemungkinan manfaat ekonomi yang berkaitan dengan kontrak akan mengalir kepada entiti;
  - (c) kedua-dua kos kontrak untuk menyiapkan kontrak dan tahap penyediaan kontrak pada tarikh kunci kira-kira boleh diukur dengan pasti; dan
  - (d) kos kontrak yang berkaitan dengan kontrak boleh dikenalpasti dengan jelas dan diukur dengan pasti supaya kos kontrak sebenar yang ditanggung dapat dibandingkan dengan anggaran sebelumnya.
- 8.6 Dalam kes kontrak kos tokok, hasil kontrak pembinaan dapat dianggarkan dengan pasti jika semua syarat berikut dipenuhi:
- (a) kemungkinan manfaat ekonomi yang berkaitan dengan kontrak akan mengalir kepada entiti; dan
  - (b) kos kontrak yang berkaitan dengan kontrak, sama ada dibayar balik atau tidak secara khusus, boleh dikenalpasti dengan jelas dan diukur dengan pasti.
- 8.7 Tahap penyediaan kontrak boleh ditentukan dengan pelbagai cara. Entiti menggunakan kaedah yang mengukur dengan pasti kerja-kerja yang dilaksanakan. Bergantung kepada jenis kontrak, kaedah ini termasuk:
- (a) kadar kos kontrak yang ditanggung untuk kerja yang dilaksanakan setakat ini pada anggaran jumlah kos kontrak;
  - (b) tinjauan kerja yang dilaksanakan; dan
  - (c) penyediaan kadar fizikal kerja kontrak.
- Bayaran mengikut kemajuan dan pendahuluan yang diterima daripada pelanggan biasanya tidak mencerminkan kerja yang dilaksanakan.
- 8.8 Jika hasil kontrak pembinaan tidak dapat dianggarkan dengan pasti:
- (a) hasil hendaklah diiktiraf setakat kos kontrak yang ditanggung sahaja yang berkemungkinan boleh pulih; dan



(b) kos kontrak hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh kos ini ditanggung.

Kerugian dijangka pada kontrak pembinaan hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan segera mengikut perenggan 8.10.

- 8.9 Jika ketidakpastian yang menghalang hasil kontrak untuk dianggarkan dengan pasti tidak lagi wujud, maka hasil dan perbelanjaan yang berkaitan dengan kontrak pembinaan hendaklah diiktiraf mengikut perenggan 8.4 dan bukannya perenggan 8.8.

### **Kerugian Dijangka**

- 8.10 Jika kemungkinan jumlah kos kontrak melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian dijangka hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

- 8.11 Amaun kerugian sedemikian ditentukan tanpa mengira:

- (a) sama ada kerja telah dimulakan bagi kontrak berkenaan; atau
- (b) tahap penyiapan aktiviti kontrak.

### **Pendedahan**

- 8.12 Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) amaun hasil kontrak yang diiktiraf sebagai hasil dalam tempoh ini;
- (b) kaedah yang digunakan untuk menentukan hasil kontrak yang diiktiraf dalam tempoh ini; dan
- (c) kaedah yang digunakan untuk menentukan tahap penyiapan kontrak yang sedang berjalan.

- 8.13 Entiti hendaklah mendedahkan setiap perkara yang berikut untuk kontrak yang sedang berjalan pada tarikh kunci kira-kira:

- (a) amaun agregat kos yang ditanggung dan keuntungan yang iktiraf (tolak kerugian yang diiktiraf) setakat ini;
- (b) jumlah pendahuluan yang diterima; dan
- (c) jumlah retensi.

- 8.14 Retensi adalah amaun pengebilan berperingkat yang tidak dibayar sehingga syarat yang dinyatakan dalam kontrak bagi pembayaran jumlah sedemikian telah dipenuhi atau hingga kecacatan telah diperbaiki. Pengebilan berperingkat adalah amaun yang dikenakan untuk kerja yang dilaksanakan dalam kontrak, sama ada telah dibayar oleh pelanggan atau sebaliknya. Pendahuluan adalah amaun yang diterima oleh kontraktor sebelum kerja yang berkaitan dilaksanakan.

- 8.15 Entiti hendaklah melaporkan:

- (a) amaun kasar yang perlu bayar daripada pelanggan untuk kerja kontrak sebagai aset; dan
- (b) amaun kasar perlu bayar kepada pelanggan untuk kerja kontrak sebagai liabiliti.

- 8.16 Amaun kasar perlu bayar daripada pelanggan untuk kerja kontrak adalah amaun bersih:

- (a) kos yang ditanggung campur keuntungan yang diiktiraf; tolak
  - (b) jumlah kerugian yang diiktiraf dan pengebilan berperingkat,
- bagi semua kontrak yang sedang berjalan yang mana kos ditanggung campur keuntungan yang diiktiraf (ditolak kerugian yang diiktiraf) melebihi pengebilan berperingkat.

- 8.17 Amaun kasar perlu bayar kepada pelanggan untuk kerja kontrak adalah amaun bersih bagi:

- (a) kos yang ditanggung campur keuntungan yang diiktiraf; tolak
  - (b) jumlah kerugian yang diiktiraf dan pengebilan berperingkat,
- bagi semua kontrak yang sedang berjalan yang pengebilan berperingkat melebihi kos yang ditanggung campur keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian yang diiktiraf).

## **BDAS 9 – Rosot Nilai Aset**

### **Umum**

9.1 Pada setiap tarikh kunci kira-kira, entiti hendaklah mempertimbangkan sama ada terdapat sebarang tanda kemerosotan nilai dan, jika ada, anggarkan amaun boleh pulih bagi semua aset (termasuk item hartanah, loji dan peralatan, aset tak ketara dan pelaburan sekuriti) selain daripada inventori, kontrak pembinaan dan pelaburan semasa. Sekiranya amaun bawaan aset melebihi amaun boleh pulih, amaun bawaan hendaklah dinyatakan semula pada amaun boleh pulih dan kerugian kemerosotan nilai hendaklah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut.

9.2 Dalam menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa aset mungkin rosot nilai, entiti hendaklah mempertimbangkan, sekurang-kurangnya, petunjuk berikut:

#### Sumber maklumat luar

- (a) sepanjang tempoh tersebut, nilai pasaran aset telah menurun dengan ketara, lebih daripada yang dijangkakan akibat peredaran masa atau penggunaan biasa;
- (b) perubahan ketara dengan kesan buruk terhadap entiti berlaku sepanjang tempoh tersebut atau akan berlaku dalam waktu terdekat, dalam persekitaran teknologi, pasaran, ekonomi atau undang-undang di tempat entiti beroperasi atau dalam pasaran yang aset didedikasikan;

#### Sumber maklumat dalaman

- (c) adanya bukti keusangan atau kerosakan fizikal aset; dan
- (d) perubahan ketara yang memberikan kesan buruk terhadap entiti telah berlaku dalam tempoh tersebut atau dijangka berlaku dalam masa terdekat, setakat, atau dengan cara, aset digunakan atau dijangka akan digunakan. Perubahan ini termasuk rancangan untuk menghentikan atau menyusun semula operasi aset yang ia ditempatkan atau untuk melupuskan suatu aset sebelum tarikh yang dijangkakan sebelumnya; dan
- (e) adanya bukti daripada laporan dalaman yang menunjukkan bahawa prestasi ekonomi sebuah aset adalah, atau akan menjadi lebih buruk daripada yang dijangkakan.

9.3 Senarai dalam perenggan 9.2 adalah tidak lengkap. Entiti boleh mengenalpasti dari petunjuk lain bagi kemungkinan aset rosot nilai dan memerlukan entiti untuk menentukan amaun boleh pulih aset tersebut.

9.4 Adanya bukti daripada laporan dalaman yang menunjukkan bahawa aset mungkin terjejas termasuk wujudnya:

- (a) aliran tunai untuk memperoleh aset, atau keperluan tunai berikutnya bagi mengendalikan atau menyelenggarakan, yang ketara sekali lebih tinggi daripada bajet asalnya;
- (b) aliran tunai bersih sebenar atau keuntungan atau kerugian operasi yang mengalir daripada aset yang ketara lebih teruk daripada bajet;
- (c) penurunan ketara dalam aliran tunai bersih yang diperuntukkan atau keuntungan operasi, atau peningkatan ketara dalam kerugian bajet, yang mengalir daripada aset; atau
- (d) kerugian operasi atau aliran keluar tunai bersih aset, apabila angka semasa diagregatkan dengan angka bajet untuk masa depan.

9.5 Pada setiap tarikh kunci kira-kira, entiti hendaklah menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya bagi suatu aset mungkin tidak lagi wujud atau berkurang dan, jika sedemikian, amaun pulih aset perlu dianggarkan. Entiti hendaklah mempertimbangkan, setidak-tidaknya, petunjuk-petunjuk berikut:

#### Sumber maklumat luar

- (a) nilai pasaran aset telah meningkat dengan ketara semasa tempoh tersebut;
- (b) perubahan ketara dengan kesan yang menggalakkan terhadap entiti telah berlaku dalam tempoh tersebut, atau akan berlaku dalam masa terdekat, dalam persekitaran teknologi, pasaran, ekonomi atau undang-undang di tempat entiti beroperasi atau di pasaran yang aset didedikasikan;

### Sumber maklumat dalaman

- (c) perubahan ketara dengan kesan yang menggalakkan terhadap entiti telah berlaku dalam tempoh tersebut, atau dijangka berlaku dalam masa terdekat, setakat, atau dengan cara, aset digunakan atau dijangka akan digunakan. Perubahan ini termasuk kos yang dikenakan dalam tempoh tersebut untuk memperbaiki atau mempertingkatkan prestasi aset atau menyusun semula operasi aset; dan
- (d) adanya bukti daripada laporan dalaman yang menunjukkan bahawa prestasi ekonomi aset adalah, atau akan, lebih baik daripada yang dijangka.

Petunjuk penurunan berpotensi rosot nilai kerugian dalam perenggan ini sebahagian besarnya mencerminkan kerugian rosot nilai berpotensi dalam perenggan 9.2.

- 9.6 Sekiranya berlaku pindaan balik kerugian rosot nilai, peningkatan amaun bawaan bagi aset tidak boleh melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan (bersih daripada pelunasan atau susut nilai) tiada kerugian rosot nilai teriktiraf bagi aset tersebut pada tahun sebelumnya.
- 9.7 Penentuan harga jualan bersih aset dan aliran tunai bersih masa depan yang dijangka daripada penggunaan berterusan aset tersebut tidak semestinya diperlukan. Jika satu daripada amaun ini melebihi amaun bawaan aset, aset tersebut tidak terjejas, maka tidak perlu untuk menganggarkan jumlah lain.
- 9.8 Dalam sesetengah kes, anggaran, purata dan pengurangan pendek pengiraan mungkin memberikan anggaran yang munasabah bagi pengiraan terperinci untuk menentukan amaun boleh pulih. Diskaun adalah dibenarkan tetapi tidak diperlukan. Sekiranya diskaun digunakan, kadar diskaun hendaklah mengikut kadar pra cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset yang anggaran aliran tunai masa depan belum diselaraskan. Jika pendiskaunan digunakan, aliran tunai bersih masa depan aset yang dijangka daripada penggunaan berterusan aset tersebut mungkin lebih besar daripada amaun bawaan aset, kerana nilai kini aliran masuk tunai masa depan meningkat apabila nilai semakin rapat. Walaubagaimanapun, potensi perkhidmatan aset tidak meningkat. Oleh itu, kerugian rosot nilai tidak dipinda balik semata-mata kerana peredaran masa (kadang-kadang dipanggil 'merungkai' diskaun), walaupun amaun boleh pulih lebih tinggi daripada amaun bawaan.

## **BDAS 10 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka**

10.1 Peruntukan hendaklah diiktiraf apabila:

- (a) entiti mempunyai obligasi kini (undang-undang atau konstruktif) yang disebabkan oleh peristiwa lalu, tidak termasuk obligasi yang timbul daripada kontrak eksekutori, kecuali apabila kontrak tersebut membebankan;
- (b) kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi; dan
- (c) anggaran yang boleh dipercayai boleh dibuat daripada amaun obligasi.

Jika syarat-syarat ini tidak dipenuhi, tiada peruntukan perlu diiktiraf.

### **Kemungkinan Aliran Keluar Sumber Yang Merangkumi Manfaat Ekonomi**

10.2 Bagi liabiliti layak untuk pengiktirafan, perlu ada obligasi kini dan juga kebarangkalian aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Untuk tujuan BDAS ini, aliran keluar sumber atau peristiwa lain dianggap berkemungkinan, jika peristiwa tersebut lebih cenderung berlaku daripada tidak berlaku (iaitu kebarangkalian peristiwa tersebut akan berlaku lebih besar daripada kebarangkalian tidak akan berlaku). Sekiranya tiada kemungkinan obligasi kini wujud, sebuah entiti mendedahkan liabiliti luar jangka, kecuali jika kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi adalah sangat tipis (lihat perenggan 10.19)

### **Anggaran Obligasi Boleh Percaya**

10.3 Penggunaan anggaran adalah bahagian penting dalam penyediaan penyata kewangan dan tidak menjejaskan kebolehpercayaannya. Ini terutamanya bertepatan dalam hal peruntukan, yang lazimnya, jenisnya tidak tentu berbanding kebanyakan item lain dalam kunci kira-kira. Kecuali dalam kes yang amat jarang berlaku, suatu entiti akan dapat menentukan kemungkinan pelbagai hasil dan boleh membuat anggaran obligasi tersebut, yang mana boleh dipercayai secukupnya untuk digunakan bagi mengiktiraf suatu peruntukan. Pendiskaunan amaun untuk mencapai nilai kini perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi adalah dibenarkan, tetapi tidak diperlukan. Sekiranya diskaun digunakan, kadar diskaun hendaklah mengikut kadar pra cukai yang mencerminkan penilaian semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada liabiliti. Kadar diskaun tidak boleh mencerminkan risiko bagi anggaran aliran tunai masa depan yang telah diselaraskan.

### **Liabiliti Luar Jangka**

10.4 Entiti tidak boleh mengiktiraf liabiliti luar jangka.

10.5 Liabiliti luar jangka didedahkan, sebagaimana yang diperlukan dalam perenggan 10.19, melainkan kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi adalah sangat tipis.

### **Aset Luar Jangka**

10.6 Entiti tidak boleh mengiktiraf aset luar jangka.

10.7 Aset luar jangka tidak diiktiraf dalam penyata kewangan, kerana ianya berkemungkinan akan menyebabkan pengiktirafan pendapatan tidak dapat direalisasikan. Walaubagaimanapun, apabila realisasi pendapatan hampir pasti, maka aset berkaitan bukan aset luar jangka dan pengiktirafannya adalah wajar.

10.8 Aset luar jangka didedahkan sebagaimana yang diperlukan dalam perenggan 10.20, di mana aliran masuk manfaat ekonomi mungkin berlaku.

### **Pengukuran**

10.9 Amaun yang diiktiraf sebagai peruntukan hendaklah anggaran terbaik amaun yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh kunci kira-kira.

### **Risiko Dan Ketidakpastian**

10.10 Risiko menggambarkan kepelbagaian keputusan. Pelarasan risiko boleh meningkatkan amaun pengukuran suatu liabiliti. Berhati-hati membuat penilaian dalam keadaan tidak pasti, supaya pendapatan atau aset tidak terlebih nyata dan perbelanjaan atau liabiliti tidak terkurang nyata. Walaubagaimanapun, ketidakpastian tidak mewajarkan pewujudan peruntukan berlebihan atau penyataan berlebihan liabiliti yang disengajakan. Contohnya, jika anggaran kos bagi hasil yang

dijangka akan merugikan telah dianggarkan secara berhemat, maka hasil tersebut tidak boleh dikira dengan sengaja sebagai lebih berkemungkinan daripada yang realitinya. Perhatian juga perlu diambil untuk mengelakkan pelarasan berganda bagi risiko dan ketidakpastian dengan pernyataan peruntukan yang berlebihan.

- 10.11 Risiko dan ketidakpastian yang pastinya menyelubungi banyak peristiwa dan keadaan hendaklah diambilkira bagi mencapai anggaran peruntukan yang terbaik.
- 10.12 Jika sebahagian atau semua perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan suatu peruntukan yang dijangka akan dibayar balik oleh pihak lain, pembayaran balik tersebut hendaklah diiktiraf apabila, dan hanya apabila, entiti pasti bahawa pembayaran balik akan diterima jika entiti menyelesaikan obligasi tersebut. Pembayaran balik hendaklah dianggap sebagai aset yang berasingan. Amaun yang diiktiraf bagi pembayaran balik tersebut tidak boleh melebihi amaun peruntukan. Keuntungan daripada pelupusan aset tidak boleh diambilkira apabila mengukur peruntukan.
- 10.13 Dalam penyata pendapatan, perbelanjaan yang berkaitan dengan peruntukan boleh dilaporkan dengan jumlah bersih yang diiktiraf untuk pembayaran balik.
- 10.14 Peruntukan hendaklah dikaji semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran terbaik semasa. Jika tidak lagi terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, maka peruntukan hendaklah dipinda balik.
- 10.15 Peruntukan hendaklah digunakan hanya untuk perbelanjaan bagi peruntukan yang pada asalnya diiktiraf sahaja.
- 10.16 Peruntukan tidak boleh diiktiraf untuk kerugian operasi masa depan.
- 10.17 Bagi kontrak yang membebankan, peruntukan hendaklah diiktiraf dan diukur mengikut anggaran terbaik obligasi kini di bawah kontrak ini.

### **Pendedahan**

- 10.18 Bagi setiap kelas peruntukan, sebuah entiti hendaklah mendedahkan:
  - (a) amaun bawaan pada permulaan dan akhir tempoh; dan
  - (b) keterangan ringkas jenis obligasi dan jangka masa bagi sebarang aliran keluar manfaat ekonomi.Jika diskaun digunakan untuk mencapai anggaran terbaik peruntukan, fakta ini hendaklah juga didedahkan.
- 10.19 Kecuali kemungkinan sebarang aliran keluar dalam penyelesaian sangat tipis, sebuah entiti hendaklah mendedahkan setiap kelas liabiliti luar jangka pada tarikh kunci kira-kira, gambaran ringkas mengenai jenis liabiliti luar jangka tersebut dan, jika boleh dilaksanakan, anggaran kesan kewangannya, yang diukur di bawah perenggan 10.9 dan 10.10.
- 10.20 Jika aliran masuk manfaat ekonomi mungkin berlaku, sebuah entiti hendaklah mendedahkan gambaran ringkas mengenai jenis aset luar jangka pada tarikh kunci kira-kira dan, jika boleh dilaksanakan, anggaran kesan kewangannya, yang diukur dengan menggunakan prinsip yang ditetapkan untuk peruntukan dalam perenggan 10.9 dan 10.10.
- 10.21 Jika sebarang maklumat yang diperlukan oleh perenggan 10.19 dan 10.20 tidak didedahkan kerana tidak praktikal untuk berbuat demikian, fakta itu hendaklah dinyatakan.
- 10.22 Dalam kes yang amat jarang berlaku, pendedahan beberapa atau semua maklumat yang diperlukan oleh perenggan 10.18 hingga 10.20 dijangka boleh menjejaskan kedudukan entiti secara serius dalam pertikaian dengan pihak lain mengenai hal yang berhubungkait dengan peruntukan, liabiliti luar jangka atau aset luar jangka. Dalam kes sedemikian, sebuah entiti tidak perlu mendedahkan maklumat tersebut tetapi hendaklah mendedahkan jenis umum pertikaian tersebut, dan juga fakta, dan sebab maklumat tersebut tidak didedahkan.

## **BDAS 11 – Hasil**

### **Ukuran**

11.1 Hasil hendaklah diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum terima.

### **Jualan Barangan**

11.2 Hasil daripada penjualan barangan hendaklah diiktiraf apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- (a) entiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan barangan yang ketara kepada pembeli;
- (b) entiti tidak mengekalkan penglibatan pengurusan secara berterusan ke tahap biasanya bagi perkara yang berkaitan dengan pemilikan atau kawalan yang berkesan terhadap barangan yang dijual;
- (c) amaun pendapatan boleh diukur dengan pasti;
- (d) kemungkinan manfaat ekonomi yang berkaitan dengan transaksi akan mengalir kepada entiti; dan
- (e) kos yang ditanggung atau akan ditanggung berkenaan dengan transaksi boleh diukur dengan pasti.

### **Pemberian Perkhidmatan**

11.3 Apabila hasil transaksi yang melibatkan pemberian perkhidmatan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil yang berkaitan dengan transaksi hendaklah diiktiraf dengan merujuk pada tahap penyediaan transaksi pada tarikh kunci kira-kira. Hasil transaksi boleh dianggarkan dengan pasti jika semua syarat berikut dipenuhi:

- (a) amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- (b) kemungkinan manfaat ekonomi yang berkaitan dengan transaksi akan mengalir kepada entiti;
- (c) tahap penyediaan transaksi pada tarikh kunci kira-kira boleh diukur dengan pasti; dan
- (d) kos yang ditanggung untuk transaksi dan kos untuk menyelesaikan transaksi boleh diukur dengan pasti.

11.4 Apabila hasil transaksi yang melibatkan pemberian perkhidmatan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil hendaklah diiktiraf setakat perbelanjaan diiktiraf yang boleh pulih sahaja.

11.5 "Barangan" termasuk barangan yang dihasilkan oleh entiti untuk tujuan penjualan dan barangan yang dibeli untuk penjualan semula, seperti dagangan yang dibeli oleh peruncit atau tanah dan hartanah lain yang dipegang untuk penjualan semula.

11.6 Pemberian perkhidmatan biasanya melibatkan pelaksanaan oleh entiti secara kontrak bagi tempoh masa yang dipersetujui. Perkhidmatan boleh diberikan dalam satu masa atau lebih daripada satu tempoh. Sesetengah kontrak untuk pemberian perkhidmatan berkaitan langsung dengan kontrak pembinaan contohnya, bagi perkhidmatan pengurusan projek dan arkitek.

11.7 Hasil termasuk aliran masuk kasar manfaat ekonomi yang diterima dan belum terima oleh entiti dalam akaunnya sendiri. Amaun yang dikutip bagi pihak ketiga, seperti cukai jualan, cukai barangan dan perkhidmatan dan cukai nilai tambah, bukan manfaat ekonomi yang mengalir kepada entiti dan, oleh itu, tidak meningkatkan ekuiti. Oleh yang demikian, ini dikecualikan daripada hasil. Begitu juga, dalam hubungannya dengan pihak agensi, aliran masuk kasar manfaat ekonomi termasuk amaun yang dikutip bagi pihak prinsipal dan yang tidak meningkatkan ekuiti entiti. Amaun yang dikutip bagi pihak prinsipal bukanlah hasil. Sebaliknya, hasil adalah amaun komisen.

### **Faedah, Royalti Dan Dividen**

11.8 Hasil yang diperolehi daripada penggunaan aset entiti oleh entiti lain yang menghasilkan faedah, royalti dan dividen hendaklah diiktiraf berdasarkan yang dinyatakan dalam perenggan 11.9 apabila:

- (a) kemungkinan manfaat ekonomi yang berkaitan dengan transaksi akan mengalir kepada entiti; dan
- (b) amaun hasil boleh diukur dengan pasti.

11.9 Pendapatan hendaklah diiktiraf berdasarkan perkara berikut:

- (a) faedah hendaklah diiktiraf berdasarkan kadar waktu;
  - (b) royalti hendaklah diiktiraf berdasarkan asas akruan mengikut inti pati perjanjian yang berkaitan; dan
  - (c) dividen hendaklah diiktiraf apabila pemegang saham diberikan hak untuk menerima pembayaran.
- 11.10 Hasil diiktiraf hanya apabila terdapat keberangkalian bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan transaksi akan mengalir kepada entiti. Walaubagaimanapun, apabila ketidakpastian timbul tentang kebolehkutipan amaun yang telah diiktiraf sebagai hasil, amaun tak dikutip atau amaun yang tidak lagi berkemungkinan untuk dipulihkan, diiktiraf sebagai perbelanjaan dan bukannya sebagai pelarasan amaun hasil yang sudah diiktiraf.

### **Pendedahan**

11.11 Sebuah entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) dasar perakaunan yang diterima pakai untuk pengiktirafan hasil, termasuk kaedah yang diterima pakai untuk menentukan tahap penyediaan transaksi yang melibatkan pemberian perkhidmatan;
- (b) amaun setiap kategori hasil yang ketara yang diiktiraf semasa tempoh tersebut, termasuk hasil yang diperolehi daripada:
  - (i) penjualan barangan;
  - (ii) pemberian perkhidmatan;
  - (iii) faedah;
  - (iv) royalti; dan
  - (v) dividen; dan
- (c) amaun hasil yang diperolehi daripada pertukaran barangan atau perkhidmatan yang termasuk dalam setiap kategori hasil yang ketara.

## **BDAS 12 – Geran Kerajaan Dan Bantuan Kerajaan Lain**

### **Geran Kerajaan**

- 12.1 Geran Kerajaan tidak boleh diiktiraf sehingga ada jaminan yang munasabah bahawa:
  - (a) entiti akan mematuhi syarat-syarat yang berkaitan dengannya; dan
  - (b) geran akan diterima.
- 12.2 Geran Kerajaan hendaklah diiktiraf sebagai pendapatan bagi tempoh yang diperlukan untuk menyesuaikan dengan kos berkaitan yang dimaksudkan untuk pampasan, secara sistematik. Ia tidak boleh dikreditkan terus ke ekuiti.
- 12.3 Dalam kebanyakan kes, tempoh bagi entiti mengiktiraf kos atau perbelanjaan yang berkaitan dengan geran Kerajaan dapat dipastikan, dan dengan demikian menyebabkan pengiktirafan perbelanjaan tertentu adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam tempoh yang sama dengan perbelanjaan berkenaan. Begitu juga, geran yang berkaitan dengan aset boleh susut nilai biasanya diiktiraf sebagai pendapatan bagi tempoh tersebut dan dalam perkadaran menurut susut nilai yang dikenakan atas aset tersebut.
- 12.4 Geran Kerajaan yang belum terima sebagai pampasan bagi perbelanjaan atau kerugian yang telah ditanggung, atau untuk tujuan memberi bantuan kewangan segera kepada entiti, tanpa kos berkaitan masa depan, hendaklah diiktiraf sebagai pendapatan pada tempoh geran tersebut menjadi belum terima.
- 12.5 Geran Kerajaan yang berkaitan dengan aset hendaklah dilaporkan dalam kunci kira-kira sama ada dengan menetapkan geran sebagai pendapatan tertunda atau menolak geran untuk mendapatkan amaun bawaan bagi aset tersebut.
- 12.6 Geran yang berkaitan dengan pendapatan kadang-kadang dilaporkan sebagai kredit dalam penyata pendapatan, samaada secara berasingan atau di bawah tajuk umum seperti "Pendapatan lain"; atau ditolak dalam melaporkan perbelanjaan yang berkaitan.
- 12.7 Geran Kerajaan yang boleh dibayar balik hendaklah diambilkira sebagai perubahan pada anggaran perakaunan. Pembayaran balik geran yang berkaitan dengan pendapatan hendaklah digunapakai terlebih dahulu terhadap sebarang kredit tertunda belum lunas yang ditetapkan yang berkaitan dengan geran. Pembayaran balik hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan segera setakat pembayaran balik tersebut melebihi mana-mana kredit tertunda atau jika tiada kredit tertunda. Pembayaran balik geran yang berkaitan dengan aset hendaklah direkodkan dengan meningkatkan amaun bawaan aset atau mengurangkan baki pendapatan tertunda dengan amaun yang perlu dibayar balik. Susut nilai tambahan kumulatif yang akan diiktiraf setakat ini sebagai perbelanjaan jika tanpa geran hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

### **Bantuan Kerajaan**

- 12.8 Definisi geran Kerajaan tidak termasuk bantuan Kerajaan tertentu yang tidak boleh dinilai sewajarnya dan transaksi yang tidak dapat dibezakan daripada transaksi dagang biasa entiti.
- 12.9 Contoh bantuan yang tidak boleh dinilai sewajarnya adalah nasihat teknikal atau pemasaran percuma dan peruntukan jaminan. Contoh bantuan yang tidak dapat dibezakan daripada transaksi biasa entiti adalah dasar perolehan Kerajaan yang bertanggungjawab bagi sebahagian daripada penjualan entiti. Kewujudan manfaat ini mungkin tidak dapat dipertikaikan, tetapi sebarang usaha untuk memisahkan aktiviti perdagangan daripada bantuan Kerajaan boleh menjadi tidak wajar.
- 12.10 Ketaraan manfaat dalam contoh di atas boleh jadi pendedahan jenis, tahap dan tempoh bantuan diperlukan, agar penyata kewangan tidak mengelirukan.
- 12.11 Pinjaman tanpa atau pada kadar faedah yang rendah merupakan suatu bentuk bantuan Kerajaan, tetapi manfaatnya tidak dikira melalui imputasi faedah.
- 12.12 Bantuan Kerajaan kepada entiti memenuhi definisi geran Kerajaan walaupun tidak ada syarat khusus yang berkaitan dengan aktiviti operasi entiti selain daripada keperluan untuk beroperasi di wilayah atau sektor industri tertentu. Geran sedemikian tidak boleh dikreditkan kepada ekuiti.



## **Pendedahan**

12.13 Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) dasar perakaunan yang diterima pakai untuk geran Kerajaan, termasuk kaedah pembentangan yang diterima pakai di dalam penyata kewangan;
- (b) jenis dan takat geran Kerajaan diiktiraf dalam penyata kewangan dan petunjuk mengenai bentuk bantuan Kerajaan lain yang entiti boleh memanfaatkan secara langsung; dan
- (c) syarat dan kontingensi lain yang tidak dipenuhi yang terikat kepada bantuan Kerajaan yang telah diiktiraf.

## **BDAS 13 – Kos Peminjaman**

13.1 Kos peminjaman termasuk:

- (a) faedah overdraf bank dan peminjaman jangka pendek dan panjang;
- (b) pelunasan diskaun atau premium yang berkaitan dengan peminjaman;
- (c) pelunasan kos tambahan yang ditanggung berkaitan dengan aturan peminjaman;
- (d) caj kewangan berkenaan dengan pajakan kewangan; dan
- (e) perbezaan pertukaran akibat peminjaman mata wang asing setakat pertukaran ini dianggap sebagai pelarasan kos faedah.

### **Kos Peminjaman: Pengolahan Tanda Aras**

13.2 Kos peminjaman hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh kos ditanggung.

### **Kos Peminjaman: Pengolahan Alternatif Dibenarkan**

- 13.3 Kos peminjaman hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh kos ditanggung, kecuali setakat kos dipermodalkan mengikut perenggan 13.4.
- 13.4 Kos peminjaman yang berkaitan langsung dengan perolehan, pembinaan atau pengeluaran aset layak hendaklah dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset tersebut. Amaun kos peminjaman yang layak untuk permodalan hendaklah ditentukan mengikut BDAS ini.
- 13.5 Contoh aset layak adalah inventori yang memerlukan tempoh yang lama untuk menjadikannya kepada keadaan boleh dijual, loji perkilangan, fasiliti penjana kuasa dan hartanah yang dipegang untuk pelaburan yang berpotensi. Pelaburan lain dan inventori yang dihasilkan secara rutin atau dihasilkan dalam kuantiti yang besar secara berulang-ulang dalam jangka masa yang singkat, tidak dikira aset layak. Aset yang sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan atau untuk jualan apabila diperoleh juga tidak layak.

### **Kos Peminjaman Layak Untuk Permodalan**

- 13.6 Setakat mana dana yang dipinjam adalah khusus untuk tujuan bagi mendapatkan aset layak, amaun kos peminjaman yang layak untuk permodalan pada aset tersebut hendaklah ditentukan sebagai kos peminjaman sebenar yang ditanggung atas peminjaman dalam tempoh dan ditolak sebarang pendapatan pelaburan daripada pelaburan sementara peminjaman tersebut.
- 13.7 Setakat mana dana yang dipinjam adalah secara umum dan digunakan untuk tujuan mendapatkan aset layak, amaun kos peminjaman yang layak untuk permodalan hendaklah ditentukan dengan menggunakan kadar permodalan pada perbelanjaan terhadap aset tersebut. Seharusnya, kadar permodalan adalah purata wajar kos peminjaman yang dikenakan ke atas peminjaman entiti yang tertunggak dalam tempoh tersebut, selain daripada peminjaman yang khusus untuk tujuan mendapatkan aset layak. Amaun kos peminjaman yang dipermodalkan dalam suatu tempoh tidak boleh melebihi amaun kos peminjaman yang ditanggung dalam tempoh tersebut.
- 13.8 Permodalan kos peminjaman sebagai sebahagian daripada kos aset layak hendaklah bermula apabila:
- (a) perbelanjaan aset ditanggung;
  - (b) kos peminjaman ditanggung; dan
  - (c) aktiviti yang diperlukan untuk menyediakan aset bagi kegunaan yang dimaksudkan atau jualan sedang berjalan.
- 13.9 Permodalan kos peminjaman hendaklah digantung jika gangguan terhadap pengembangan/pemajuan aktif berlaku semasa tempoh lanjutan.
- 13.10 Permodalan kos peminjaman hendaklah dihentikan jika sebahagian besar aktiviti yang diperlukan untuk menyediakan aset layak untuk kegunaan yang dimaksudkan atau jualan telah selesai.
- 13.11 Apabila pembinaan aset layak telah siap sebahagiannya dan setiap bahagian boleh digunakan semasa pembinaan dijalankan di bahagian lain, permodalan kos peminjaman hendaklah dihentikan apabila sebahagian besar aktiviti yang diperlukan bagi penyediaan bahagian tersebut untuk kegunaan yang dimaksudkan atau jualan telah selesai.

## **Pendedahan**

13.12 Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) dasar perakaunan yang diterima pakai untuk kos peminjaman;
- (b) jumlah kos peminjaman yang ditanggung semasa tempoh tersebut;
- (c) amaun kos peminjaman yang dipermodalkan dalam tempoh tersebut; dan
- (d) kadar permodalan yang digunakan untuk menentukan amaun kos peminjaman yang layak untuk permodalan.

## **BDAS 14 – Cukai Pendapatan**

### **Cukai Semasa**

- 14.1 Cukai semasa untuk tempoh semasa dan tempoh sebelumnya hendaklah, selagi tidak dibayar, diiktiraf sebagai liabiliti. Jika amaun telah dibayar dari segi tempoh semasa dan sebelumnya melebihi amaun perlu bayar untuk tempoh tersebut, lebihan hendaklah diiktiraf sebagai aset.
- 14.2 Manfaat yang berkaitan dengan kerugian cukai yang boleh dibawa balik untuk mendapatkan semula cukai semasa tempoh sebelumnya hendaklah diiktiraf sebagai aset.
- 14.3 Liabiliti cukai semasa (aset) untuk tempoh semasa dan sebelumnya hendaklah diukur mengikut amaun dijangka akan dibayar kepada (didapatkan semula daripada) pihak berkuasa percukaian, menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh kunci kira-kira.
- 14.4 Liabiliti cukai tertunda (aset) (iaitu, amaun cukai pendapatan perlu bayar (boleh didapatkan semula) pada tempoh akan datang dari segi perbezaan sementara boleh cukai (perbezaan sementara yang boleh tolak dan kerugian cukai dan kredit cukai belum guna dibawa ke depan) tidak boleh diiktiraf.
- 14.5 Cukai semasa hendaklah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut, kecuali setakat cukai yang timbul daripada transaksi atau peristiwa yang diiktiraf selain daripada yang ada di dalam penyata pendapatan.
- 14.6 Cukai semasa hendaklah dicaj atau dikreditkan terus kepada ekuiti jika cukai tersebut berkaitan dengan item yang dikreditkan atau dicaj, dalam tempoh yang sama atau berbeza, secara langsung kepada ekuiti.

### **Pembentangan**

- 14.7 Aset cukai semasa dan liabiliti cukai semasa hendaklah ditunjukkan secara berasingan daripada aset dan liabiliti lain dalam kunci kira-kira.
- 14.8 Entiti hendaklah mengimbangi aset cukai semasa dan liabiliti cukai semasa jika, dan hanya jika, entiti:
  - (a) mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun yang diiktiraf; dan
  - (b) berhasrat sama ada untuk menyelesaikan secara bersih atau untuk merealisasikan aset tersebut dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### **Pendedahan**

- 14.9 Entiti hendaklah mendedahkan:
  - (a) dasar perakaunan yang diterima pakai untuk cukai pendapatan; dan
  - (b) komponen utama perbelanjaan cukai (pendapatan).
- 14.10 Komponen perbelanjaan cukai (pendapatan) mungkin termasuk:
  - (a) perbelanjaan cukai semasa (pendapatan);
  - (b) sebarang pelarasan yang diiktiraf dalam tempoh cukai semasa tempoh sebelumnya; dan
  - (c) amaun manfaat yang timbul daripada kerugian cukai atau kredit cukai tempoh sebelumnya yang tidak diiktiraf yang digunakan untuk mengurangkan perbelanjaan cukai semasa.

## **BDAS 15 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing**

### **Transaksi Mata Wang Asing**

- 15.1 Transaksi mata wang asing hendaklah direkodkan, berdasarkan pengiktirafan awal dalam mata wang pelapor, dengan menggunakan amaun mata wang asing pada kadar pertukaran antara mata wang pelapor dan mata wang asing pada tarikh transaksi.
- 15.2 Pada setiap tarikh kunci kira-kira:
- (a) item monetari mata wang asing hendaklah dilaporkan menggunakan kadar penutup; dan
  - (b) item bukan monetari (termasuk pelaburan dalam subsidiari, sekutu dan usaha sama) dalam mata wang asing hendaklah dilaporkan dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh transaksi atau peristiwa (contohnya, pengiktirafan dan pindaan balik kerugian rosot nilai).
- 15.3 Perbezaan pertukaran akibat daripada penyelesaian item monetari atau pelaporan item monetari entiti pada kadar yang berbeza daripada kadar yang direkodkan pada awalnya dalam tempoh tersebut, atau dilaporkan dalam penyata kewangan sebelumnya, hendaklah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh perbezaan tersebut timbul.

### **Penterjemahan Cawangan Asing**

- 15.4 Jika sebuah cawangan asing tidak membentuk bahagian penting dalam entiti dan beroperasi sebagai perniagaan berasingan dengan pembiayaan tempatan, adalah menjadi kebiasaan bagi cawangan asing melaporkan dalam mata wang yang berbeza daripada mata wang pelapor entiti. Jika ini berlaku, hasil dan kedudukan kewangan cawangan asing hendaklah diterjemahkan ke dalam mata wang pelapor entiti dengan menggunakan prosedur yang berikut:
- (a) aset dan liabiliti bagi setiap kunci kira-kira yang dilaporkan (iaitu termasuk perbandingan) hendaklah diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh kunci kira-kira tersebut;
  - (b) pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan (iaitu termasuk perbandingan) hendaklah diterjemahkan pada kadar purata bagi tempoh tersebut atau kadar penutup pada tarikh kunci kira-kira; dan
  - (c) semua perbezaan pertukaran yang terhasil hendaklah diiktiraf sebagai komponen ekuiti yang berasingan.
- 15.5 Ketika pelupusan cawangan asing, amaun kumulatif perbezaan pertukaran ditunda dalam komponen ekuiti berasingan yang berkaitan dengan cawangan asing tersebut hendaklah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila laba atau kerugian daripada pelupusan diiktiraf.

### **Kontrak Hadapan**

- 15.6 Jika kontrak hadapan bukan spekulatif digunakan sebagai lindung nilai bagi aset atau liabiliti monetari bersih, laba atau kerugian kontrak hendaklah dinyatakan di dalam penyata pendapatan dan diskaun atau premium mungkin dilunaskan pada tempoh kontrak atau dibawa ke dalam penyata pendapatan.
- 15.7 Jika kontrak hadapan bukan spekulatif digunakan sebagai lindung nilai bagi komitmen yang utuh, tiada laba atau kerugian perlu diiktiraf dalam tempoh komitmen. Pada akhir tempoh tersebut, sebarang laba atau kerugian akan ditambah pada, atau ditolak daripada, amaun transaksi yang berkaitan. Diskaun atau premium hendaklah dilunaskan dalam tempoh kontrak atau ditunda dengan laba atau kerugian.
- 15.8 Jika kontrak hadapan adalah spekulatif, laba atau kerugian hendaklah dikreditkan atau dicaj ke dalam penyata pendapatan.

### **Pendedahan**

- 15.9 Entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) dasar perakaunan yang diterima pakai untuk transaksi mata wang asing, termasuk asas yang digunakan dalam terjemahan transaksi mata wang asing, baki dalam mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira dan asas yang digunakan dalam terjemahan penyata kewangan cawangan asing dan pengolahan yang selaras dengan perbezaan pertukaran;
  - (b) amaun perbezaan pertukaran yang termasuk dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut; dan

- (c) perbezaan pertukaran bersih yang diiktiraf sebagai komponen ekuiti yang berasingan, dan penyesuaian amaun perbezaan pertukaran sedemikian pada permulaan dan pengakhiran tempoh.

## **BDAS 16 – Pendedahan Pihak Yang Berkaitan**

- 16.1 BDAS ini hanya membincangkan pengenalan dan pendedahan hubungan dan transaksi pihak yang berkaitan. Dalam mempertimbangkan setiap kemungkinan hubungan pihak yang berkaitan, perhatian diarahkan pada inti pati hubungan dan bukan sekadar bentuknya dari segi undang-undang.
- 16.2 Perkara yang berikut tidak dianggap sebagai pihak yang berkaitan:
- (a) dua entiti hanya kerana mereka mempunyai pengarah atau ahli atau kakitangan pengurusan utama yang sama. Walaubagaimanapun, adalah perlu untuk mempertimbangkan kemungkinan, dan menilai kemungkinan bahawa pengarah tersebut boleh mempengaruhi dasar kedua-dua entiti dalam urusan bersama mereka.
  - (b) dua pengusaha niaga hanya kerana mereka berkongsi kawalan terhadap usaha sama;
  - (c) (i) penyedia kewangan;  
(ii) kesatuan sekerja;  
(iii) utiliti awam; dan  
(iv) jabatan dan agensi Kerajaan, dalam urusan biasa mereka dengan entiti berdasarkan urusan tersebut sahaja (walaupun mereka mungkin membataskan kebebasan tindakan entiti atau mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan); dan
  - (d) pelanggan, pembekal, francais, pengedar atau ejen am dengan entiti menjalankan transaksi dalam skala besar semata-mata kerana pergantungan ekonomi.

### **Pendedahan**

- 16.3 Entiti hendaklah mendedahkan nama induk entiti dan jika berlainan, syarikat pengawalan utama tanpa mengira sama ada terdapat transaksi antara pihak yang berkaitan.
- 16.4 Entiti hendaklah mendedahkan jumlah pampasan bagi kakitangan pengurusan utama. Pampasan adalah termasuk semua faedah pekerja termasuk dalam bentuk pembayaran berdasarkan saham. Faedah pekerja termasuk semua jenis pertimbangan yang dibayar, perlu bayar atau yang disediakan oleh entiti, atau bagi pihak entiti (contohnya oleh induk atau pemegang sahamnya), sebagai pertukaran kepada perkhidmatan yang diberikan kepada entiti. Ini juga termasuk pertimbangan yang dibayar bagi pihak induk entiti berkenaan yang berkaitan dengan barangan atau perkhidmatan yang disediakan kepada entiti berkenaan.
- 16.5 Jika ada transaksi antara pihak yang berkaitan, entiti hendaklah mendedahkan jenis perhubungan pihak yang berkaitan serta maklumat mengenai transaksi dan baki tertunggak yang diperlukan untuk memahami kesan perhubungan berpotensi pada penyata kewangan. Keperluan pendedahan ini adalah tambahan pada keperluan dalam perenggan 16.4 untuk mendedahkan pampasan kakitangan pengurusan utama. Sekurang-kurangnya, pendedahan hendaklah termasuk:
- (a) amaun transaksi;
  - (b) amaun baki tertunggak dan:
    - (i) terma dan syaratnya, termasuk cagaran dan jenis pertimbangan yang akan diberikan dalam penyelesaian; dan
    - (ii) butiran mengenai apa-apa jaminan yang diberikan atau diterima;
  - (c) peruntukan bagi hutang ragu yang berkaitan dengan amaun baki tertunggak; dan
  - (d) perbelanjaan yang diiktiraf dalam tempoh tersebut dari segi hutang lapuk atau ragu yang perlu dibayar oleh pihak yang berkaitan.
- 16.6 Pendedahan yang diperlukan dalam perenggan 16.5 hendaklah dibuat secara berasingan bagi setiap kategori berikut:
- (a) induk;
  - (b) entiti yang mempunyai kawalan bersama atau pengaruh yang ketara terhadap entiti;
  - (c) bersekutu dan syarikat subsidiari;
  - (d) usaha sama yang mana entitinya adalah pengusaha niaga;

- (e) kakitangan pengurusan utama entiti atau induk; dan
- (f) pihak yang berkaitan.

16.7 Berikut adalah contoh pendedahan jika ada transaksi antara pihak yang berkaitan:

- (a) pembelian atau jualan barangan (barang siap atau belum siap);
- (b) pembelian atau jualan hartanah dan aset lain;
- (c) pemberian atau penerimaan perkhidmatan;
- (d) pajakan;
- (e) pindahan penyelidikan dan pengembangan;
- (f) pindahan di bawah perjanjian lesen;
- (g) pindahan di bawah pengatur kewangan (termasuk pinjaman dan sumbangan ekuiti secara tunai atau yang sebanding dengannya);
- (h) peruntukan jaminan atau cagaran; dan
- (i) penyelesaian liabiliti bagi pihak entiti atau oleh entiti bagi pihak lain.

16.8 Item dengan jenis yang serupa boleh didedahkan secara agregat kecuali apabila pendedahan berasingan diperlukan bagi memahami kesan transaksi pihak yang berkaitan terhadap penyata kewangan entiti.



## **BDAS 17 – Peristiwa Selepas Tarikh Kunci Kira-Kira**

### **Pengiktirafan Dan Pengukuran**

- 17.1 Sebuah entiti hendaklah menyelaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya bagi menggambarkan peristiwa perlu penyelarasan selepas tarikh kunci kira-kira (pengakhiran tarikh pelaporan).
- 17.2 Berikut adalah contoh peristiwa perlu penyelarasan selepas tarikh kunci kira-kira yang memerlukan entiti menyelaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya, atau untuk mengiktiraf item yang tidak diiktiraf sebelumnya:
- (a) penyelesaian kes mahkamah selepas tarikh kunci kira-kira yang mengesahkan bahawa entiti mempunyai obligasi kini pada tarikh kunci kira-kira. Entiti perlu menyelaraskan mana-mana peruntukan yang diiktiraf sebelumnya atau mengiktiraf peruntukan baharu dan bukan sekadar mendedahkan liabiliti luar jangka;
  - (b) penerimaan maklumat selepas tarikh kunci kira-kira yang menunjukkan bahawa aset telah rosot nilai pada tarikh kunci kira-kira atau amaun kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya bagi aset tersebut perlu diselaraskan. Contohnya:
    - (i) kebangkrapan pelanggan berlaku selepas tarikh kunci kira-kira biasanya mengesahkan bahawa kerugian yang wujud pada tarikh kunci kira-kira dalam akaun belum terima perdagangan dan entiti perlu menyelaraskan amaun bawaan dalam akaun belum terima perdagangan; dan
    - (ii) jualan inventori selepas tarikh kunci kira-kira mungkin memberikan bukti mengenai nilai boleh realis bersihnya pada tarikh kunci kira-kira;
  - (c) penentuan selepas tarikh kunci kira-kira bagi kos aset yang dibeli atau hasil daripada aset yang dijual, sebelum tarikh kunci kira-kira;
  - (d) penentuan amaun perkongsian keuntungan atau bayaran bonus selepas tarikh kunci kira-kira, jika entiti mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif kini pada tarikh kunci kira-kira untuk membuat pembayaran sedemikian akibat peristiwa sebelum tarikh tersebut; dan
  - (e) penemuan penipuan atau kesilapan yang menunjukkan bahawa penyata kewangan tidak betul.

### **Peristiwa Tak Perlu Penyelarasan**

- 17.3 Peristiwa yang tak perlu penyelarasan adalah peristiwa yang menunjukkan keadaan yang timbul selepas tarikh kunci kira-kira. Entiti tidak boleh menyelaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya untuk menggambarkan peristiwa yang tak perlu penyelarasan selepas tarikh kunci kira-kira.
- 17.4 Contoh peristiwa yang tak perlu penyelarasan selepas tarikh kunci kira-kira adalah penurunan dalam nilai saksama pelaburan antara tarikh kunci kira-kira dengan tarikh apabila penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan, bukan tarikh apabila pemegang saham meluluskan penyata kewangan seperti tarikh lembaga atau pihak pengurusan membenarkannya dikeluarkan kepada lembaga penyeliaan. Kejatuhan dalam nilai pasaran biasanya tidak berkaitan dengan keadaan pelaburan pada tarikh kunci kira-kira, tetapi menggambarkan keadaan yang timbul dalam tempoh berikutnya. Oleh itu, sebuah entiti tidak menyelaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya untuk pelaburan. Begitu juga, entiti tidak mengemaskinikan amaun yang didedahkan untuk pelaburan pada tarikh kunci kira-kira, walaupun ini mungkin perlu untuk memberi pendedahan tambahan di bawah perenggan 17.8.
- 17.5 Jika dividen kepada pemegang instrumen ekuiti (contohnya, saham biasa, saham keutamaan, waran atau opsyen untuk membeli saham biasa) diisytiharkan selepas tarikh kunci kira-kira, walaupun sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan, sebuah entiti tidak boleh mengiktiraf dividen tersebut sebagai liabiliti pada tarikh kunci kira-kira. Dividen sedemikian didedahkan dalam nota menurut pembentangan penyata kewangan BDAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan.
- 17.6 Entiti tidak boleh menyediakan penyata kewangannya berdasarkan usaha berterusan jika pihak pengurusan menentukan, selepas tarikh kunci kira-kira, sama ada ia bercadang untuk membubarkan entiti atau menghentikan perdagangan, atau ia tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat sedemikian.

## **Pendedahan**

- 17.7 Jika entiti menerima maklumat selepas tarikh kunci kira-kira mengenai keadaan yang wujud pada tarikh kunci kira-kira, entiti hendaklah, berdasarkan maklumat baharu tersebut, mengemaskini pendedahan yang berkaitan dengan keadaan tersebut. Walaupun maklumat sedemikian tidak menggambarkan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya.
- 17.8 Bagi peristiwa yang tidak perlu penyelarasan selepas tarikh kunci kira-kira yang sangat penting, yang mana tanpa pendedahan tersebut boleh mempengaruhi keputusan dan penilaian ekonomi pengguna, entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang berikut untuk setiap kategori yang signifikan bagi peristiwa yang tak perlu penyelarasan selepas tarikh kunci kira-kira:
- (a) jenis peristiwa; dan
  - (b) anggaran kesan kewangannya atau penyata bahawa anggaran sedemikian tidak boleh dibuat.
- 17.9 Berikut adalah contoh peristiwa yang tak perlu penyelarasan selepas tarikh kunci kira-kira yang mungkin penting dan biasanya akan menyebabkan pendedahan:
- (a) pemberitahuan rancangan untuk menghentikan operasi;
  - (b) pembelian dan pelupusan utama aset atau pengambilalihan aset utama oleh Kerajaan; dan
  - (c) pemusnahan loji pengeluaran utama akibat kebakaran selepas tarikh kunci kira-kira.
- 17.10 Entiti hendaklah mendedahkan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan dan pihak yang memberikan kebenaran. Jika pemilik entiti atau pihak lain mempunyai kuasa untuk meminda penyata kewangan selepas pengeluarannya, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.

## **BDAS 18 – Penyata Aliran Tunai**

### **Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

- 18.1 Kesetaraan tunai dipegang bagi tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukan untuk pelaburan atau tujuan lain. Pelaburan yang layak dijadikan sebagai kesetaraan tunai mestilah mudah ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang kecil. Oleh itu, pelaburan biasanya layak sebagai kesetaraan tunai apabila ia mempunyai tempoh matang yang pendek, contohnya, tiga bulan atau kurang dari tarikh perolehan. Pelaburan ekuiti adalah dikecualikan daripada kesetaraan tunai melainkan jika, dari segi inti patinya, kesetaraan tunai, contohnya dalam kes saham keutamaan yang diperoleh dalam tempoh yang singkat setelah kematangannya dan dengan tarikh penebusan tertentu.
- (a) Pinjaman bank pada umumnya dianggap sebagai aktiviti pembiayaan. Walaubagaimanapun, overdraf bank yang boleh dibayar balik atas permintaan adalah bahagian penting dalam pengurusan tunai entiti. Dalam keadaan ini, overdraf bank dimasukkan sebagai komponen tunai dan kesetaraan tunai. Ciri aturan perbankan yang sedemikian adalah baki bank sering berubah-ubah daripada positif menjadi terlebih ambil.
- (b) Satu lagi pinjaman bank yang biasa ialah kredit pusingan. Kebanyakan entiti melihat kredit sedemikian sinonim dengan overdraf bank kerana jenis putaran aliran masuk dan aliran keluar tunai bagi kemudahan kredit tersebut. Walaubagaimanapun, kemudahan kredit pusingan disediakan oleh bank untuk kegunaan terhad atau khusus, dan biasanya terdapat klausa penalti bagi pembayaran balik awal dan kemudahan yang tidak digunakan. Oleh itu, kebanyakan kredit pusingan adalah tertakluk kepada keperluan pembaharuan tahunan atau jangka pendek. Ciri ini menjadikan kredit pusingan sebanding dengan pinjaman bertempoh atau pinjaman bank lain, yang terhasil daripada keputusan pembiayaan entiti. Maka, kredit pusingan tidak boleh dimasukkan sebagai komponen tunai dan kesetaraan tunai, tetapi hendaklah diklasifikasikan sebagai aktiviti pembiayaan.
- 18.2 Aliran tunai tidak termasuk pergerakan antara item yang merupakan tunai atau kesetaraan tunai kerana komponen ini adalah sebahagian daripada pengurusan tunai entiti dan bukannya sebahagian daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaannya. Pengurusan tunai termasuk pelaburan lebihan tunai dalam kesetaraan tunai.

### **Pembentangan Penyata Aliran Tunai**

- 18.3 Penyata aliran tunai hendaklah melaporkan aliran tunai dalam tempoh yang diklasifikasikan oleh aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan.
- 18.4 Entiti membentangkan aliran tunainya daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan dengan cara yang paling sesuai dengan perniagaannya. Klasifikasi mengikut aktiviti memberikan maklumat yang membolehkan pengguna menilai kesan aktiviti tersebut terhadap kedudukan kewangan entiti dan amaun tunai dan kesetaraan tunainya. Maklumat ini juga boleh digunakan untuk menilai hubungan antara aktiviti tersebut.
- 18.5 Transaksi tunggal mungkin termasuk aliran tunai yang diklasifikasikan secara berlainan. Contohnya, apabila pembayaran balik pinjaman termasuk faedah dan modal, unsur faedah boleh diklasifikasikan sebagai aktiviti operasi dan unsur modal diklasifikasikan sebagai aktiviti pembiayaan.

### **Aktiviti Operasi**

- 18.6 Amaun aliran tunai hasil daripada aktiviti operasi merupakan penunjuk utama setakat operasi entiti telah menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik pinjaman, mengekalkan keupayaan operasi entiti, membayar dividen dan membuat pelaburan baharu tanpa bantuan daripada sumber pembiayaan luar. Maklumat tentang komponen tertentu aliran tunai operasi sejarah adalah berguna, jika digabungkan dengan maklumat lain, untuk meramalkan aliran tunai operasi masa depan.
- 18.7 Aliran tunai daripada aktiviti operasi terutamanya diperolehi daripada aktiviti mendatangkan hasil utama entiti. Oleh itu, secara am, ianya adalah hasil daripada transaksi dan peristiwa lain yang menjadi penentuan keuntungan atau kerugian bersih. Contoh aliran tunai daripada aktiviti operasi adalah:
- (a) penerimaan tunai daripada penjualan barangan dan pemberian perkhidmatan;

- (b) penerimaan tunai daripada royalti, yuran, komisen dan hasil lain;
  - (c) pembayaran tunai kepada pembekal barangan dan perkhidmatan;
  - (d) pembayaran tunai kepada dan bagi pihak pekerja;
  - (e) penerimaan tunai dan pembayaran tunai entiti insurans bagi premium dan tuntutan, anuiti dan manfaat polisi lain;
  - (f) pembayaran tunai atau bayaran balik cukai pendapatan kecuali jika ianya dapat dikenalpasti secara khusus sebagai aktiviti pembiayaan dan pelaburan; dan
  - (g) penerimaan dan pembayaran tunai daripada kontrak yang bertujuan untuk urusanniaga atau perdagangan.
- 18.8 Sesetengah transaksi, seperti penjualan suatu item loji, boleh meningkatkan laba atau kerugian yang termasuk dalam penentuan keuntungan atau kerugian bersih. Aliran tunai yang berkaitan dengan transaksi tersebut adalah aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Walaubagaimanapun, bagi transaksi yang melibatkan penerimaan tunai daripada aset yang dipegang untuk disewakan dan kemudian dijual adalah aliran tunai daripada aktiviti operasi.
- 18.9 Entiti boleh memegang sekuriti dan pinjaman untuk tujuan transaksi atau perdagangan, dalam kes yang sama seperti inventori yang diperolehi secara khusus untuk jualan semula. Oleh itu, aliran tunai yang terhasil daripada pembelian atau jualan sekuriti transaksi dan perdagangan, diklasifikasikan sebagai aktiviti operasi. Begitu juga, pendahuluan tunai dan pinjaman yang dibuat oleh institusi kewangan biasanya diklasifikasikan sebagai aktiviti operasi, kerana aktiviti ini berkaitan dengan aktiviti yang mendatangkan hasil utama entiti.

### **Aktiviti Pelaburan**

- 18.10 Pendedahan berasingan aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pelaburan adalah penting kerana aliran tunai ini menunjukkan takat perbelanjaan telah dibuat bagi sumber yang dimaksudkan untuk menjana pendapatan dan aliran tunai masa depan. Perbelanjaan ini adalah hasil daripada aset yang diiktiraf di dalam kunci kira-kira.

Contoh aliran tunai hasil daripada aktiviti pelaburan adalah:

- (a) pembayaran tunai untuk memperoleh hartanah, loji dan peralatan, aset tak ketara dan aset jangka panjang lain. Pembayaran ini termasuk pembayaran yang berkaitan dengan kos pengembangan yang dipermodalkan dan hartanah, loji dan peralatan binaan sendiri;
  - (b) penerimaan tunai daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan, aset tak ketara dan aset jangka panjang lain;
  - (c) pembayaran tunai untuk memperoleh ekuiti atau instrumen hutang entiti lain dan kepentingan dalam usaha sama (selain daripada pembayaran bagi instrumen yang dianggap sebagai kesetaraan tunai atau yang dipegang untuk tujuan urusanniaga atau perdagangan);
  - (d) penerimaan tunai daripada penjualan ekuiti atau instrumen hutang entiti lain dan kepentingan dalam usahasama (selain daripada penerimaan dari instrumen yang dianggap sebagai kesetaraan tunai dan yang dipegang untuk tujuan urusanniaga atau perdagangan);
  - (e) pendahuluan tunai dan pinjaman yang dibuat kepada pihak lain (selain daripada pendahuluan dan pinjaman yang dibuat oleh institusi kewangan);
  - (f) penerimaan tunai daripada pembayaran balik pendahuluan dan pinjaman kepada pihak lain (selain daripada pendahuluan dan pinjaman institusi kewangan);
  - (g) pembayaran tunai bagi kontrak masa depan, kontrak hadapan, kontrak opsi dan kontrak swap kecuali apabila kontrak bertujuan untuk urusanniaga atau perdagangan atau pembayaran yang diklasifikasikan sebagai aktiviti pembiayaan; dan
  - (h) penerimaan tunai dari kontrak masa depan, kontrak hadapan, kontrak opsi dan kontrak swap kecuali apabila kontrak bertujuan untuk urusanniaga atau perdagangan atau penerimaan yang diklasifikasikan sebagai aktiviti pembiayaan.
- 18.11 Apabila kontrak diambil kira sebagai lindung nilai kedudukan yang dikenalpasti, aliran tunai bagi kontrak tersebut diklasifikasikan dengan cara yang sama seperti aliran tunai kedudukan yang dilindungi.

## Aktiviti Pembiayaan

- 18.12 Pendedahan berasingan aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pembiayaan adalah penting kerana ini berguna untuk meramalkan tuntutan dalam aliran tunai masa depan oleh penyedia modal entiti. Contoh aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pembiayaan adalah:
- (a) penerimaan tunai daripada pengeluaran saham atau instrumen ekuiti lain;
  - (b) pembayaran tunai kepada pemilik untuk membeli semula atau menebus saham entiti;
  - (c) penerimaan tunai daripada pengeluaran debentur, pinjaman, nota, bon, gadai janji dan pinjaman jangka pendek atau jangka panjang lain;
  - (d) pembayaran balik tunai bagi amaun yang dipinjam; dan
  - (e) pembayaran tunai oleh penerima pajak untuk mengurangkan liabiliti perlu bayar yang berkaitan dengan pajakan kewangan.
- 18.13 Entiti hendaklah melaporkan aliran tunai daripada aktiviti operasi dengan menggunakan samaada:
- (a) kaedah langsung, di mana kelas utama penerimaan tunai kasar dan pembayaran tunai kasar didedahkan; atau
  - (b) kaedah tidak langsung, di mana keuntungan atau kerugian bersih diselaraskan untuk kesan transaksi bukan tunai, mana-mana penundaan atau pengakruan penerimaan atau pembayaran tunai operasi masa lalu atau masa depan dan item pendapatan atau perbelanjaan yang berkaitan dengan aliran tunai pelaburan atau pembiayaan.
- 18.14 Entiti digalakkan untuk melaporkan aliran tunai daripada aktiviti operasi dengan menggunakan kaedah langsung. Kaedah ini memberikan maklumat yang berguna dalam menganggarkan aliran tunai masa depan dan tidak dapat diperolehi menerusi kaedah tidak langsung. Melalui kaedah langsung, maklumat mengenai kelas penerimaan dan pembayaran tunai kasar utama boleh didapati sama ada:
- (a) daripada rekod perakaunan entiti; atau
  - (b) dengan menyelaraskan jualan, kos jualan (faedah dan pendapatan dan perbelanjaan faedah yang sama dan caj yang serupa untuk institusi kewangan) dan item lain dalam penyata pendapatan untuk:
    - (i) perubahan dalam inventori dan operasi belum terima dan perlu bayar dalam tempoh tersebut;
    - (ii) item bukan tunai lain; dan
    - (iii) item lain yang dengannya kesan tunai merupakan aliran tunai pelaburan atau pembiayaan.
- 18.15 Kaedah Langsung:
- Entiti digalakkan untuk memberikan penyesuaian aliran tunai daripada operasi dengan keuntungan atau kerugian bersih dalam tempoh tersebut.
- 18.16 Kaedah Tidak Langsung:
- Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi ditentukan dengan menyelaraskan keuntungan atau kerugian bersih bagi kesan terhadap:
- (a) perubahan dalam inventori dan operasi belum terima dan perlu bayar dalam tempoh tersebut;
  - (b) item bukan tunai seperti susut nilai, peruntukan, cukai tertunda, keuntungan dan kerugian mata wang asing belum direalisasikan, keuntungan sekutu yang tidak diagihkan dan kepentingan minoriti; dan
  - (c) semua item lain yang kesan tunainya merupakan aliran tunai pelaburan atau pembiayaan.
- 18.17 Alternatif:
- Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi boleh dilaporkan di bawah kaedah tidak langsung dengan menunjukkan hasil dan perbelanjaan yang didedahkan dalam penyata pendapatan dan perubahan inventori dan operasi belum terima dan perlu bayar dalam tempoh tersebut.

## **Melaporkan Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan Dan Pembiayaan**

18.18 Entiti hendaklah melaporkan secara berasingan kelas penerimaan tunai kasar dan pembayaran tunai kasar utama hasil daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan, kecuali setakat aliran tunai yang diterangkan dalam perenggan 18.19 dan 18.20 dilaporkan berdasarkan nilai bersih.

## **Melaporkan Aliran Tunai Berdasarkan Nilai Bersih**

18.19 Aliran tunai hasil daripada aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan yang berikut boleh dilaporkan berdasarkan nilai bersih:

- (a) penerimaan dan pembayaran tunai bagi pihak pelanggan apabila aliran tunai menggambarkan aktiviti pelanggan dan bukannya entiti. Contohnya:
  - (i) penerimaan dan pembayaran balik deposit permintaan bank;
  - (ii) dana yang dipegang untuk pelanggan oleh entiti pelaburan; dan
  - (iii) sewa yang dikutip bagi pihak dan dibayar kepada pemilik hartanah; dan
- (b) penerimaan dan pembayaran tunai item yang mempunyai pusing ganti yang cepat, amaun yang besar dan kematangannya pendek. Contohnya:
  - (i) amaun prinsipal yang berkaitan dengan pelanggan kad kredit;
  - (ii) pembelian dan penjualan pelaburan dan pinjaman jangka pendek lain, contohnya, pinjaman yang tempoh kematangannya tiga bulan atau kurang.

18.20 Aliran tunai hasil daripada aktiviti institusi kewangan yang berikut boleh dilaporkan berdasarkan nilai bersih:

- (a) penerimaan dan pembayaran tunai untuk penerimaan dan pembayaran balik deposit dengan tarikh matang yang tetap;
- (b) penempatan deposit dan pengeluaran deposit daripada institusi kewangan lain; dan
- (c) pendahuluan tunai dan pinjaman yang dibuat kepada pelanggan dan pembayaran balik pendahuluan dan pinjaman.

## **Aliran Tunai Mata Wang Asing**

18.21 Aliran tunai hasil daripada transaksi dalam mata wang asing hendaklah direkodkan dalam mata wang pelapor (fungsi) entiti dengan menggunakan amaun mata wang asing tersebut mengikut kadar pertukaran antara mata wang pelapor dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai.

18.22 Aliran tunai syarikat subsidiari asing hendaklah diterjemahkan mengikut kadar pertukaran antara mata wang pelapor dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai.

18.23 Aliran tunai dalam mata wang asing yang dilaporkan selaras dengan BDAS 15 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing. Kaedah ini membolehkan penggunaan kadar pertukaran yang hampir dengan kadar sebenar dan tidak menggunakan kadar pertukaran pada pengakhiran tempoh pelaporan.

18.24 Keuntungan dan kerugian belum direalisasikan daripada perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing bukan aliran tunai. Walaubagaimanapun, kesan perubahan kadar pertukaran pada tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang atau perlu bayar dalam mata wang asing dilaporkan dalam penyata aliran tunai untuk menyelaraskan tunai dan kesetaraan tunai pada permulaan dan pengakhiran tempoh. Amaun ini dilaporkan secara berasingan daripada aliran tunai hasil aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan dan termasuk perbezaan, jika ada, sekiranya aliran tunai tersebut dilaporkan pada pengakhiran tempoh kadar pertukaran.

## **Item Luar Biasa**

18.25 Aliran tunai yang berkaitan dengan item luar biasa hasil daripada aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan hendaklah diklasifikasikan sewajarnya dan didedahkan secara berasingan bagi membolehkan pengguna untuk memahami jenis dan kesannya terhadap aliran tunai entiti kini dan masa depan.

## **Faedah dan Dividen**

- 18.26 Aliran tunai daripada faedah dan dividen yang diterima dan dibayar hendaklah didedahkan secara berasingan. Ini hendaklah diklasifikasikan secara konsisten dari satu tempoh ke satu tempoh yang lain sama ada sebagai aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan.
- 18.27 Jumlah amaun faedah yang dibayar semasa suatu tempoh yang didedahkan dalam penyata aliran tunai, sama ada telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan atau dipermodalkan mengikut pengolahan alternatif yang dibenarkan di bawah prinsip perakaunan yang diterima umum mengenai Kos Peminjaman.
- 18.28 Faedah yang dibayar dan faedah dan dividen yang diterima biasanya diklasifikasikan sebagai aliran tunai operasi bagi institusi kewangan. Walaubagaimanapun, tiada kesepakatan tentang pengklasifikasian aliran tunai ini bagi entiti lain. Faedah yang dibayar dan faedah dan dividen yang diterima boleh diklasifikasikan sebagai aliran tunai operasi, kerana ini diambilkira dalam penentuan keuntungan atau kerugian bersih. Selain itu, faedah yang dibayar dan faedah dan dividen yang diterima masing-masing boleh diklasifikasikan sebagai aliran tunai pembiayaan dan aliran tunai pelaburan, kerana ini merupakan kos bagi mendapatkan sumber kewangan atau pulangan pelaburan.
- 18.29 Dividen yang dibayar boleh diklasifikasikan sebagai aliran tunai pembiayaan kerana ini merupakan kos untuk mendapatkan sumber kewangan. Selain itu, dividen yang dibayar boleh diklasifikasikan sebagai komponen aliran tunai daripada aktiviti operasi dalam usaha untuk membantu pengguna menentukan keupayaan entiti untuk membayar dividen daripada aliran tunai operasi.

## **Cukai Ke Atas Pendapatan**

- 18.30 Aliran tunai hasil daripada cukai ke atas pendapatan hendaklah didedahkan secara berasingan dan hendaklah diklasifikasikan sebagai aliran tunai daripada aktiviti operasi kecuali jika ia boleh dikenalpasti secara khusus sebagai aktiviti pembiayaan atau pelaburan.
- 18.31 Cukai ke atas pendapatan daripada transaksi yang menghasilkan aliran tunai yang diklasifikasikan sebagai aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan dalam penyata aliran tunai. Sementara perbelanjaan cukai mudah dikenalpasti sebagai aktiviti pelaburan atau pembiayaan, aliran tunai cukai yang berkaitan biasanya tidak dapat dikenalpasti dan mungkin terhasil dalam tempoh yang berbeza daripada aliran tunai bagi transaksi dasar. Oleh itu, cukai yang dibayar biasanya diklasifikasikan sebagai aliran tunai daripada aktiviti operasi. Walaubagaimanapun, apabila aliran tunai cukai dapat dikenalpasti melalui transaksi tertentu yang menghasilkan aliran tunai yang boleh diklasifikasikan sebagai aktiviti pelaburan atau pembiayaan, maka aliran tunai cukai tersebut diklasifikasikan sebagai aktiviti pelaburan atau pembiayaan. Apabila aliran tunai cukai diperuntukkan lebih daripada satu kelas aktiviti, jumlah amaun cukai yang dibayar perlu didedahkan.

## **Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Sekutu Atau Usahasama**

- 18.32 Apabila perakaunan pelaburan dalam syarikat subsidiari, sekutu atau usahasama diambilkira dengan menggunakan kaedah ekuiti atau kos, maka pelabur menghadkan laporannya dalam penyata aliran tunai kepada aliran tunai antara dirinya dengan pihak penerima pelaburan, contohnya, dividen dan pendahuluan.
- 18.33 Entiti yang melaporkan kepentingan sedemikian dengan menggunakan kaedah ekuiti perlu memasukkan ke dalam penyata alirannya, aliran tunai yang berkaitan dengan pelaburannya dalam entiti kawalan bersama dan pengagihan dan bayaran atau penerimaan lain antara entiti tersebut dengan entiti yang dikawal bersama.

## **Pemerolehan Dan Pelupusan Syarikat Subsidiari Dan Unit Perniagaan Lain**

- 18.34 Aliran tunai agregat hasil daripada pemerolehan dan pelupusan syarikat subsidiari atau unit perniagaan lain perlu dilaporkan secara berasingan dan diklasifikasikan sebagai aktiviti pelaburan.
- 18.35 Entiti hendaklah mendedahkan, secara agregat, dari segi pemerolehan dan pelupusan syarikat subsidiari atau unit perniagaan lain semasa tempoh berkenaan, perkara yang berikut:
- (a) jumlah pertimbangan pembelian dan pelupusan;
  - (b) bahagian pembelian atau pelupusan yang dilepaskan secara tunai dan kesetaraan tunai;
  - (c) amaun tunai dan kesetaraan tunai dalam syarikat subsidiari atau unit perniagaan lain yang diperoleh atau dilupuskan; dan

(d) amaun aset dan liabiliti, selain tunai atau kesetaraan tunai bagi syarikat subsidiari atau unit perniagaan yang diperoleh atau dilupuskan, diringkaskan mengikut setiap kategori utama.

18.36 Pembentangan secara berasingan kesan aliran tunai daripada pemerolehan dan pelupusan syarikat subsidiari syarikat dan unit perniagaan lain sebagai item tunggal, serta pendedahan berasingan amaun aset dan liabiliti yang diperoleh atau dilupuskan, membantu dalam membezakan aliran tunai tersebut daripada aliran tunai hasil aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan lain. Kesan aliran tunai daripada pelupusan tidak ditolak daripada pemerolehan tersebut.

18.37 Amaun agregat tunai yang dibayar atau diterima sebagai pertimbangan bagi pembelian atau penjualan dilaporkan dalam penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai bersih yang diperoleh atau dilupuskan.

### **Transaksi Bukan Tunai**

18.38 Transaksi pelaburan dan pembiayaan yang tidak memerlukan penggunaan tunai atau kesetaraan tunai tidak perlu dimasukkan ke dalam penyata aliran tunai. Transaksi sedemikian perlu didedahkan di bahagian lain dalam penyata kewangan dengan cara yang dapat memberikan semua maklumat yang berkaitan tentang aktiviti pelaburan dan pembiayaan tersebut.

18.39 Kebanyakan aktiviti pelaburan dan pembiayaan tidak mempunyai kesan langsung terhadap aliran tunai semasa, walaupun aktiviti ini memberi kesan terhadap struktur modal dan aset sebuah entiti. Pengecualian transaksi bukan tunai daripada penyata aliran tunai adalah selaras dengan objektif penyata aliran tunai kerana item ini tidak melibatkan aliran tunai dalam tempoh semasa. Contoh transaksi bukan tunai ialah:

- (a) perolehan aset sama ada melalui pengambilalihan liabiliti yang berkait langsung, atau melalui pajakan kewangan; dan
- (b) perolehan entiti melalui pengeluaran ekuiti; dan
- (c) penukaran hutang kepada ekuiti.

### **Komponen Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

18.40 Entiti hendaklah mendedahkan komponen tunai dan kesetaraan tunai dan membentangkan penyesuaian amaun dalam penyata aliran tunai dengan item yang setara yang dilaporkan dalam kunci kira-kira.

### **Pededahan lain**

18.41 Entiti hendaklah mendedahkan, berserta ulasan pihak pengurusan, amaun baki tunai dan kesetaraan tunai yang ketara yang dipegang oleh entiti yang tidak dapat digunakan oleh kumpulan entiti.

18.42 Terdapat pelbagai keadaan di mana baki tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang oleh sebuah entiti tidak dapat digunakan oleh kumpulan entiti tersebut. Contohnya, baki tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang oleh syarikat subsidiari yang beroperasi di negara lain yang kawalan pertukaran atau sekatan undang-undang lain digunapakai, apabila baki tersebut tidak dapat digunakan untuk kegunaan umum oleh syarikat induk atau syarikat subsidiari lain.

18.43 Maklumat tambahan mungkin relevan kepada pengguna dalam memahami kedudukan kewangan dan kecairan entiti. Pendedahan maklumat ini, berserta ulasan pihak pengurusan, adalah digalakkan dan mungkin termasuk:

- (a) amaun kemudahan pinjaman yang tidak diambil yang mungkin tersedia untuk aktiviti operasi masa depan dan melangsaikan komitmen modal, dengan menyatakan apa-apa sekatan atas penggunaan kemudahan ini;
- (b) amaun agregat aliran tunai daripada setiap aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan yang berkaitan dengan kepentingan dalam usahasama yang dilaporkan menggunakan penyatuan berkadat;
- (c) amaun agregat aliran tunai yang menunjukkan peningkatan dalam kapasiti operasi secara berasingan berbanding aliran tunai yang diperlukan untuk mengekalkan kapasiti operasi; dan
- (d) amaun aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan bagi setiap industri dan segmen geografi yang dilaporkan.



- 18.44 Pendedahan berasingan aliran tunai yang menunjukkan peningkatan dalam kapasiti operasi dan aliran tunai yang diperlukan untuk mengekalkan kapasiti operasi adalah berguna bagi membolehkan pengguna untuk menentukan sama ada entiti membuat pelaburan yang mencukupi untuk mengekalkan kapasiti operasinya. Entiti yang tidak membuat pelaburan yang mencukupi dalam penyelenggaraan kapasiti operasinya mungkin memudaratkan kebolehuntungan masa depan demi menjaga kecairan dan pengedaran semasa kepada pemilik.
- 18.45 Pendedahan aliran tunai bersegi men membolehkan pengguna mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai hubungan antara aliran tunai perniagaan secara keseluruhan dan komponen dan ketersediaan dan kebolehubahan aliran tunai bersegi men.

## **BDAS 19 – Perakaunan Untuk Akuakultur**

### **Umum**

- 19.1 Operasi akuakultur berlaku apabila produk yang dihasilkan daripada operasi sedemikian adalah khusus bagi penggunaan makanan. Ia tidak termasuk operasi akuakultur khusus yang produknya tidak dimaksudkan untuk penggunaan makanan seperti berikut:
- (a) pembiakan ikan dan organisma peliharaan akuarium;
  - (b) penghasilan mutiara; dan
  - (c) penetasan anak ikan, larva atau hidupan lain.
- 19.2 Piawaian ini perlu digunapakai oleh entiti yang mengendalikan operasi akuakultur sama ada operasi tersebut adalah aktiviti utama atau tidak.

### **Huraian**

- 19.3 Kitaran produksi akuakultur lazimnya melalui tiga (3) fasa utama seperti berikut:
- (i) fasa pemerolehan;
  - (ii) fasa transformasi atau fasa pembesaran, dan
  - (iii) fasa tuaian/jualan.

Sebagai satu operasi akuakultur usaha berterusan, ianya merangkumi satu kitaran produksi berterusan secara berasingan, yang setiap satunya boleh diukur dan dinilai secara terpisah. Oleh yang demikian, dari segi ekonomi, kejayaan operasi bergantung kepada hasil daripada kitaran produksi.

- 19.4 Ciri unik operasi akuakultur ialah stok berubah bentuk dan kuantiti dalam fasa transformasi. Anak ikan atau anak udang akan membesar. Jumlah akan berubah bergantung kepada kadar risiko kematian benih udang/ikan iaitu risiko yang wujud dalam operasi tersebut. Dalam akuakultur, penglihatan secara langsung spesies yang diternak adalah hampir mustahil. Ciri unik ini menjadikan ianya tidak praktikal untuk mengaitkan stok akuakultur dengan penternakan spesies fizikal. Kaedah yang lebih sesuai adalah untuk melihat stok berdasarkan unit atau pusat yang boleh dikenalpasti di mana kos terkumpul. Unit yang dimasukkan tersebut ialah kolam atau kandang ternakan.
- 19.5 Risiko dan ketidakpastian yang wujud dalam operasi akuakultur lazimnya akan mengakibatkan kerugian disebabkan oleh kemusnahan sebahagian atau keseluruhan spesies yang diternak. Konsep berhemat menghendaki kerugian terduga daripada operasi untuk diiktiraf mengikut suatu tempoh tertentu.
- 19.6 Peraturan pelaporan kewangan memerlukan hasil berkala diukur dan dilaporkan. Bergantung kepada sistem pengeluaran yang digunakan dan spesies yang diternak, jangka masa kitaran produksi boleh melebihi daripada satu tempoh perakaunan. Juga mungkin terdapat kitaran produksi di mana fasa perolehannya bermula pada satu tempoh perakaunan sementara fasa tuaian/jualannya pula berakhir pada tempoh seterusnya. Oleh itu, penentuan pendapatan operasi akuakultur hendaklah berdasarkan kepada kaedah perakaunan yang menunjukkan kejayaan operasi dan pengurusan ladang yang wajar dan terbaik dalam tempoh pelaporan.

### **Kaedah Perakaunan – Pengolahan Perakaunan Bagi Kos Pelaburan Awal**

- 19.7 Kos pelaburan awal adalah kos penubuhan perusahaan akuakultur dan hendaklah meliputi semua perbelanjaan yang berkaitan secara langsung atau boleh diperuntukkan mengikut asas yang munasabah dalam membangunkan perusahaan ke tahap operasinya.
- 19.8 Perbelanjaan yang lazimnya ditanggung dalam penubuhan sesebuah usahaniaga termasuk seperti berikut:
- (a) kos perolehan tanah, perlesenan dan hak milik;
  - (b) kos pembinaan rumah ladang, premis ladang dan infrastruktur perladangan yang lain;
  - (c) kos penggalian dan pembinaan kolam, kandang, sangkar, sistem pengairan, jalan raya dan jalan masuk serta kos kenderaan pengangkutan seperti bot, trak dan kereta; dan

(d) kos jentera dan peralatan ladang seperti pengepam air, generator, mesin pemberi makanan, mesin pencampur makanan, peti sejuk dan rawa.

- 19.9 Perbelanjaan awal ini akan dipermodalkan sebagai aset tetap dan diklasifikasikan dengan sewajarnya. Jumlah amaun bawaan bagi kos pelaburan awal hendaklah diambilkira mengikut BDAS 3 – Hartanah, Loji dan Peralatan.
- 19.10 Penambahbaikan selanjutnya seperti kos pembinaan semula kolam, kandang atau sangkar, sistem pengairan dan sebagainya yang sedia ada hendaklah dicaj kepada penyata pendapatan melainkan jika penambahbaikan tersebut meningkatkan manfaat masa depan aset-aset yang sedia ada, yang melangkaui piawaian prestasi aset-aset yang dinilai sebelumnya.

### **Asas Perakaunan Bagi Penentuan Pendapatan**

- 19.11 Ada perbezaan pendapat dalam menentukan asas bagi penentuan pendapatan dalam operasi akuakultur. Sesetengahnya berpendapat bahawa pendapatan hendaklah diukur berdasarkan pusat kos dengan memadankan kos dan hasil bagi setiap kolam, kandang atau sangkar. Ada pendapat lain mengatakan bahawa pendapatan hendaklah diukur berdasarkan projek dengan memadankan kos dan hasil bagi setiap projek atau kelompok kitaran produksi.
- 19.12 Pengguna kaedah berdasarkan pusat kos berhujah bahawa kaedah ini membolehkan pengekosan bagi setiap unit (kolam, kandang atau sangkar) untuk menganggarkan apa yang berlaku dalam operasi biasa yang berjaya kerana kos unit yang gagal tidak menjejaskan unit yang berjaya. Selain itu, pendekatan ini mempunyai kebaikan berhemat dengan mengambilkira pengiktirafan kerugian pada unit yang gagal kerana kos yang ditanggung tidak ditunjukkan oleh mana-mana stok atau stok yang mencukupi. Dalam usahasama komersil yang berskala besar, kerugian unit yang gagal menunjukkan risiko yang sedia ada dalam operasi akuakultur.
- 19.13 Halangan utama pendekatan ini ialah, ianya boleh menjadikan kekeliruan ke atas laporan hasil berkala. Dalam satu kitaran produksi yang sama, kerugian boleh dilaporkan bagi unit yang gagal dalam satu tempoh, sementara keuntungan boleh dilaporkan bagi unit yang berjaya dalam tempoh berikutnya. Justeru itu, kejayaan atau kegagalan setiap kitaran tidak dapat ditentukan secara keseluruhan.
- Pendekatan ini juga seolah-olah bertentangan dengan prinsip pepadanan kerana kerugian yang dialami daripada unit yang gagal dalam satu kitaran yang tidak lengkap akan dipadankan dengan hasil daripada kitaran yang lengkap. Oleh itu, dari sudut ekonomi, pendekatan seumpama ini tidak menunjukkan pencapaian operasi dan pengurusan ladang dengan adil.
- 19.14 Pengguna kaedah berasaskan projek percaya bahawa dalam lingkungan satu kitaran produksi, kerugian unit yang gagal adalah kos unit yang berjaya. Mereka berpendapat bahawa setiap kitaran produksi adalah berbeza dan dapat dikenalpasti. Justeru, pendekatan kaedah berdasarkan projek lebih menjurus kepada padanan kos dan hasil daripada setiap kitaran yang dilaporkan secara keseluruhan. Tambahan pula, pendekatan seumpama ini dapat mengatasi beberapa kesukaran dalam pembahagian kos pengeluaran tetap bagi kolam, kandang atau sangkar. Maka, atas tujuan pengawalan, pendekatan ini akan memberikan maklumat perakaunan yang lebih bermanfaat.
- 19.15 Kekurangan utama pendekatan ini adalah kos unit yang gagal akan dibawa sebagai aset walaupun unit tersebut tidak ditunjukkan melalui mana-mana stok atau stok yang mencukupi. Oleh yang demikian, kaedah ini seolah-olah bertentangan dengan konsep berhemat.
- 19.16 Hasil daripada penelitian hujah di atas, kaedah berdasarkan projek sering dipertimbangkan sebagai pendekatan yang lebih memuaskan memandangkan kaedah ini akan memberikan hasil pencapaian operasi dan pengurusan ladang yang wajar.

### **Stok Akuakultur**

- 19.17 Perkara penting dalam sistem perakaunan akuakultur yang baik adalah pengenalpastian unit kos yang menjadi asas bagi kos produk terkumpul. Pengenalpastian unit kos hendaklah berdasarkan prinsip bahawa hasil setiap unit dapat diukur dan dikenalpasti secara berasingan, sama ada dilakukan pada sebuah kolam, kandang atau sangkar atau setiap kelompok kitaran produksi.
- 19.18 Stok akuakultur merupakan stok unit kos yang boleh dikenalpasti dan hendaklah terdiri daripada agregat kos bahan input, kos transformasi (buruh tani langsung dan overhead pengeluaran tetap) dan kos-kos lain dalam pembiakan spesis yang ditenak hingga ke tahap kondisi stok boleh dijual.

Peruntukan ini memerlukan overhead pengeluaran seperti bahan tidak langsung, buruh tidak langsung dan susut nilai jentera dan peralatan dan sebagainya untuk dibuat inventori ke dalam stok atas alasan semua perkara ini berkaitan secara langsung untuk menjadikan stok kepada kondisi yang boleh dijual.

- 19.19 Terdapat beberapa kesulitan praktikal dalam menentukan jumlah overhead pengeluaran tetap yang perlu dibuat inventori ke dalam stok. Peruntukan bagi overhead pengeluaran tetap ke dalam kos stok hendaklah berdasarkan keupayaan muatan biasa operasi ladang. Akan tetapi, keupayaan muatan dalam operasi akuakultur juga boleh berubah sebahagiannya disebabkan amalan penternakan. Oleh itu, keupayaan muatan biasa hendaklah ditetapkan terlebih dahulu untuk memberikan asas yang munasabah bagi peruntukan overhead pengeluaran tetap.
- 19.20 Untuk mencapai tahap perbandingan yang munasabah antara perusahaan, dan antara tempoh perakaunan bagi perusahaan yang sama, perlu untuk mengenalpasti kos item yang pada kebiasaannya patut dibuat inventori ke dalam stok akuakultur.
- 19.21 Sekurang-kurangnya, beberapa item berikut hendaklah dibuat inventori ke dalam stok akuakultur:
- (a) kos bahan tidak tetap seperti benih, makanan ternakan, baja, ubat-ubatan dan lain-lain;
  - (b) buruh tani langsung seperti gaji pekerja ladang;
  - (c) kos tetap langsung seperti susut nilai kolam, kandang atau sangkar, generator, pam air, bot dan lain-lain; dan
  - (d) peruntukan yang munasabah bagi kos tetap tidak langsung seperti susut nilai bagi pam biasa, sistem pengairan, jalan masuk, gaji penyelia dan juruteknik, dan lain-lain.
- 19.22 Unit kos yang dapat dikenalpasti hendaklah dijadikan asas bagi kos produk terkumpul dan hendaklah dikenalpasti bagi setiap kolam, kandang atau sangkar dan/atau pada setiap kelompok kitaran produksi.

### **Penilaian Stok**

- 19.23 Memandangkan kebanyakan kitaran produksi akuakultur adalah kitaran jangka pendek, stok hendaklah dinilai pada yang lebih rendah di antara kos dan nilai boleh realis bersih. Untuk tujuan ini, rekod terperinci mengenai kadar kematian dan/atau pengambilan sampel berkala ke atas kepadatan stok hendaklah menjadi sebahagian daripada sistem perakaunan akuakultur.
- 19.24 Suatu kerugian terduga terjadi apabila anggaran semasa bagi nilai boleh realis bersih bagi satu kitaran produksi atau satu kos unit dijangka akan berada di bawah kos terkumpulnya. Dalam kes sedemikian, turun nilai terhadap nilai boleh realis bersih adalah diperlukan. Memandangkan polisi penentuan pendapatan ini berdasarkan pendekatan projek, tidaklah perlu untuk membuat turun nilai terhadap kos satu unit kepada nilai boleh realis bersihnya asalkan nilai boleh realis bersih kitaran produksi itu dijangka akan melebihi kos terkumpulnya. Turun nilai hendaklah dinilai berdasarkan setiap projek.
- 19.25 Ada beberapa pendapat yang berbeza mengenai asas yang sesuai bagi menguji nilai boleh realis bersih. Sesetengahnya memilih untuk menilai stok dengan membandingkan berat purata semasa yang dinilai pada harga pasaran semasa dengan kos terkumpul terkini.
- 19.26 Ada pendapat lain memilih untuk membuat anggaran nilai boleh realis bersih pada fasa tuaian/jualan dibandingkan dengan anggaran jumlah kos (termasuk kos terkumpul terkini campur anggaran kos yang diperlukan untuk melengkapkan kitaran).
- 19.27 Purata berat semasa spesis ternakan, lazimnya dianggap sebagai asas yang tidak sesuai bagi menganggarkan nilai boleh realis bersih bagi stok akuakultur. Ini adalah kerana kadar kenaikan berat dan kematian adalah berbeza dalam fasa pembesaran. Tambahan pula, terdapat spesis ternakan yang mempunyai nilai pasaran yang tidak ketara melainkan ia membesar sehingga mencapai saiz pasaran boleh jual yang dapat diterima.
- 19.28 Nilai boleh realis bersih hendaklah dianggarkan berdasarkan bukti tersedia yang paling dipercayai sewaktu anggaran dibuat dengan stok yang dijangkakan akan dicapai selepas kitaran selesai.

### **Penentuan Pendapatan**

- 19.29 Pendapatan daripada operasi akuakultur hendaklah diiktiraf sewaktu penjualan itu dilangsungkan.

## **Pendedahan Di Dalam Penyata Kewangan**

19.30 Dasar perakaunan bagi perkara di bawah hendaklah mendedahkan:

- (a) asas yang diterima pakai bagi penentuan pendapatan; dan
- (b) asas yang diterima pakai bagi penilaian stok.

## **BDAS 20 – Aktiviti-Aktiviti Pemajuan Hartanah**

- 20.1 BDAS ini digunapakai bagi perakaunan aktiviti pemajuan hartanah dalam penyata kewangan untuk sesebuah entiti yang menjalankan aktiviti pemajuan hartanah. Aktiviti pemajuan hartanah yang digunapakai dalam BDAS ini adalah merujuk kepada pengambilalihan tanah untuk tujuan-tujuan berikut:
- (a) pembinaan dan penjualan bangunan kediaman yang sudah siap dan/atau bangunan komersil dan perindustrian sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya; dan
  - (b) pemajuan dan penjualan lot-lot kosong bagi pembinaan bangunan termasuk rumah-rumah ladang, kebun, dusun atau untuk kegunaan lain yang serupa.

### **Jenis Aktiviti Pemajuan Hartanah**

- 20.2 Jenis aktiviti pemajuan hartanah adalah terdiri daripada industri khusus dan piawaian yang berasingan akan meningkatkan kualiti dan kebolehbandingan penyata kewangan entiti yang menjalankan aktiviti tersebut. Satu entiti pemajuan hartanah boleh menjadi salah satu entiti yang menjalankan semua aspek, atau sebahagian besar, aktiviti pemajuan hartanah dalaman, seperti merancang, mereka bentuk dan pembinaan. Sementara itu, entiti pemajuan hartanah yang lain mungkin menyumberluarkan khidmat luar kebanyakan daripada fungsi-fungsi ini, khususnya aktiviti-aktiviti pembinaan.
- 20.3 Entiti pemajuan hartanah juga boleh terlibat dalam pemajuan sama ada salah satu, atau semua pemajuan perindustrian, komersil atau perumahan.
- 20.4 Ciri utama pemajuan hartanah adalah aktiviti pemajuan yang dijalankan melebihi satu tempoh perakaunan. Secara amnya, ini disebabkan oleh prosedur yang terlibat dalam mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan kerja pembinaan itu sendiri. Aktiviti yang perlu dilaksanakan sebelum memulakan pembinaan fizikal unit pemajuan termasuk pertukaran guna tanah, pembahagian tanah, perancangan dan lukisan teknikal, penilaian impak persekitaran, uji tanah dan kebenaran daripada pihak berkuasa untuk pelan induk dan bangunan.
- 20.5 Jenis aktiviti pemajuan hartanah adalah hasil yang mungkin diperolehi pada masa dan kuantiti yang berbeza. Penjualan unit pemajuan boleh dilakukan tatkala suatu projek itu dilancarkan atau mana-mana tahap kerja pembinaan. Penjualan lain mungkin boleh dibuat pada bila-bila masa setelah projek itu selesai. Penjualan unit pemajuan juga boleh terjadi dalam pelbagai bentuk insentif, seperti jaminan sewa, rebat faedah, dan pakej promosi lain seperti alat pendingin hawa dan kabinet dapur percuma. Jenis proses penjualan memberi kesan terhadap pengiktirafan dan pengukuran pendapatan dan perbelanjaan, dan aset-aset yang timbul daripada aktiviti pemajuan hartanah.
- 20.6 Kos pemajuan hartanah juga unik kepada industri ini dan memerlukan sistem peruntukan kos tertentu untuk infrastruktur umum dan kos yang berkaitan dengannya dalam lingkungan kitaran hidup yang selalunya lebih panjang daripada sistem kos yang diterima pakai untuk kos berkaitan dengan fasa pembinaan.
- 20.7 Isu selanjutnya adalah situasi di mana entiti pemajuan hartanah memiliki tebing tanah yang besar dan dimajukan secara berperingkat. Ini mengakibatkan, perlunya pertimbangan dibuat bagi cara untuk mengklasifikasikan tebing tanah tersebut. Di samping itu, meskipun sebidang tanah yang besar akan dimajukan secara berperingkat, infrastruktur umum seperti jalan raya penghubung, jambatan dan jejambat mungkin perlu dibina untuk keseluruhan kawasan tersebut dan bukan hanya untuk bahagian yang sedang dimajukan.

### **Tanah Yang Dipegang Bagi Pemajuan Hartanah**

- 20.8 Tidak menghairankan bagi satu entiti pemajuan hartanah untuk memegang sebidang tanah besar yang sedang dimajukan dalam beberapa tahap pemajuan, bermula dari kawasan tanah yang belum dimajukan hingga kawasan tanah yang berada dalam tahap lanjutan pemajuan. Justeru, penting untuk mempertimbangkan cara untuk mengklasifikasikan tanah tersebut.
- 20.9 Tanah yang dipegang untuk pemajuan hartanah hendaklah diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa, yang tiada aktiviti pemajuan telah dijalankan atau aktiviti pemajuan yang dijangka tidak akan siap dalam kitaran operasi yang biasa.

- 20.10 Tanah yang dipegang untuk pemajuan hartanah hendaklah dibawa pada kos yang ditolak dengan kerugian rosot nilai terkumpul. Sesebuah entiti hendaklah menggunakan BDAS 3 – Hartanah, Loji dan Peralatan, Kerosotan Aset-Aset untuk menentukan sama ada tanah tersebut telah rosot nilai.
- 20.11 Perubahan klasifikasi tanah yang dipegang untuk pemajuan hartanah kepada aset semasa hendaklah dibuat sewaktu aktiviti pemajuan telah dimulakan dan dapat diperlihatkan bahawa aktiviti pemajuan boleh siap dalam kitaran operasi biasa. Aset semasa seperti yang dijelaskan dalam BDAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan, adalah aset yang dijangka boleh direalis atau dipegang untuk jualan atau digunakan dalam kitaran operasi biasa.

### **Kos Pemajuan Hartanah**

- 20.12 Kos pemajuan hartanah hendaklah mengandungi semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pemajuan atau yang boleh diperuntukkan atas asas yang munasabah bagi aktiviti tersebut.
- 20.13 Kos berkaitan dengan aktiviti pemajuan hartanah terbahagi kepada:
- (a) kos berkaitan dengan perolehan tanah;
  - (b) kos berkaitan secara langsung dengan aktiviti pemajuan hartanah yang tertentu; dan
  - (c) kos yang berkaitan dengan aktiviti pemajuan secara umum dan boleh diperuntukkan untuk projek tersebut.
- 20.14 Kos yang berkaitan dengan perolehan tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain levi (cukai) yang berkaitan. Kos pra perolehan akan dicaj kepada penyata pendapatan sebagai apabila ditanggung melainkan kos sedemikian dapat dikenalpasti secara langsung pada aktiviti pemajuan hartanah seterusnya. Kos pra perolehan yang dipermodalkan akan dimasukkan sebagai kos pemajuan hartanah.
- 20.15 Selaras dengan prinsip asas BDAS 13 - Kos Peminjaman, semua kos berkaitan yang ditanggung selepas perolehan tanah boleh dipermodalkan hanya dalam tempoh aktiviti diperlukan untuk menyediakan hartanah bagi penggunaan yang dicadangkan sedang berjalan. Aktiviti ini akan merangkumi jenis pentadbiran dan teknikal yang dilaksanakan ketika peringkat pra pembinaan seperti penyediaan pelan dan proses mendapatkan kelulusan dan permit daripada pihak berkuasa kerajaan.
- 20.16 Kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pemajuan tertentu termasuk yuran profesional dan kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan dengan kos projek dan kontraktor untuk kerja-kerja pemajuan.
- 20.17 Sesetengah kos pemajuan hartanah boleh dikaitkan secara khusus dengan unit pemajuan yang dijual, yang lainnya dikaitkan dengan unit projek yang belum terjual manakala kos lain adalah umum dan tidak boleh diperuntukkan namun tetap penting untuk projek.
- 20.18 Kos-kos umum yang boleh diperuntukkan untuk aktiviti pemajuan hartanah termasuk:
- (a) kos yang akan diperuntukkan kepada projek pemajuan hartanah yang sedia ada dan yang akan datang dalam lingkaran lokasi geografikal yang sama (yang berkaitan) seperti kos infrastruktur umum, tanah simpan mandatori untuk tujuan pendidikan dan rekreasi di atas sebidang tanah yang entiti berhasrat untuk memajukannya dalam beberapa fasa/projek; dan
  - (b) kos yang akan diperuntukkan kepada semua projek yang sedang berjalan di pelbagai lokasi (yang tidak berkaitan), misalnya, perbelanjaan korporat tertentu yang berkaitan dengan projek pemajuan hartanah sedia ada yang sedang dijalankan oleh entiti tersebut.
- Kos-kos ini boleh diperuntukkan dengan menggunakan nilai jualan relatif bagi projek-projek yang mendapat manfaat atau yang akan mendapat manfaat daripada kos tersebut, atau kaedah lain yang diterima umum. Kaedah yang dipilih mestilah digunakan secara konsisten.
- 20.19 Kos yang berkaitan dengan aktiviti pemajuan termasuk kos luar jangka seperti kos yang berkaitan dengan liabiliti kerosakan. Kos luar jangka diambilkira mengikut BDAS 10 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.
- 20.20 Kos yang berkaitan dengan peminjaman bagi projek pemajuan hartanah diambilkira mengikut peruntukan di bawah BDAS 13 - Kos Peminjaman.
- 20.21 Peruntukan kos bagi pemajuan unit persendirian hendaklah dibuat mengikut kriteria berikut:
- (a) pengenalpastian secara spesifik (seperti kos pemajuan langsung);

- (b) nilai jualan relatif yang pengenalpastian secara spesifik tidak dapat dilakukan; atau
- (c) kaedah lain yang bersesuaian digunapakai secara konsisten jika peruntukan berdasarkan nilai jualan relatif tidak praktikal.

### **Hasil Dan Perbelanjaan Pemajuan Hartanah**

20.22 Hasil pemajuan hartanah hendaklah terdiri daripada:

- (a) harga jualan yang telah dipersetujui dalam perjanjian jual beli; dan
- (b) sebarang hasil tambahan disebabkan perubahan kerja pemajuan.

20.23 Perintah perubahan kerja adalah satu arahan daripada pelanggan untuk mengubah skop kerja yang akan dilaksanakan di bawah kontrak projek pemajuan (perjanjian jual beli). Perintah perubahan kerja boleh menjurus kepada peningkatan atau pengurangan dalam hasil pemajuan hartanah. Contoh perubahan kerja adalah perubahan dalam spesifikasi atau reka bentuk aset dan perubahan dalam tempoh kontrak projek pemajuan. Perubahan kerja juga termasuk dalam hasil pemajuan hartanah apabila:

- (a) terdapat kebarangkalian bahawa pelanggan akan meluluskan perubahan kerja tersebut dan jumlah hasil yang diperolehi daripada perubahan kerja; dan
- (b) amaun hasil boleh diukur dengan pasti.

20.24 Pendapatan pemajuan hartanah hendaklah diiktiraf dengan mengambilkira kesemua unit pemajuan yang telah dijual.

20.25 Pengiktirafan hasil bermula apabila kesemua kriteria berikut dipenuhi:

- (a) apabila jualan bagi unit pemajuan itu sah laku, misalnya dengan penandatanganan setiap perjanjian jual beli;
- (b) apabila aktiviti pemajuan dan pembinaan bermula; dan
- (c) apabila hasil kewangan aktiviti pemajuan boleh dianggarkan dengan pasti.

20.26 Hasil kewangan daripada aktiviti pemajuan dapat dianggarkan dengan pasti apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- (a) jumlah keseluruhan hasil daripada aktiviti pemajuan boleh diukur dengan pasti;
- (b) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan projek pemajuan akan mengalir kepada entiti;
- (c) kedua-dua kos untuk melengkapkan aktiviti pemajuan dan tahap penyediaan projek pemajuan pada tarikh kunci kira-kira boleh diukur dengan pasti; dan
- (d) kos yang berkaitan dengan aktiviti pemajuan boleh dikenalpasti dengan jelas dan diukur dengan pasti agar kos pemajuan sebenar yang ditanggung dapat dibandingkan dengan anggaran sebelumnya.

20.27 Jika hasil daripada aktiviti pemajuan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, maka:

- (a) hasil pemajuan hartanah hendaklah diiktiraf sebagai peruntukan hanya setakat kos pemajuan hartanah ditanggung yang kemungkinan akan boleh pulih; dan
- (b) kos pemajuan hartanah pada unit pemajuan yang dijual hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh kos itu ditanggung.

Mana-mana kerugian yang dijangkakan bagi projek pemajuan hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan serta-merta (termasuk kos yang akan ditanggung sepanjang tempoh liabiliti kerosakan).

20.28 Semasa peringkat awal projek pemajuan hartanah, terdapat keadaan yang boleh menghalang hasil projek itu untuk dianggarkan dengan pasti. Dalam hal sedemikian, peruntukan dalam perenggan 20.31 mungkin lebih sesuai. Sekiranya hasil projek tidak dapat dianggarkan dengan pasti, tidak ada keuntungan yang perlu diiktiraf. Berkemungkinan juga kos pemajuan hartanah akan melebihi jumlah hasil pemajuan hartanah. Dalam kes ini, sebarang lebihan jangkaan daripada jumlah kos pemajuan hartanah melebihi jumlah hasil pemajuan hartanah akan diiktiraf sebagai kerugian serta merta mengikut perenggan 20.31.



- 20.29 Apabila unit pemajuan hartanah dijual, bahagian yang boleh dikaitkan dengan kos pemajuan hartanah hendaklah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh hasil yang berkaitan diiktiraf.
- 20.30 Dalam proses mengiktiraf sebagai perbelanjaan, bahagian yang boleh dikaitkan dengan kos pemajuan hartanah yang terhasil daripada pemadanan antara perbelanjaan dan hasil. Dalam menentukan jumlah atau bahagian yang diperuntukan, sesebuah entiti hendaklah menerima pakai kaedah yang paling sesuai yang menggambarkan keadaannya. Kaedah ini hendaklah digunapakai secara konsisten.
- 20.31 Hasil dan perbelanjaan pemajuan hartanah hendaklah diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila hasil daripada aktiviti pemajuan boleh dianggarkan dengan pasti (rujuk perenggan 20.30). Amaun hasil dan perbelanjaan tersebut hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada tahap penyediaan aktiviti pemajuan pada tarikh kunci kira-kira.
- 20.32 Pengiktirafan hasil dan perbelanjaan yang berpandukan kepada tahap penyediaan aktiviti pemajuan sering dirujuk sebagai kaedah peratusan siap. Dengan kaedah ini, hasil pemajuan hartanah akan dipadankan dengan perbelanjaan pemajuan hartanah yang ditanggung dalam mencapai tahap penyediaan, yang memberikan pelaporan hasil, perbelanjaan dan keuntungan yang dikaitkan dengan kadar kerja yang diselesaikan. Kaedah ini memberikan maklumat yang berguna mengenai takat aktiviti pemajuan dan prestasi dalam tempoh tertentu.
- 20.33 Tahap penyediaan aktiviti pemajuan boleh ditentukan dengan pelbagai cara. Entiti hendaklah menggunakan kaedah yang boleh mengukur kerja yang telah dilaksanakan dengan pasti. Bergantung kepada jenis aktiviti pemajuan, kaedah tersebut boleh merangkumi:
- (a) kadar kos pemajuan hartanah yang ditanggung untuk kerja yang dilaksanakan sehingga kini yang diserapkan ke dalam anggaran jumlah kos pemajuan hartanah;
  - (b) pemantauan kerja yang dilaksanakan; atau
  - (c) penyediaan kadar fizikal kerja pemajuan hartanah.

### **Pengebilan Berperingkat Kepada Pembeli Dan Pembayaran Yang Diterima Lazimnya Tidak Menggambarkan Kerja Yang Telah Dilaksanakan**

- 20.34 Apabila tahap penyediaan ditentukan dengan berpandukan kepada kos pemajuan hartanah yang ditanggung sehingga kini, hanya kos pemajuan hartanah yang menggambarkan kerja yang dilaksanakan adalah dimasukkan di dalam kos yang ditanggung setakat ini. Contoh-contoh kos yang tidak berkaitan dengan kerja yang dilaksanakan adalah kos tanah, kos pembiayaan yang dipermodalkan kepada projek dan bayaran yang dibuat kepada kontraktor sebelum kerja di bawah projek itu dilaksanakan.
- 20.35 Apabila tiada lagi sebarang ketidakpastian yang menghalang anggaran pasti hasil projek, maka hasil dan perbelanjaan yang berkaitan dengan aktiviti pemajuan hendaklah diiktiraf mengikut perenggan 20.34.
- 20.36 Kos pemajuan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan hendaklah diiktiraf sebagai aset dan hendaklah diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh realis bersih.

### **Anggaran, Pembatalan Jualan Dan Insentif**

- 20.37 Anggaran dan peruntukan kos hendaklah dikaji semula pada pengakhiran setiap tempoh pelaporan kewangan sehingga sebahagian besar projek itu siap. Kos hendaklah dipinda dan diperuntukkan semula, jika perlu, untuk sebarang perubahan berasaskan anggaran semasa.
- 20.38 Kesan daripada perubahan dalam anggaran perakaunan hendaklah dimasukkan dalam penentuan keuntungan atau kerugian bersih mengikut BDAS 2 - Kesilapan Asas dan Perubahan dalam Dasar Perakaunan, Keuntungan atau Kerugian Bersih bagi tempoh yang berkenaan.
- 20.39 Hasil daripada ketidakpastian yang wujud dalam aktiviti pemajuan hartanah, anggaran kos dan hasil tidak boleh diukur dengan tepat. Penggunaan anggaran munasabah adalah penting dalam penyediaan penyata kewangan dan tidak boleh menjejaskan kebolehpercayaannya. Pindaan terhadap anggaran kos atau hasil yang berkaitan dengan aktiviti pemajuan hartanah secara amnya hendaklah dilakukan terhadap projek yang sedang berjalan dan projek akan datang, jika berkenaan.
- 20.40 Hasil dan perbelanjaan projek pemajuan yang diiktiraf hendaklah dinyatakan semula sebaik sahaja kemelesetan atau pembatalan jualan berlaku.

- 20.41 Penyelesaian gantirugi belum terima daripada kontraktor (ke atas penyiapan yang lewat) dan penyelesaian gantirugi perlu bayar kepada pembeli (terhadap penghantaran lewat) hendaklah didedahkan sebagai amaun kasar dalam penyata pendapatan.
- 20.42 Apabila insentif jualan atau jaminan lain ditawarkan bagi meningkatkan jualan, obligasi yang dianggarkan di bawah insentif atau jaminan sedemikian akan diambilkira mengikut BDAS 10 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.
- 20.43 Adalah menjadi amalan yang lazim bagi entiti pemajuan hartanah untuk menawarkan insentif bagi menarik minat pembeli. Insentif ini mungkin dalam bentuk jaminan pemaju terhadap penghunian bagi unit-unit pemajuan tersebut atau pulangan terjamin ke atas pelaburan pembeli untuk tempoh tertentu. Ketidakpastian wujud dengan: setakat tempoh yang dibenarkan oleh pembeli kepada entiti untuk mengurus bagi pihak mereka; permintaan untuk hartanah yang disewa; dan amaun sewa yang dikenakan. Dalam keadaan sedemikian, mungkin sukar untuk menganggarkan dengan pasti obligasi yang akan ditanggung oleh entiti.
- 20.44 Insentif lain atau kos promosi yang ditanggung oleh entiti pemajuan hartanah yang dikaitkan dengan jualan unit-unit pemajuan hendaklah tidak dipermodalkan akan tetapi hendaklah diiktiraf dalam penyata pendapatan. Begitu juga, yuran pentadbiran dan penyelenggaraan, deposit yang dilupuskan dan faedah belum terima juga hendaklah dimasukkan ke penyata pendapatan.

### **Inventori – Unit-Unit Pemajuan Hartanah Siap Dibina Tidak Terjual**

- 20.45 Inventori bagi unit-unit pemajuan siap dibina tidak terjual hendaklah dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh realis bersih.
- 20.46 Unit-unit pemajuan hartanah siap dibina tidak terjual yang ditahan oleh sesebuah entiti adalah diambil kira mengikut Hartanah, Loji dan Peralatan atau Hartanah Pelaburan/Pendedahan.

### **Pendedahan**

- 20.47 Sebuah entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) kaedah yang digunakan untuk menentukan peringkat penyiapan bagi aktiviti pemajuan hartanah;
  - (b) hasil dan perbelanjaan yang berkaitan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan;
  - (c) berkaitan dengan kos pemajuan hartanah yang dibawa sebagai aset, penyesuaian amaun bawaan pada permulaan dan pengakhiran tempoh yang menunjukkan:
    - (i) amaun kasar kos pemajuan hartanah, mengasingkan bahagian yang berkaitan dengan tanah;
    - (ii) kos pemajuan hartanah yang ditanggung sepanjang tempoh tersebut;
    - (iii) amaun kos pemajuan hartanah yang diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan, menunjukkan amaun dibawa ke hadapan dan amaun semasa; dan
    - (iv) pelupusan atau pemindahan kepada kategori aset yang lain atau apa-apa perubahan pada amaun bawaan sepanjang tempoh tersebut.
  - (d) berkaitan dengan tuntutan pengebilan berperingkat:
    - (i) tuntutan terakru sebagai aset semasa, yang menunjukkan lebih hasil yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan selepas tuntutan ke atas pembeli; dan
    - (ii) pengebilan berperingkat sebagai liabiliti semasa, yang menunjukkan lebih tuntutan ke atas pembeli selepas pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan; dan
  - (e) amaun tunai yang dipegang di bawah Akaun Pemajuan Perumahan dan apa-apa sekatan lain ke atas tunai.
- 20.48 Bagi tanah yang dipegang untuk pemajuan hartanah, penyata kewangan hendaklah mendedahkan:
- (a) amaun bawaan kasar bagi kos dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada) pada permulaan dan pengakhiran tempoh; dan
  - (b) penyesuaian amaun bawaan pada permulaan dan pengakhiran tempoh yang menunjukkan:
    - (i) penambahan;

- (ii) pelupusan;
- (iii) pemindahan kepada aset semasa sebagai kos pemajuan hartanah;
- (iv) kerugian rosot nilai yang diiktiraf/dipinda balik dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh, jika ada; dan
- (v) transaksi lain.

20.49 Penyata kewangan hendaklah juga mendedahkan:

- (a) kewujudan dan amaun sekatan terhadap hak milik tanah; dan
- (b) tanah yang dipegang untuk pemajuan hartanah dan projek pemajuan hartanah yang dicagarkan sebagai sekuriti untuk liabiliti.

**Tarikh Berkuatkuasa**

BDAS NON-PIE berkuatkuasa untuk penyata kewangan Entiti Berkelayakan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. Penggunaan sebelum tarikh ini adalah dibenarkan.

## CONTOH-CONTOH PENGGUNAAN

### BAHAGIAN 1 – CONTOH-CONTOH PENGGUNAAN

Lampiran ini hanyalah **ilustrasi sahaja dan bukan sebahagian dari Piawaian Perakaunan Negara Brunei Darussalam bagi Entiti Yang Tidak Mempunyai Kepentingan Awam (BDAS NON-PIE)**. Tujuan lampiran ini hanyalah untuk menerangkan penggunaan seksyen yang berkaitan dalam BDAS NON-PIE dan untuk membantu dalam memperjelaskan maknanya.

#### A. PENGIKTIRAFAN PERUNTUKAN

##### Contoh 1: Waranti

Pengeluar memberikan waranti pada waktu produk dijual kepada pembeli. Di bawah syarat kontrak jualan, pengeluar mengaku janji untuk membetulkan, sama ada dengan membaiki atau menggantikan, kerosakan pengilangan yang timbul dalam tempoh tiga tahun dari tarikh jualan. Berdasarkan pada pengalaman lalu, terdapat kebarangkalian (iaitu besar kemungkinan) tuntutan akan dibuat dalam tempoh waranti tersebut.

*Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi dahulu:* Peristiwa berobligasi itu ialah jualan produk yang mempunyai waranti, yang menimbulkan obligasi undang-undang.

*Aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi dalam penyelesaian:* Terdapat kebarangkalian untuk waranti tersebut secara keseluruhannya.

*Kesimpulan:* Peruntukan diiktiraf bagi anggaran terbaik kos membetulkan kerosakan dalam waranti bagi produk berwaranti yang dijual sebelum tarikh kunci kira-kira.

##### Contoh 2: Keperluan Undang-Undang bagi Memasang Penapis Asap

Sebuah entiti dikehendaki memasang penapis asap di dalam kilangnya menjelang 30 June 20X2. Entiti berkenaan tidak memasang penapis asap itu.

###### (a) Pada tarikh kunci kira-kira 31 Disember 20X1

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi dahulu: Tiada obligasi kerana tiada peristiwa berobligasi sama ada bagi kos pemasangan penapis asap atau bagi denda di bawah undang-undang.

Kesimpulan: Tiada peruntukan dikenalpasti bagi kos pemasangan penapis udara tersebut.

###### (b) Pada tarikh kunci kira-kira 31hb Disember 20X2

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi dahulu: Masih tiada obligasi bagi kos pemasangan penapis asap itu kerana tiada peristiwa berobligasi telah berlaku (pemasangan penapis itu). Walaubagaimanapun, suatu obligasi mungkin timbul untuk membayar denda atau penalti di bawah undang-undang kerana peristiwa berobligasi telah berlaku (ketidakpatuhan operasi kilang tersebut).

Aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi dalam penyelesaian: Terdapat kemungkinan untuk menanggung denda dan penalti kerana ketidakpatuhan operasi bergantung pada butiran undang-undang dan keketatan penguatkuasaannya.

Kesimpulan: Tiada peruntukan diiktiraf bagi kos pemasangan penapis asap itu. Walaubagaimanapun, peruntukan akan diiktiraf bagi anggaran terbaik bagi apa-apa denda dan penalti yang berkemungkinan besar akan dikenakan.

##### Contoh 3: Kes Mahkamah

Selepas satu majlis perkahwinan pada tahun 20X0, 10 orang telah meninggal dunia, kemungkinan akibat keracunan makanan daripada produk yang dijual oleh sebuah entiti. Tindakan undang-undang dimulakan bagi menuntut ganti rugi daripada entiti tersebut, tetapi entiti itu mempertikaikan liabilitinya. Sehingga tarikh kebenaran untuk penyata kewangan bagi tahun sehingga 31 Disember 20X0 dikeluarkan, pihak peguam entiti memaklumkan bahawa terdapat kebarangkalian entiti tidak akan didapati bertanggungjawab. Walaubagaimanapun, apabila entiti menyediakan penyata kewangan bagi tahun semasa berakhir 31hb Disember 20X1, pihak peguam entiti memaklumkan bahawa, disebabkan perkembangan baharu dalam kes ini, terdapat kebarangkalian entiti akan didapati bertanggungjawab.

###### (a) Pada tarikh kunci kira-kira 31hb Disember 20X0

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi dahulu: Berdasarkan bukti yang ada sewaktu penyata kewangan itu diluluskan, tiada obligasi akibat peristiwa yang lalu.

Kesimpulan: Tiada peruntukan diiktiraf oleh pihak entiti. Perkara ini didedahkan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kebarangkalian apa-apa aliran keluar dianggap sangat tipis.

(b) Pada tarikh kunci kira-kira 31hb Disember 20X1

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi dahulu: Berdasarkan bukti yang ada, obligasi kini wujud.

Aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi dalam penyelesaian: Berkemungkinan.

Kesimpulan: Satu peruntukan diiktiraf bagi amaun anggaran terbaik untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

#### **Contoh 4: Kos Pembersihan - Tiada Keperluan Undang-Undang**

Relau mempunyai bahan lapik yang perlu diganti setiap lima tahun sekali atas sebab teknikal. Pada tarikh kunci kira-kira, bahan lapik itu telah digunakan selama tiga tahun.

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi dahulu: Tiada obligasi kini.

Kesimpulan: Tiada peruntukan yang diiktiraf.

Kos bagi menggantikan bahan lapik itu tidak diiktiraf kerana pada tarikh kunci kira-kira itu, tiada obligasi untuk menggantikan bahan lapik itu yang wujud secara berasingan daripada tindakan masa hadapan entiti, malah hasrat untuk menanggung perbelanjaan itu bergantung kepada keputusan entiti untuk terus menggunakan relau itu atau untuk menggantikan bahan lapik tersebut. Peruntukan itu tidak diiktiraf, sebaliknya susut nilai bahan lapik itu akan diambilkira penggunaannya, (iaitu akan susut nilai selama lima tahun). Kos melapik semula yang kemudiannya ditanggung akan dipermodalkan, dan penggunaan setiap bahan lapik baharu itu ditunjukkan melalui susut nilai selama lima tahun berikutnya.

#### **Contoh 5: Pembayaran Perkhidmatan Kerja Lama**

Apabila seorang kakitangan layak untuk mendapat bayaran perkhidmatan lama dan skim persaraan dalam masa yang sama, amaun bagi pembayaran perkhidmatan lama tersebut mungkin akan dikurangkan melalui manfaat tertentu yang terkandung dalam skim persaraan berkenaan. Berdasarkan pada pengalaman masa lalu entiti dan pengetahuan Pengarah mengenai perniagaan dan tenaga kerja, kemungkinan entiti itu perlu membuat pembayaran perkhidmatan kerja lama kepada beberapa pekerja atas penamatan perkhidmatan atau persaraan mereka.

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi dahulu: Peristiwa berobligasi itu ialah pengambilan pekerja yang menimbulkan obligasi undang-undang.

Aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi dalam penyelesaian: Berkemungkinan.

Kesimpulan: Peruntukan diiktiraf untuk anggaran terbaik bagi pembayaran perkhidmatan lama yang diperlukan untuk dibuat kepada pekerja entiti dengan mengambilkira tempoh perkhidmatan mereka hingga kini ditolak sebarang amaun yang dijangka akan dibayar daripada skim persaraan entiti.

#### **Contoh 6: Pengurusan Bangunan**

Dana Penyelenggaraan dan Pembaikan biasanya ditubuhkan oleh syarikat pengurusan hartanah bagi menyediakan dana untuk anggaran kos bagi penyelenggaraan yang dijangka, penghiasan semula dan kerja-kerja pembaikan yang akan dilaksanakan sejauh yang dapat diramalkan. Perlukah peruntukan pembaikan dan penyelenggaraan sedemikian diiktiraf di dalam penyata kewangan?

Obligasi kini akibat peristiwa obligasi dahulu: Tiada obligasi kini.

Kesimpulan: Tiada peruntukan diiktiraf.

Namun begitu, Piawai Perakaunan Negara Brunei Darussalam bagi Entiti Yang Tidak Mempunyai Kepentingan Awam tidak menggalakkan mahupun menghalang jika dana itu diasingkan untuk memenuhi obligasi masa depan.

### **B. PENGIKTIRAFAN HASIL**

Beberapa contoh berikut menunjukkan penggunaan Seksyen 11 dari BDAS NON-PIE (BDAS 11 – Hasil) dalam beberapa situasi komersil untuk menjelaskan maksudnya. Contoh-contoh ini memfokuskan aspek khusus bagi suatu transaksi dan bukan terdiri daripada perbincangan yang komprehensif bagi semua faktor berkaitan yang mungkin mempengaruhi pengenalpastian hasil. Contoh ini, lazimnya menganggap bahawa amaun hasil dapat diukur dengan pasti, iaitu terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada

entiti; dan kos yang ditanggung atau yang akan bertanggung boleh diukur dengan pasti. **Contoh-contoh tersebut tidak akan merubah atau menolak BDAS NON-PIE.**

## **Penjualan Barangan**

Memandangkan undang-undang adalah berbeza dari satu negara dengan negara yang lain, maka kriteria pengiktirafan di dalam BDAS NON-PIE akan dipenuhi pada waktu yang berlainan. Khususnya, undang-undang akan menentukan waktu entiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan secara ketara kepada pembeli. Justeru, contoh-contoh dalam lampiran seksyen ini hendaklah diteliti dari sudut konteks undang-undang yang berkaitan dengan penjualan barangan di dalam sesebuah negara di mana transaksi tersebut berlaku.

### **1. Jualan 'Bil dan Tangguh', penghantaran barang ditangguh atas permintaan pembeli tetapi pembeli memperoleh hak milik barang dan menerima bil**

Hasil diiktiraf saat pembeli memperoleh hak milik, dengan syarat:

- (a) terdapat kemungkinan bahawa penghantaran itu akan dibuat;
- (b) ítem berada di tangan penjual, dapat dikenalpasti dan sedia untuk diserahkan kepada pembeli pada masa penjualan diiktiraf;
- (c) pembeli secara khususnya mengambil maklum arahan penghantaran tertunda; dan
- (d) syarat-syarat pembayaran lazim yang digunapakai.

Hasil tidak diiktiraf apabila ia bertujuan untuk memperoleh atau membuat barangan itu sebelum penghantaran.

### **2. Penghantaran barangan tertakluk kepada beberapa syarat, termasuk berikut:**

- (a) Pemasangan dan pemeriksaan.

Hasil biasanya diiktiraf apabila pembeli menerima penghantaran dan pemasangan serta pemeriksaan selesai. Walaubagaimanapun, hasil diiktiraf sebaik sahaja pembeli menerima penghantaran apabila:

- (i) proses pemasangan adalah mudah jenisnya (contohnya, pemasangan penerima (receiver) televisyen yang diperiksa oleh kilang, yang hanya perlu untuk mengeluarkannya dan menyambungkannya ke kuasa elektrik dan antenna); atau
- (ii) pemeriksaan dilaksanakan hanya untuk tujuan penentuan akhir harga kontrak (contohnya, pengiriman bijih besi, gula atau kacang soya).

- (b) Tertakluk pada kelulusan apabila pembeli telah merundingkan tentang hak pemulangan terhad. Jika terdapat ketidakpastian tentang kemungkinan berlakunya pemulangan, maka hasil diiktiraf apabila penghantaran telah diterima secara rasmi oleh pembeli ataupun barangan telah dihantar dan tempoh masa untuk pemulangan telah tamat.

- (c) Jualan konsainan apabila penerima (pembeli) mengaku janji untuk menjual barangan bagi pihak penghantar (penjual).

Hasil diiktiraf oleh penghantar apabila barangan telah dijual oleh penerima kepada pihak ketiga.

- (d) Jualan tunai semasa penghantaran.

Hasil diiktiraf apabila penghantaran dibuat dan wang tunai diterima oleh penjual atau ejennya.

### **3. Jualan ansuran barangan tertahan di mana barangan dihantar hanya apabila pembeli membuat pembayaran akhir dalam beberapa siri ansuran**

Hasil daripada jualan tersebut diiktiraf apabila barangan dihantar. Walaubagaimanapun, sekiranya ada pengalaman sebelumnya menunjukkan bahawa kebanyakan jualan itu disempurnakan, maka hasil boleh diiktiraf ketika deposit yang ketara diterima, dengan syarat barangan berada di tangan, dapat dikenalpasti dan sedia untuk diserahkan kepada pembeli.

### **4. Pesanan apabila pembayaran (atau sebahagian pembayaran) diterima dahulu sebelum penghantaran barangan yang pada masa itu tidak dipegang dalam inventori (contohnya barangan masih dalam pembuatan atau akan dihantar terus kepada pelanggan oleh pihak ketiga)**

Hasil diiktiraf apabila barangan dihantar kepada pembeli.

**5. Perjanjian jual dan beli semula (selain transaksi pertukaran) di mana penjual bersetuju secara serentak untuk membeli semula barangan yang sama pada tarikh kemudian, atau apabila penjual mempunyai opsi untuk membeli semula atau apabila pembeli mempunyai opsi jual iaitu untuk menghendaki penjual membeli semula barangan itu**

Syarat perjanjian perlu dianalisis untuk menentukan sama ada, dari segi inti pati, penjual telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan kepada pembeli, dan dengan itu hasil diiktiraf. Apabila penjual mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan, meskipun hak milik sah telah dipindahkan, transaksi tersebut adalah dikira sebagai perjanjian pembiayaan dan tidak memerlukan untuk diiktiraf sebagai hasil.

**6. Jualan kepada orang tengah, seperti pengedar, peniaga atau selainnya, untuk dijual semula**

Hasil daripada jualan sedemikian secara umumnya diiktiraf setelah risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindah. Walaubagaimanapun, apabila pembeli bertindak, dari segi inti pati, sebagai ejen, maka jualan tersebut dianggap sebagai jualan konsainan.

**7. Langganan penerbitan dan item yang serupa**

Apabila item yang terlibat mempunyai nilai yang sama dalam setiap tempoh masa, maka hasil diiktiraf menurut asas garis lurus sepanjang tempoh item itu dihantar. Apabila nilai item berbeza dari semasa ke semasa, hasil diiktiraf berdasarkan nilai jualan item yang dihantar, yang berkaitan dengan jumlah anggaran nilai jualan semua item yang termasuk dalam langganan.

**8. Jualan ansuran di mana pertimbangan belum terima secara ansuran**

Hasil yang diperoleh daripada harga jualan, tidak termasuk faedah, diiktiraf pada tarikh penjualan. Harga jual ialah nilai kini pertimbangan, yang ditentukan dengan mendiskaun ansuran belum terima pada kadar faedah input. Elemen faedah diiktiraf sebagai hasil apabila ia diperolehi, berasaskan kadar waktu yang mengambilkira kadar faedah input.

**9. Jualan hartanah**

Hasil, biasanya, diiktiraf apabila hak milik sah dipindah kepada pembeli. Walaubagaimanapun, dalam sesetengah bidang kuasa, kepentingan ekuiti hartanah mungkin terletak hak pada pembeli sebelum hak milik sah bertukar, dan oleh itu risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan pada peringkat itu. Dalam kes seperti ini, ianya mungkin sesuai untuk diiktiraf sebagai hasil dengan syarat penjual tidak lagi mempunyai tindakan penting selanjutnya untuk diselesaikan di bawah kontrak tersebut. Dalam mana-mana kes, jika penjual bertanggungjawab untuk melaksanakan sebarang tindakan yang ketara selepas pemindahan hak milik ekuiti dan/atau hak milik sah, hasil diiktiraf kerana tindakan telah dilaksanakan. Contohnya, bangunan atau kemudahan lain yang pembinaannya belum lagi siap.

Di dalam beberapa kes, hartanah boleh dijual oleh penjual sejauh mana penglibatan yang berterusan seperti risiko dan ganjaran pemilikan belum lagi dipindahkan. Contohnya, perjanjian jual dan beli semula termasuk opsi jual dan beli, dan perjanjian yang penjual menjamin hartanah tersebut akan didiami dalam tempoh yang dinyatakan, atau menjamin pulangan pelaburan pembeli bagi tempoh yang dinyatakan. Dalam kes ini, jenis dan takat penglibatan berterusan penjual akan menentukan bagaimana transaksi tersebut diambilkira. Ia mungkin diambilkira sebagai jualan atau sebagai pembiayaan, pajakan atau pengaturan perkongsian keuntungan yang lain. Jika ia diambilkira sebagai jualan, penglibatan berterusan penjual boleh menanggungkan pengiktirafan hasil.

Penjual juga perlu mempertimbangkan cara pembayaran dan bukti komitmen pembeli untuk melunaskan bayaran. Sebagai contoh, apabila agregat bayaran yang diterima, termasuk bayaran pendahuluan permulaan atau bayaran berterusan oleh pembeli, memberikan bukti yang tidak mencukupi tentang komitmen pembeli untuk melunaskan bayaran, maka hasil diiktiraf hanya setakat tunai diterima.



## **Pemberian Perkhidmatan**

### **10. Yuran pemasangan**

Yuran pemasangan diiktiraf sebagai hasil dengan merujuk kepada peringkat penyiapan pemasangan tersebut, melainkan jika ia berkaitan dengan jualan produk, maka ia diiktiraf apabila barangan tersebut dijual.

### **11. Yuran perkhidmatan yang termasuk dalam harga produk**

Apabila harga jualan produk termasuk amaun yang dapat dikenalpasti untuk perkhidmatan berikutnya (contohnya, perkhidmatan sokongan selepas jualan dan peningkatan produk bagi penjualan perisian) maka amaun itu hendaklah ditunda dan diiktiraf sebagai hasil dalam tempoh perkhidmatan tersebut dilaksanakan. Amaun tertunda ialah amaun yang akan menampung jangkaan kos perkhidmatan yang dijangkakan di bawah perjanjian, beserta keuntungan munasabah bagi perkhidmatan tersebut.

### **12. Komisen pengiklanan**

Komisen media diiktiraf apabila iklan atau komersil yang berkaitan disiarkan kepada orang awam. Komisen pengeluaran diiktiraf dengan merujuk kepada peringkat penyiapan projek.

### **13. Komisen agensi insurans**

Komisen agensi insurans yang diterima atau belum terima yang tidak memerlukan ejen untuk memberikan khidmat selanjutnya adalah diiktiraf sebagai hasil oleh ejen itu pada tarikh berkuatkuasanya permulaan atau pembaharuan polisi berkaitan. Walaubagaimanapun, apabila terdapat kebarangkalian bahawa ejen itu diperlukan untuk memberikan khidmat selanjutnya sepanjang hayat polisi itu, maka komisen, atau sebahagian daripadanya, ditunda dan diiktiraf sebagai hasil sepanjang tempoh polisi berkuatkuasa.

### **14. Yuran kemasukan**

Hasil daripada persembahan seni, bankuet dan acara khas lain diiktiraf apabila acara tersebut berlaku. Apabila langganan untuk beberapa acara dijual, yuran bagi setiap acara diperuntukan berdasarkan sejauh mana perkhidmatan dilaksanakan pada setiap acara.

### **15. Yuran pengajian**

Hasil diiktiraf sepanjang tempoh pengajian.

### **16. Yuran permulaan, kemasukan dan keahlian**

Pengiktirafan hasil bergantung pada jenis perkhidmatan yang disediakan. Jika sesuatu yuran hanya dikhususkan untuk keahlian, dan perkhidmatan atau produk lain dibayar secara berasingan, atau jika terdapat yuran tahunan yang berasingan, maka yuran tersebut akan diiktiraf sebagai hasil apabila tiada ketidakpastian yang ketara wujud berhubung dengan kebolehkutipan. Jika yuran melayakkan ahli untuk mendapatkan perkhidmatan ataupun penerbitan sepanjang tempoh keahlian, atau untuk membeli barangan atau perkhidmatan pada harga yang lebih rendah daripada yang dikenakan kepada yang bukan ahli, maka yuran itu diiktiraf berdasarkan masa, jenis dan nilai manfaat yang disediakan.

### **17. Yuran Francais**

Yuran francais boleh merangkumi pembekalan perkhidmatan awal dan berikutnya, peralatan dan aset ketara lain serta pengetahuan. Oleh itu, yuran francais diiktiraf sebagai hasil berdasarkan tujuan yuran tersebut dikenakan. Kaedah pengiktirafan yuran francais yang sesuai adalah seperti berikut:

(a) Bekalan peralatan dan aset ketara lain

Amaun, berdasarkan nilai saksama aset yang dijual, adalah diiktiraf sebagai hasil apabila item dihantar atau hak milik bertukar tangan.

(b) Bekalan perkhidmatan awal dan berikutnya

Yuran bagi bekalan perkhidmatan berterusan, sama ada sebahagian daripada yuran awal atau yuran berasingan, diiktiraf sebagai hasil apabila perkhidmatan diberikan. Apabila yuran berasingan tidak meliputi kos perkhidmatan berterusan serta keuntungan yang munasabah, sebahagian daripada yuran awal itu, yang mencukupi untuk menggantikan kos perkhidmatan

berterusan dan memberikan keuntungan yang munasabah ke atas perkhidmatan tersebut, akan ditunda dan diiktiraf sebagai hasil apabila perkhidmatan diberikan.

Perjanjian francais mungkin memperuntukkan pemberi francais untuk membekalkan peralatan, inventori, atau aset ketara yang lain pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga yang dikenakan kepada orang lain atau harga yang tidak memberikan keuntungan yang munasabah bagi penjualan tersebut. Dalam hal ini, sebahagian daripada yuran awal, yang cukup untuk menampung anggaran kos yang melebihi harga tersebut dan untuk memberi keuntungan yang munasabah bagi jualan tersebut, akan ditunda dan diiktiraf sepanjang tempoh barangan tersebut mungkin dijual kepada pemegang francais. Baki yuran awal diiktiraf sebagai hasil apabila pelaksanaan semua perkhidmatan awal dan obligasi lain yang diperlukan oleh pemberi francais (contohnya bantuan dengan pemilihan tapak, latihan kakitangan, pembiayaan dan pengiklanan) yang sebahagian besarnya telah dilaksanakan.

Perkhidmatan awal dan obligasi yang lain di bawah bidang kuasa perjanjian francais mungkin bergantung kepada bilangan outlet berasingan yang ditubuhkan di kawasan tersebut. Dalam hal ini, yuran berkaitan dengan perkhidmatan awal diiktiraf sebagai hasil menurut kadar jumlah outlet yang perkhidmatan awalnya yang sebahagian besarnya telah dilaksanakan sebahagian besarnya.

Jika yuran awal boleh dikutip dalam suatu tempoh yang dilanjutkan dan terdapat ketidakpastian yang ketara bahawa ia dapat dikutip sepenuhnya, maka yuran diiktiraf sebagai ansuran tunai yang diterima.

(c) Yuran francais berterusan

Yuran yang dikenakan bagi penggunaan hak berterusan yang diberikan dalam perjanjian, atau bagi perkhidmatan lain yang disediakan sepanjang tempoh perjanjian, diiktiraf sebagai hasil apabila perkhidmatan disediakan ataupun hak digunakan.

(d) Transaksi pihak agensi

Transaksi boleh berlaku antara pemberi francais dengan penerima francais yang, dari segi inti patinya, melibatkan pemberi francais bertindak sebagai ejen bagi penerima francais. Sebagai contoh, pemberi francais boleh memesan bekalan dan mengaturkan penghantarannya kepada penerima francais tanpa keuntungan. Transaksi tersebut tidak menimbulkan hasil.

## **18. Yuran daripada pengembangan perisian yang ditempah khas**

Yuran daripada pengembangan perisian yang ditempah khas diiktiraf sebagai hasil dengan merujuk kepada tahap penyiapan pengembangan, termasuk penyiapan perkhidmatan yang disediakan untuk khidmat sokongan selepas penghantaran.

## **19. Yuran lesen dan royalti**

Yuran dan royalti yang dibayar bagi menggunakan aset entiti (seperti tanda dagangan, paten, perisian, hak cipta muzik, fail induk rekod dan filem wayang gambar) biasanya diiktiraf mengikut inti pati perjanjian. Secara praktikalnya, ini mungkin mengikut asas garis lurus sepanjang hayat perjanjian, sebagai contoh, apabila seorang pemegang lesen mempunyai hak untuk menggunakan teknologi tertentu sepanjang tempoh masa yang dinyatakan.

Pemberian hak dengan yuran tetap atau jaminan yang tidak boleh di bayar balik di bawah kontrak tidak boleh batal, yang membenarkan pemegang lesen mengeksploitasi hak tersebut secara bebas, sehingga pemberi lesen itu tidak mempunyai obligasi lain untuk dilaksanakan, dari segi inti patinya, adalah jualan. Contohnya ialah perjanjian pelesenan bagi penggunaan perisian apabila pemberi lesen tidak lagi mempunyai obligasi selepas penghantaran. Contoh lain ialah pemberian hak penayangan filem wayang gambar dalam pasaran yang pemberi lesen tidak mempunyai kawalan ke atas pengedar dan menjangka untuk tidak akan menerima hasil seterusnya daripada kutipan jualan terlaris. Dalam kes ini, hasil diiktiraf semasa jualan.

Dalam sesetengah kes, sama ada atau tidak, yuran lesen atau royalti itu diterima adalah bergantung kepada berlakunya suatu peristiwa akan datang. Dalam kes sedemikian, hasil diiktiraf hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa yuran atau royalti akan diterima, yang biasanya diterima apabila peristiwa telah berlaku.

## BAHAGIAN 2 – ILUSTRASI

Ilustrasi Penyata Kewangan disediakan mengikut BDAS NON-PIE.

Lampiran ini hanyalah ilustrasi dan bukan sebahagian daripada BDAS NON-PIE. Tujuan lampiran ini hanyalah untuk menerangkan penggunaan BDAS NON-PIE untuk membantu dalam memperjelaskan maknanya. Hendaklah diambilmaklum bahawa:

- (a) Di bawah BDAS NON-PIE 1.26, satu analisis perbelanjaan menggunakan klasifikasi berdasarkan sama ada jenis perbelanjaan atau fungsinya di dalam entiti hendaklah dilaporkan sama ada dalam muka penyata pendapatan atau dalam nota penyata pendapatan. Pembentangan yang diterima pakai hendaklah konsisten dengan isi kandungan sebelumnya.
- (b) Di bawah BDAS NON-PIE 1.29, perubahan ekuiti boleh dilaporkan sama ada dalam nota penyata kewangan atau sebagai komponen berasingan di dalam penyata kewangan. Pembentangan yang diterima pakai hendaklah konsisten dengan isi kandungan sebelumnya.

---

### ABC LIMITED

#### PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 20X5

	NOTA	20X5 BND\$	20X4 BND\$
<b>Hasil</b>	<b>2</b>	29,054,180	24,834,610
<b>Kos jualan</b>		(19,114,120)	(16,490,300)
		<u>9,940,060</u>	<u>8,344,310</u>
<b>Pendapatan lain</b>		23,680	23,060
<b>Kos pengagihan</b>		(702,200)	(627,200)
<b>Perbelanjaan pentadbiran</b>		(7,240,955)	(5,901,420)
<b>Perbelanjaan operasi lain</b>		(423,050)	(400,120)
<b>Kos kewangan</b>	<b>3</b>	(53,530)	(63,130)
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>	<b>4</b>	<u>1,544,005</u>	<u>1,375,500</u>
<b>Perbelanjaan cukai pendapatan</b>	<b>6</b>	(225,050)	(225,430)
<b>Keuntungan tahunan</b>		<u>1,318,955</u>	<u>1,150,070</u>

Polisi perakaunan dan nota keterangan yang disertakan adalah sebahagian daripada, dan hendaklah dibaca bersama-sama, penyata kewangan ini.

**ABC LIMITED**

KUNCI KIRA-KIRA pada 31 Disember 20X5

	Nota	20X5 BND\$	20X4 BND\$
<b>Aset bukan semasa</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	7	5,270,300	4,104,010
Aset tak ketara	8	2,100,000	2,400,000
Pelaburan jangka panjang	9	430,000	400,000
		<u>7,800,300</u>	<u>6,904,010</u>
<b>Aset semasa</b>			
Inventori	10	1,938,680	1,964,590
Pra bayaran		147,040	261,910
Perdagangan dan lain-lain belum terima		2,115,150	2,113,535
Pelaburan semasa	11	200,000	-
Wang tunai dan baki bank		106,800	83,500
		<u>4,507,670</u>	<u>4,423,535</u>
<b>Tolak: Liabiliti semasa</b>			
Cukai pendapatan perlu bayar		(225,050)	(225,430)
Overdraif bank – cagaran	12	(318,840)	(533,520)
Pinjaman bank yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan – cagaran	12	(300,000)	(300,000)
Obligasi di bawah pajakan kewangan	13	(117,630)	(62,805)
Perdagangan perlu bayar		(1,892,530)	(1,702,250)
Hutang kepada pihak berkenaan	17	(360,300)	(343,900)
		<u>(3,214,350)</u>	<u>(3,167,905)</u>
Aset semasa bersih		<u>1,293,320</u>	<u>1,255,630</u>
<b>Liabiliti bukan semasa</b>			
Pinjaman bank – cagaran	12	(100,000)	(400,000)
Obligasi di bawah pajakan kewangan	13	(89,770)	(64,745)
		<u>(189,770)</u>	<u>(464,745)</u>
<b>Aset Bersih</b>		<u>8,903,850</u>	<u>7,694,895</u>
<b>Ekuiti</b>			
<b>Modal saham</b>			
Dibenarkan: 100,000 unit saham biasa bernilai BND\$1 per saham			
Dikeluarkan dan dibayar penuh: 100,000 unit bernilai BND\$1 per saham	14	100,000	100,000
Perolehan tertahan	14	8,803,850	7,594,895
		<u>8,903,850</u>	<u>7,694,895</u>

Diluluskan oleh:

---

 Pengarah

---

 Pengarah

Polisi perakaunan dan nota keterangan yang disertakan adalah sebahagian daripada dan hendaklah dibaca bersama-sama penyata kewangan ini.

## ABC LIMITED

### POLISI PERAKAUNAN DAN NOTA KETERANGAN BAGI PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 20X5

#### Entiti yang melapor

ABC Limited adalah sebuah syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dengan liabiliti terhad. Pejabat berdaftar syarikat terletak di Tingkat 1, Bangunan ABC, Bandar Seri Begawan. Aktiviti utama syarikat adalah perniagaan barang-barang permainan. Syarikat menerima pakai nama dagangan "Fun Times" bagi perniagaan yang dijalankan.

#### 1. Asas penyediaan dan polisi perakaunan

Syarikat ini layak di bawah Akta Syarikat dan perlu menyediakan dan membentangkan penyata kewangan syarikat mengikut seksyen-seksyen tertentu di bawah Akta Syarikat. Para pemegang saham syarikat dengan sebulat suara bersetuju secara bertulis untuk menggunakan seksyen-seksyen yang berkenaan dalam penyediaan penyata kewangan syarikat bagi tahun berakhir pada 31 Disember 20X5.

Penyata kewangan ini mematuhi **Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam Bagi Entiti Tidak Mempunyai Kepentingan Awam (BDAS NON-PIE)** yang dikeluarkan oleh Majlis Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam dan disediakan menggunakan asas akruan perakaunan, dan berdasarkan syarikat ini adalah satu usaha yang berterusan.

Kaedah perkiraan yang diterima pakai adalah berdasarkan konvensyen kos sejarah (*historical cost convention*).

Berikut adalah beberapa polisi perakaunan khusus yang diperlukan untuk pemahaman yang betul tentang penyata kewangan:

(a) Hasil

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir ke dalam syarikat dan apabila hasil boleh dinilai dengan pasti menggunakan asas berikut:

- (i) jualan barangan diiktiraf apabila barangan telah dihantar dan risiko serta ganjaran pemilikan barangan tersebut telah dipindahkan kepada pelanggan;
- (ii) pendapatan sewa diiktiraf dengan menggunakan asas kadar waktu bagi tempoh yang ditentukan dalam terma pajakan;
- (iii) pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan asas kadar waktu dengan mengambilkira amaun pokok tertunggak dan kadar faedah yang berkenaan; dan
- (iv) pendapatan dividen diiktiraf apabila hak para pemegang saham untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

(b) Kos peminjaman

Kos peminjaman diiktiraf sebagai suatu perbelanjaan dalam tempoh peminjaman itu dibuat.

(c) Pertukaran mata wang asing

Transaksi mata wang asing ditukar dengan menggunakan kadar pertukaran yang dikenakan pada tarikh transaksi. Item monetari mata wang asing diterjemahkan kepada Ringgit Brunei dengan menggunakan kadar pertukaran yang dikenakan pada tarikh kunci kira-kira dibuat. Keuntungan atau kerugian bagi pertukaran mata wang asing diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(d) Percukaian

Perbelanjaan cukai pendapatan adalah perbelanjaan cukai semasa. Cukai pendapatan perlu bayar adalah jumlah yang akan dibayar kepada pihak autoriti percukaian, menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh kunci kira-kira dibuat.

Cukai tertunda tidak diperuntukkan.

(e) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan mengikut kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Amaun susut nilai bagi item hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan secara sistematik mengikut jangkaan tempoh hayat berguna dengan menggunakan kaedah garisan lurus. Kadar tahunan pokok yang digunakan untuk susut nilai adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	Sepanjang tempoh terma pajakan
Bangunan	2%
Perabot, pemasangan dan peralatan	10%-20%

(f) Aset tak ketara

Aset tak ketara adalah dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul dan dilunaskan secara sistematik mengikut jangkaan tempoh hayat berguna dengan menggunakan kaedah garisan lurus.

(g) Pelaburan dalam sekuriti

Pelaburan semasa adalah dinyatakan pada kos yang terendah di antara kos dengan nilai boleh realis bersih. Pelaburan jangka panjang adalah kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

(h) Rosot nilai aset

Penilaian dibuat pada setiap tarikh kunci kira-kira bagi menentukan sama ada terdapat petunjuk rosot nilai atau pindaan balik rosot nilai sebelum termasuk item hartanah, loji dan peralatan, aset tak ketara dan pelaburan jangka panjang. Sekiranya amaun bawaan suatu aset melebihi amaun boleh pulih, maka amaun bawaan aset akan dikurangkan mengikut amaun boleh pulih dan kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya hanya akan dapat dipinda balik, jika terdapat perubahan anggaran yang digunakan dalam menentukan amaun boleh pulih, namun tidak pada suatu jumlah yang lebih tinggi daripada amaun bawaan yang ditentukan (pelunasan bersih atau susut nilai), sekiranya tidak ada kerugian rosot nilai aset diktiraf pada tahun-tahun sebelumnya.

(i) Pajakan

Pajakan yang memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kepada syarikat, adalah diambilkira sebagai pajakan kewangan. Pada permulaan pajakan kewangan, kos aset yang dipajak dipermodalkan pada nilai saksama aset yang dipajak atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bayaran minimum pajakan. Bayaran pajakan dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah tetap pada baki liabiliti. Caj kewangan dikenakan kepada penyata kewangan.

Aset pajakan yang dipermodalkan akan disusut nilai mengikut tempoh terpendek antara tempoh anggaran hayat berguna aset atau tempoh syarat pajakan.

Pajakan yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset tidak dipindahkan kepada penerima pajak akan diambilkira sebagai pajakan operasi. Sewa tahunan yang dikenakan kepada pajakan operasi akan dicaj kepada penyata pendapatan mengikut asas garis lurus pada tempoh pajakan.

(j) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos yang terendah di antara kos (menggunakan asas masuk dulu, keluar dulu (*first in, first out - FIFO*)) dan nilai boleh realis bersih. Untuk mendapatkan nilai boleh realis bersih, peruntukan disediakan untuk kemerosotan dan keusangan.

(k) Perdagangan dan belum terima lain

Perdagangan dan belum terima lain dinyatakan pada anggaran nilai boleh realis bersih selepas setiap hutang dipertimbangkan secara berasingan. Sekiranya pembayaran hutang diragui, maka peruntukan akan disediakan dan dikenakan kepada penyata pendapatan.

## 2. Hasil

Analisis hasil syarikat adalah seperti berikut:

	<b>20X5</b>	<b>20X4</b>
	<b>BND\$</b>	<b>BND\$</b>
Jualan barangan	28,957,860	24,753,540
Pendapatan sewa	78,000	68,000
Pendapatan faedah	6,200	5,600
Pendapatan dividen	12,120	7,470
	<u>29,054,180</u>	<u>24,834,610</u>

## 3. Kos kewangan

	<b>20X5</b>	<b>20X4</b>
	<b>BND\$</b>	<b>BND\$</b>
Faedah bagi pinjaman bank dan overdraf	41,030	55,100
Faedah bagi pajakan kewangan	12,500	8,030
	<u>53,530</u>	<u>63,130</u>

## 4. Keuntungan sebelum cukai

Keuntungan sebelum cukai diperolehi seperti berikut:

	<b>Nota</b>	<b>20X5</b>	<b>20X4</b>
		<b>BND\$</b>	<b>BND\$</b>
Selepas pengkreditan item-item berikut:			
Laba diperolehi bagi pelupusan hartanah, loji dan peralatan		23,680	23,060
Dan selepas mengecaj item-item berikut:			
Susut nilai	7	(565,770)	(322,820)
Rosot nilai*	8	(300,000)	(300,000)
Ganjaran kakitangan pengurusan utama		(762,850)	(470,000)
Kos staf lain		(1,522,570)	(1,968,920)
Kerugian pertukaran, nilai bersih		(16,250)	(19,920)
Peruntukan inventori		(106,000)	(86,700)
Peruntukan hutang lapuk dan ragu		(98,800)	(65,600)

\*Rosot nilai bagi jenama yang diperolehi bagi tahun ini adalah dimasukkan dalam "Perbelanjaan operasi lain" di dalam penyata pendapatan.

## 5. Ganjaran Pengarah

Pendedahan ganjaran Pengarah adalah seperti berikut:

	<b>20X5</b>	<b>20X4</b>
	<b>BND\$</b>	<b>BND\$</b>
Yuran	350,000	350,000
Emolumen lain	120,000	120,000

## 6. Perbelanjaan cukai pendapatan

Cukai keuntungan Negara Brunei Darussalam dikenakan pada kadar 17.5% (20X4: 17.5%) bagi anggaran keuntungan boleh taksir yang diperolehi di Brunei Darussalam pada tahun tersebut:

	<b>20X5</b>	<b>20X4</b>
	<b>BND\$</b>	<b>BND\$</b>
Cukai yang dikenakan pada tahun semasa	235,250	225,430
Lebih peruntukan tahun-tahun sebelumnya	(10,200)	-
	<u>225,050</u>	<u>225,430</u>

## 7. Hartanah, loji dan peralatan

	<b>Tanah pegangan pajak dan bangunan BND\$</b>	<b>Perabot, pemasangan dan peralatan BND\$</b>	<b>Jumlah BND\$</b>
Kos:			
Pada 1 Januari 20X5	5,040,000	2,428,180	7,468,180
Tambahan	-	2,381,530	2,381,530
Pelupusan	-	(1,527,470)	(1,527,470)
Pada 31 Disember 20X5	<u>5,040,000</u>	<u>3,282,240</u>	<u>8,322,240</u>
Susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai:			
Pada 1 Januari 20X5	2,160,000	1,204,170	3,364,170
Susut nilai bagi tahun semasa	80,000	485,770	565,770
Kos pelupusan yang dimasuk kira semula	-	(878,000)	(878,000)
Pada 31 Disember 20X5	<u>2,240,000</u>	<u>811,940</u>	<u>3,051,940</u>
Amaun bawaan bersih:			
Pada 31 Disember 20X5	<u>2,800,000</u>	<u>2,470,300</u>	<u>5,270,300</u>
Pada 31 Disember 20X4	<u>2,880,000</u>	<u>1,224,010</u>	<u>4,104,010</u>

Amaun bawaan bagi peralatan di bawah pajakan kewangan, pada 31 Disember 20X5 adalah BND\$205,500

(20X4: BND\$108,000).

## 8. Aset tak ketara

	<b>BND\$</b>
<u>Jenama yang diperolehi</u>	
Kos:	
Pada 1 Januari dan 31 Disember 20X5	<u>3,000,000</u>
Perlunasan terkumpul:	
Pada 1 Januari 20X5	600,000
Perlunasan untuk tahun semasa	<u>300,000</u>
Pada 31 Disember 20X5	<u>900,000</u>
Amaun bawaan bersih:	
Pada 31 Disember 20X5	<u>2,100,000</u>
Pada 31 Disember 20X4	<u>2,400,000</u>

Jenama yang diperolehi dilunaskan dalam tempoh 10 tahun.

## 9. Pelaburan jangka panjang

	<b>20X5 BND\$</b>	<b>20X4 BND\$</b>
Sekuriti ekuiti disenaraikan, pada kos	<u>430,000</u>	<u>400,000</u>
Nilai pasaran sekuriti ekuiti disenaraikan pada 31 Disember 20X5 adalah BND\$525,190 (20X4: BND\$552,740).		

## 10. Inventori

Inventori terdiri daripada keseluruhan stok niaga.



## 11. Pelaburan semasa

Pelaburan semasa adalah suatu pelaburan dalam nota berkaitan ekuiti dalam tempoh enam bulan dan pulangnya bergantung kepada prestasi sekuriti tunggal.

## 12. Pinjaman bank bercagar dan overdraf

	<b>20X5 BND\$</b>	<b>20X4 BND\$</b>
<u>Pinjaman bank</u>		
BND\$900,000 pinjaman 3 tahun		
- Sepenuhnya boleh dibayar balik pada September 20X7	400,000	700,000
Tolak: Bahagian semasa	<u>(300,000)</u>	<u>(300,000)</u>
Bahagian bukan semasa	<u>100,000</u>	<u>400,000</u>

Pinjaman bank dan overdraf syarikat dicagarkan dengan caj terapung aset syarikat.

## 13. Obligasi di bawah pajakan kewangan

Nilai kini pembayaran pajakan di bawah pajakan kewangan adalah seperti berikut:

	<b>20X5 BND\$</b>	<b>20X4 BND\$</b>
Tidak melebihi setahun	117,630	62,805
Melebihi satu tahun	<u>89,770</u>	<u>64,745</u>
	<u>207,400</u>	<u>127,550</u>

## 14. Perubahan dalam ekuiti

	<b>Modal saham BND\$</b>	<b>Perolehan tertahan BND\$</b>	<b>Jumlah BND\$</b>
Baki pada 31 Disember 20X4	100,000	7,594,895	7,694,895
Keuntungan pada tahun semasa	-	1,318,955	1,318,955
Bayaran dividen (Dividen interim BND\$1.10 per saham)	-	(110,000)	(110,000)
Baki pada 31 Disember 20X5	<u>100,000</u>	<u>8,803,850</u>	<u>8,903,850</u>

## 15. Komitmen di bawah pajakan operasi

Syarikat mempunyai jumlah bayaran minimum pajakan masa hadapan perlu dibayar di bawah pajakan operasi tidak boleh batal seperti berikut:

	<b>20X5 BND\$</b>	<b>20X4 BND\$</b>
Tidak melebihi satu tahun	573,060	573,060
Melebihi satu tahun	<u>573,060</u>	<u>1,146,120</u>
	<u>1,146,120</u>	<u>1,719,180</u>

## 16. Liabiliti luar jangka/bersyarat

Syarikat mempunyai liabiliti luar jangka yang tidak disediakan di dalam penyata kewangan seperti berikut:

	<b>20X5 BND\$</b>	<b>20X4 BND\$</b>
Jaminan diberi kepada bank berkaitan dengan kemudahan yang diberikan kepada syarikat berkaitan	<u>197,120</u>	<u>-</u>

Awang X, pemegang saham dalam sebuah syarikat, mengawal kedua-dua syarikat itu dan syarikat-syarikat berkaitan.

## 17. Transaksi pihak berkaitan

Selain daripada transaksi dan baki dinyatakan di tempat lain dalam penyata kewangan ini, syarikat mempunyai transaksi berikut dengan pihak berkaitan seperti berikut:

	<b>20X5</b> <b>BND\$</b>	<b>20X4</b> <b>BND\$</b>
Barangan dijual kepada pihak berkaitan	393,500	372,840
Barangan dibeli daripada pihak berkaitan	<u>1,519,400</u>	<u>2,505,920</u>

Awang X, pemegang saham dalam sebuah syarikat, yang mengawal kedua-dua syarikat itu dan syarikat-syarikat berkaitan.

Amaun yang perlu bayar kepada pihak berkaitan adalah tidak bercagar, tanpa faedah, dan tidak ada syarat pembayaran balik ditentukan.

## 18. Kebenaran untuk menerbitkan penyata kewangan

Penyata-penyata kewangan ini diberikan kebenaran untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah-Pengarah Syarikat pada 15hb Mac 20X6.

MAJLIS PIAWAIAN PERAKAUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Urus Setia Majlis Piawaian Perakaunan Negara Brunei Darussalam  
Tingkat 1 | Island Block | Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Jalan Commonwealth | BB3910 | Negara Brunei Darussalam

Emel : [bdasc@mofe.gov.bn](mailto:bdasc@mofe.gov.bn) | Laman Sesawang : [bdasc.mofe.gov.bn](http://bdasc.mofe.gov.bn)

Telefon : 2383933 / 2380651 | Faks : 2383932